

Jilid II  
Bil. 67



Hari Khamis  
6hb Disember, 1984

## PENYATA RASMI PARLIMEN PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN RAKYAT *HOUSE OF REPRESENTATIVES*

### PARLIMEN KEENAM *Sixth Parliament*

### PENGGAL KEDUA *Second Session*

## KANDUNGANNYA

### PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim—Kebenaran [Ruang 9543]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) [Ruang 9543]

Rang Undang-undang Takaful [Ruang 9567]

### USUL-USUL:

Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri-negeri Tanah Melayu) 1984 [Ruang 9602]

Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri Sabah) 1984 [Ruang 9692]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruang 9612]



MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parliment*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

**Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**

**Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).**

,, **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**

**Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).**

,, **Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**

,, **Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAIDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

,, **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**

,, **Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

,, **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

,, **Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

,, **Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**

,, **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**

,, **Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**

,, **Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).**

,, **Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).**

**Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).**

- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG alias ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- “ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- “ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- “ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBKAU, B.S.K. (Keningau).
- “ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

**Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).**

- ,, TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ,, TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- ,, TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- ,, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ,, DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- ,, TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- ,, TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- ,, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- ,, TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- ,, TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ,, TUAN ISMAIL alias MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ,, DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ,, TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- ,, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ,, TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- ,, TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ,, TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- ,, TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ,, DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- ,, DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ,, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- ,, TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ,, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- ,, DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- ,, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- ,, TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- ,, TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- ,, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- ,, TUAN LING SIE MING (Sibu).

**Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).**

- ,, DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ,, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- ,, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- ,, TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- ,, DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- ,, DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- ,, TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- ,, TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- ,, TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- ,, TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- ,, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ,, TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- ,, TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- ,, DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- ,, TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ,, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ,, TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- ,, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- ,, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- ,, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ,, TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- ,, TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- ,, DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- ,, TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ,, TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

9539

6 DISEMBER 1984

9540

Yang Berhormat TUAU SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.  
(Balik Pulau).

- ,, TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).  
,, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).  
,, TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).  
,, TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).  
,, DR TAN SENG GIAW (Kepong).  
,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).  
,, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).  
,, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).  
,, WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).  
,, WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).  
,, WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).  
,, TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).  
,, TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).  
,, DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 6hb Disember, 1984**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN TIM-  
BALAN YANG DI-PERTUA**

**CUTI Y.B. DATO' MOHAMMAD  
ABU BAKAR BIN RAUTIN  
IBRAHIM KEBENARAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada Yang di-Pertua, mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25-4-61, Yang di-Pertua telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Kuala Kedah dari 1-12-1984 hingga 6-12-1984.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI  
PEMINDAHAN SYER (SYARIKAT  
BERASASKAN TANAH)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.34 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang

bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan, penaksiran dan pungutan cukai atas pelupusan cukai atas pelupusan syer-syer dalam syarikat berdasarkan tanah dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian I Akta ini mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja.

Bahagian II iaitu Fasal-fasal 3 hingga 8 adalah mengenai pengenaan cukai pemindahan syer khususnya.

Fasal 4 ialah mengenai pengenaan cukai ke atas nilai tiap-tiap pelupusan syer dalam syarikat yang berdasarkan tanah, yang tidak disenaraikan dalam pasaran saham di mana pelupusan syer itu bernilai \$1 juta atau lebih, atau di mana pelupusan syer itu dilakukan dalam tempoh 12 bulan antara satu-satunya dengan nilainya atau pada aggregatnya mencapai \$1 juta atau lebih.

Fasal 6 pula adalah menetapkan cukai ini dikenakan pada kadar yang ternyata di Jadual I iaitu 10% ke atas nilai kadar pelupusan cukai yang dikenakan cukai itu.

Bahagian III, iaitu Fasal-fasal 9 hingga 19 mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penyata dan taksiran. Di Bahagian ini peruntukan dibuat bagi memerlukan penjual dan pembeli menyerahkan penyata-penysata berasingan dalam masa satu bulan dari tarikh penjualan syer. Kuasa untuk menaksir adalah diberi kepada Ketua Pengarah di bawah Bahagian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV iaitu Fasal-fasal 20 hingga 29 adalah berkenaan dengan orang-orang yang boleh dikenakan cukai.

Fasal 20 ialah meletakkan tanggungjawab membayar cukai ke atas orang yang menjual syer dan dalam hubungan ini syer yang dipunyai oleh isteri seseorang individu itu adalah disifatkan dipunyai oleh individu tersebut. Untuk mengatasi pengelakkan cukai, Fasal kecil 20 (2) mencadangkan supaya syer yang dipegang oleh seseorang saudara hasil dari penyelesaian disifatkan syer saudara penyelesaian melain syer yang dipegang sedemikian oleh saudara itu dilupuskan selepas 5 tahun dari tarikh penyelesaian.

Fasal-fasal lainnya berikut hingga ke Fasal 29 adalah semuanya berkaitan dengan orang-orang yang boleh dikenakan cukai.

Bahagian V iaitu Fasal-fasal 30 hingga 38 pula menerangkan peruntukan-peruntukan mengenai pembayaran cukai khususnya Fasal 30 (1) mencadangkan bahawa cukai dibayar atas penyerahan notis taksiran sama ada atau tidak rayuan dibuat.

Fasal 30 (3) pula memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membenarkan pembayaran cukai secara ansuran penalti pula dikenakan di dalam Fasal 30 (4).

Fasal 31 (1) pula memerlukan pembeli syer untuk memotong cukai pada kadar semasa iaitu 10% dari emaun kasar pembelian itu mencapai \$1 juta atau lebih. Pembeli mestilah dalam masa 30 hari dari tarikh pembayaran menyerahkan jumlah wang itu kepada Ketua Pengarah.

Bahagian 6 iaitu Fasal-fasal 39 hingga dan 40 pula adalah mengenai penilaian, khususnya Fasal 39 (1) menetapkan bahawa nilai saham-saham pada tarikh pelupusan iaitu nilai kasar pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VII iaitu Fasal-fasal 41 hingga 59 menghuraikan peruntukan-peruntukan berkenaan dengan kuasa-kuasa penyiasatan Ketua Pengarah dan penalti-penalti kerana memberi penyata yang tidak betul. Khususnya Fasal 41 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah memanggil mana-mana orang supaya mengemukakan dokumen atau keterangan-keterangan lain berhubung dengan syer.

Fasal 42 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah mempunyai akses bebas ke dalam bangunan dan kepada dokumen-dokumen.

Fasal 46 menetapkan kegagalan memberi suatu penyata tanpa alasan yang munasabah adalah suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan.

Fasal 47 menjadi suatu kesalahan menyerahkan penyata tidak betul melainkan penyata tidak betul itu dibuat dengan suci hati.

Fasal 48 pula ialah berkenaan dengan keadaan yang lebih serius iaitu seseorang yang lari daripada cukai. Penalti dari melarikan dengan sengaja ialah denda tidak melebihi \$10,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bahagian VIII iaitu Fasal-fasal 60 hingga 74 adalah mengenai peruntukan-peruntukan berhubung dengan pentadbiran cukai khususnya Fasal 60 menetapkan bahawa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri mempunyai jagaan dan pengurusan cukai pemindahan syer. Fasal 62 pula membenarkan Ketua Pengarah mewakilkan kuasa-kuasanya kepada Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah Hasil Dalam Negeri, Sabah dan Sarawak masing-masing, Penolong Ketua Pengarah Hasil

Dalam Negeri, Penolong Kanan dan Penolong Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Akta ini mempunyai dua jadual. Jadual I adalah mengenai kadar cukai dan Jadual ke II pula mempunyai kadar pengecualian cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan, pentaksiran dan pemungutan cukai atas pelupusan syer-syer dalam syarikat berasaskan tanah dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

#### 2.44 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sedikit pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984 yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, semasa mengemukakan Rang Undang-undang ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menerangkan bahawa Rang Undang-undang Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) adalah bertujuan untuk memperkenalkan suatu cukai baru ke atas nilai setiap pelupusan syer dalam syarikat berasaskan tanah yang tidak disenaraikan dalam pasaran saham pada atau selepas 19hb Oktober, 1984. Fasal 4 Rang Undang-undang ini pula

bertujuan mengenakan cukai pemindahan syer ke atas nilai tiap-tiap pelulusan syer dalam syarikat berasaskan tanah yang tidak disenaraikan dalam pasaran saham di mana pelupusan syer itu bernilai \$1 juta atau lebih atau di mana pelupusan itu dilakukan dalam tempoh dua belas bulan antara satu-satunya dengan nilai pada aggregatenya sebanyak \$1 juta atau lebih.

Juga Fasal 6 pula mencadangkan supaya kadar cukai sebagaimana dalam Jadual I yang menetapkan suatu kadar cukai sebanyak 10% ke atas nilai kasar pelupusan syer-syer.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan sebenar Rang Undang-undang ini diperkenalkan ialah untuk bertindak ke atas syarikat-syarikat hartanah yang mengelakkan diri daripada membayar cukai keuntungan hartanah sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya di Parlimen baru-baru ini.

Menurut Kerajaan pada masa ini terdapat banyak syarikat hartanah yang mengelak daripada membayar cukai keuntungan hartanah dengan penjualan saham-saham syarikat.

Bagi mengatasi masalah ini dan untuk menambah hasil Kerajaan adalah dicadangkan supaya cukai sebanyak 10% dikenakan ke atas penjualan saham oleh sesebuah syarikat yang mempunyai tanah sebagai salah satu daripada hartanya. Cukai ini akan dikenakan ke atas penjualan syer yang melebihi \$1 juta dan adalah terhad kepada syarikat-syarikat yang tidak disenaraikan dalam Bursar Saham.

Tuan Yang di-Pertua, meski pun saya memahami bahawa tujuan dan objektif Rang Undang-undang ini akan tetapi pada pandangan saya pihak Kerajaan seharusnya menimbang sama ada ianya adil atau

tidak untuk mengenakan cukai pemindahan syer sebanyak 10% yang mana penjualan syer dalam sesebuah syarikat berasaskan tanah itu bernilai \$1 juta atau lebih.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan kepada Kerajaan supaya menambah secara serius sama ada Kerajaan boleh menaikkan nilai \$1 juta atau lebih itu kepada \$2 juta atau lebih supaya sesebuah syarikat kecil atau syarikat keluarga akan dikecualikan daripada dikenakan cukai jika pelupusan syer-syer itu dilakukan bagi tujuan tertentu yang tulen.

Adalah perlu ditegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa bagi sesebuah syarikat kecil atau syarikat keluarga yang mempunyai misalnya sebidang tanah yang bernilai \$1 juta bukanlah suatu perkara luar biasa pada hari ini terutamanya dalam sebuah bandar seperti Kuala Lumpur malah sebuah rumah kedai empat tingkat di Kuala Lumpur dan di Petaling Jaya pada hari ini bernilai \$1 juta atau lebih.

Jika sesebuah syarikat keluarga yang mempunyai sebuah rumah kedai dan bercadang untuk melupuskan syernya di bawah peruntukan undang-undang yang dicadangkan ini bagi maksud mendapatkan wang untuk membiayai pelajaran anak-anak ke seberang laut maka saya rasa ianya tidak adil untuk mengenakan cukai pemindahan syer 10% itu. Jika nilai itu lebih \$1 juta maka barangkali sesuatu yang munasabah untuk mengenakan cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah berhubung dengan definisi Syarikat Berasaskan Tanah. Di bawah Rang Undang-undang ini Syarikat Berasaskan Tanah bererti sesuatu syarikat yang mempunyai tanah di Malaysia sebagai aset utama atau sebagai salah satu aset pada masa

pelupusan syer dalam syarikat itu. Jika kita terpaksa mematuhi definisi ini, maka ia akan bermakna bahawa sesuatu syarikat berasaskan tanah akan meliputi, misalnya satu syarikat yang mempunyai sebuah rumah teres satu tingkat ataupun satu apartment ataupun mempunyai sebidang tanah untuk berladang yang mempunyai nilai yang tidak begitu "significance", dengan izin, katakan sebagai contoh \$20,000 tetapi ia mempunyai aset utama harta bukan tanah seperti beberapa buah jentolak yang bernilai lebih daripada \$1 juta, maka apabila berlaku pelupusan syer-syer dalam syarikat yang tersebut, ia akan tertakluk ke dalam Rang Undang-undang ini oleh kerana harta tidak boleh dikira sebagai digunakan keseluruhannya, terutamanya bagi maksud kilang ataupun maksud pejabat atau sebagai premis perniagaan. Adakah ini dimaksudkan oleh Rang Undang-undang ini? Jika sedemikian, maka ianya pada anggapan saya adalah tidak adil. Jika sedemikian maksudnya, maka saya rasa bahawa definisi Syarikat Berasaskan Tanah hendaklah dipinda supaya berlaku adil kepada mereka yang berkenaan. Pindaan hendaklah dibuat untuk merangkumi bahawa sesuatu syarikat berasaskan tanah bererti sesuatu syarikat yang mempunyai tanah di Malaysia sebagai aset utama atau sebagai salah satu aset bernilai \$2 juta atau lebih pada masa pelupusan syer dalam syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin membangkitkan di sini ialah bahawa saya berpendapat nilai \$1 juta hendaklah dinaikkan menjadi \$2 juta supaya ianya selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menaikkan paras berkecuali duti harta pesaka yang dikenakan ke atas si mati yang menetap di Malaysia yang baru-baru ini telah dinaikkan dari \$600,000 kepada \$2 juta. Adalah juga menjadi pandangan saya bahawa jika sesuatu

syarikat keluarga yang mempunyai sebuah rumah kedai selepas bertahun-tahun bekerja keras dan memutus untuk menjualkan syer syarikat bagi memenuhi keperluan yang perlu disegeera dengan tidak bertujuan untuk mengelak Cukai Keuntungan Harta Tanah, maka ia akan tertakluk oleh cukai 10% sedangkan jika harta yang sama didaftar atas nama perseorangan dan selepas 6 tahun berada dalam pemilikan, maka pelupusannya tidak akan dikenakan cukai di bawah Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976 ataupun lain-lain cukai.

Tuan Yang di-Pertua, itu ialah pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanjong.

2.55 ptg.

**Dr Koh Tsu Koon (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang ini. Setahu saya Rang Undang-undang ini ialah bertujuan untuk mengatasi masalah pengelakan cukai, seolah-olah untuk menutup beberapa lubang, dengan izin, "close the loopholes" yang berada dalam undang-undang kita yang ada sekarang. Tujuannya ialah untuk mengurangkan spekulasi kerana spekulasi tanah telah mengakibatkan peningkatan harga harta tanah dan ini telah membebankan golongan yang miskin terutamanya. Maka tujuan ini memanglah baik, Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang mungkin menjadi punca-punca masalah dan juga salahguna kuasa apabila dilaksanakan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Fasal 2 mengenai definisi "pelupusan" ataupun "disposal". Pada pendapat saya definisi ini nampaknya terlalu luas kerana ianya termasuk juga cara-cara

seperti penyatuan, pengambilan alih, percantuman ataupun penyusunan semula. Saya merujuk khasnya kepada penyusunan semula kerana proses ini kadang-kadang dilaksanakan bukanlah untuk keuntungan cepat ataupun dengan izin, "quick profit" semata-mata, tetapi untuk mengatasi masalah-masalah yang tertentu dan juga memperbaiki pengurusan dan mengurangkan kerugian dalam sesebuah syarikat. Sebenarnya terdapat juga banyak kes penjualan aset yang dipaksakan kerana kerugian, maka adakah pengenaan cukai yang baru ini adil bagi mereka yang sedang ataupun telah mengalami kerugian ini, di samping itu penyusunan semula dilakukan juga untuk tujuan memenuhi keperluan-keperluan Dasar Ekonomi Baru.

Rang Undang-undang ini seolah-olah akan mendenda sesebuah syarikat yang mengambil langkah-langkah untuk menyusun semula penyertaan ekuitinya mengikut Dasar Ekonomi Baru. Maka pada pendapat saya ini adalah kurang adil juga.

Saya ingin merujuk kepada Fasal 4, Tuan Yang di-Pertua, di mana pada pendapat saya terdapatlah satu kesilapan dalam naskah bahasa Inggeris yang mungkin menimbulkan kekeliruan kerana ianya berbeza daripada "version" atau versi Bahasa Malaysia. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada baris ke 9 dalam Fasal 4 yang berbunyi, dengan izin:

"the disposal of chargeable assets within a period of twelve months . . . ."

dan sebagainya, di mana perkataan "aset" ini diejakan "a-s-s-e-t-s", iaitu membawa maksud plural. Di sebaliknya baris ke 11 dan 12 dalam versi Bahasa Malaysia hanya merujukkan kepada pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai dan

sebagainya. Maka di sini perkataan yang digunakan ialah "aset" dan bukan "aset-aset".

Saya bangkitkan perkara ini kerana perbezaan ini mungkin menjadi penting sekiranya sesuatu tafsiran dibuat di Mahkamah dan oleh Ketua Pengarah yang berkenaan. Sekiranya kita mengikut versi bahasa Inggeris, ayat yang pertama, iaitu dalam bahasa Inggeris yang telah saya sebutkan tadi, boleh ditafsirkan sebagai "pelupusan beberapa aset", iaitu lebih daripada satu aset ataupun pelupusan beberapa aset dari beberapa anak syarikat yang kesemuanya pada jumlahnya melebihi \$1 juta. Di sebaliknya, ayat dalam Bahasa Malaysia merujuk hanya kepada satu aset yang syerinya dilupuskan secara ansuran ataupun mengikut beberapa kali pelupusan itu dengan aggregatnya bagi aset yang tertentu itu lebih daripada \$1 juta nilainya. Maka sekiranya tafsiran mengikut Bahasa Malaysia inilah yang dimaksudkan ayat dalam bahasa Inggeris harus dipinda kepada "The disposals of the same chargeable asset" (dalam maksud singular) atau sekiranya apa yang dimaksudkan ialah pelupusan asset-asset dalam sesebuah syarikat atau anak syarikat yang berkenaan maka ianya harus dipinda kepada "the disposals of chargeable assets in the same company", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ingin merujuk kepada Fasal 5 dan 45 mengenai pentakrifan ataupun definasi tarikh pelupusan. Di sini tarikh pelupusan ditakrifkan sebagai tarikh perjanjian dan pihak pelupus (disposal) dikehendaki melaporkannya kepada Ketua Pengarah dalam tempoh sebulan. Saya cuma hendak bertanya apakah yang akan berlaku sekiranya penjualan ataupun perjanjian tersebut tidak digenapi ataupun, dengan izin, sale is not completed ataupun dimansuhkan selepas sebulan iaitu selepas

pembayaran cagaran (deposit) yang akan disforfeited seperti yang kadang-kadang berlaku dalam penjualan harta-harta dan sebagainya. Memang pemansuhan ini boleh dilaporkan kepada Ketua Pengarah tetapi pada pendapat saya ini mungkin akan menambahkan kerja bagi semua pihak maka bukankah lebih baik sekiranya tarikh pelupusan didefinisikan serentak dengan tarikh penggenapan perjanjian (completion of sale).

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Fasal-fasal 12, 32 dan juga 49 di mana peruntukan-peruntukan diberi untuk taksiran terdahulu yang boleh dikenakan dan juga tindakan-tindakan menghalang serta kekerasan-kekerasan yang lain boleh diambil terhadap sesiapa yang pada pendapat Ketua Pengarah hendak ataupun mungkin meninggalkan Malaysia tanpa membayar cukai yang diperlukan.

Saya difahamkan bahawa peruntukan-peruntukan dalam Fasal-fasal ini adalah bertujuan untuk mencegah ataupun menghalang seseorang itu daripada mengelak cukai dengan meninggalkan Malaysia buat selama-lamanya. Ini memang betul dan berpatutan. Namun demikian adalah kurang jelas apa yang dimaksudkan dengan meninggalkan Malaysia itu. Pada pendapat saya harus diberi penjelasan yang lebih lanjut iaitu meninggalkan secara tetap (permanent departure) iaitu buat selama-lamanya bagi seseorang yang akan berhijrah dan bermastautin di negara-negara lain kerana ayat ini tidaklah harus merangkumi orang-orang yang meninggalkan Malaysia buat sementara waktu sahaja untuk tujuan-tujuan yang sah. Misalnya untuk rawatan perubatan, untuk lawatan rasmi dan sebagainya. Maka apa yang mungkin timbul sebagai satu punca masalah daripada Fasal-fasal 12, 32 dan 49 ini ialah kuasa budi bicara yang terlalu luas yang diberi

kepada Ketua Pengarah dan Pegawai-pegawai Polis serta Imigresen. Maka adalah lebih baik sekiranya tindakan ini diambil berasaskan bukti-bukti yang tertentu.

Misalnya seseorang itu telah membeli tiket ataupun telah ditawarkan kewarganegaraan ataupun status resident di negara-negara yang lain maka pada pendapat saya nampaknya Rang Undang-undang ini dideraskan dengan bergesa-gesa. Memang saya memahami bahawa pihak Kerajaan haruslah mengadakan satu Rang Undang-undang selaras dengan cadangan yang dikemukakan dalam ucapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tetapi yang saya ingin merayu kepada Kerajaan ialah pindaan-pindaan yang tertentu harus dibuat supaya peruntukan-peruntukan dan juga fasal-fasal yang telah saya sebutkan tadi itu menjadi jelas dari segi maksudnya dan maknanya. Dan juga kuasa budi bicara yang terlalu luas janganlah diberi kepada pegawai-pegawai kerana ini akan membebangkan kerja mereka dan juga mungkin akan mengakibatkan salah guna kuasa dalam kes-kes yang tertentu.

Dengan itu saya ingin menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menjawab serta mengulung perbahasan.

3.05 ptg.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, bukanlah tujuan saya untuk melaga-lagakan wakil dari DAP ini tetapi hari ini sekali lagi saya hendak berterima kasih kepada beliau kerana pandangannya agak constructive sekali tetapi kalau mereka hendak berlaga juga, berlagalah.

Tuan Yang di-Pertua, memang betul tujuan Rang Undang-undang ini

dibentang supaya menghalang setengah-setengah pihak yang ingin mendapat keuntungan yang cepat melalui perniagaan ataupun melalui spekulasi harta-harta. Perkara ini telah lama difikirkan dan telah banyak dilihat ada pihak-pihak tertentu menggunakan kesempatan ini untuk keuntungan diri mereka sendiri. Maka itulah Rang Undang-undang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mencadangkan supaya nilai yang boleh dikenakan cukai dinaikkan dari \$1 juta kepada \$2 juta berdasarkan kepada kemungkinan jumlah yang telah dicadangkan ini mungkin menyusahkan satu-satu keluarga yang mempunyai harta di dalam bentuk seperti ini dan kalau sekiranya keluarga berkenaan terpaksa menjualkan untuk membayai pelajaran anak-anaknya ke luar negeri, ini satu penganiayaan.

Tuan Yang di-Pertua, soal sama ada satu juta satu ratus, satu juta tujuh ratus, dua juta ataupun lima juta ringgit, ini merupakan satu angka yang boleh saya katakan tidak dapat dipastikan dengan begitu tepat di mana angka yang boleh dianggap sebagai paling adil.

Kepada mereka yang akan menjual satu harta yang bernilai \$2 juta misalannya. Kalau angka ini dinaikkan kepada juta, sudah tentulah beliau merasa \$2 juta itu tidak adil barangkali memerlukan dinaikkan kepada \$2.1 juta. Begitu jugalah bagi mereka yang mempunyai harta tanah, harta yang bernilai \$1 juta misalannya memikirkan kalau sekiranya dinaikkan kepada angka yang lebih, mungkin beliau tidak akan membayar cukai. Ini sememangnya begitu, sebab kalau boleh tidak ada orang yang mahu membayar cukai. Kalau boleh semuanya hendak "free" dari segi cukai.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu walaupun perkara ini boleh kita lihat sekali lagi, tetapi pada pandangan saya buat ketika ini memadailah dengan nilai \$1 juta, tetapi apabila difikirkan di masa-masa hadapan wang \$1 juta itu sudah kurang ramainya, oleh kerana beberapa sebab termasuk inflasi misalannya, mungkin ini kita naikkan sama ada kepada \$2 juta ataupun \$3 juta, itu terpulanglah kepada keadaan-keadaan pada waktu yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga meragui definisi syarikat. Sebenarnya dari segi definisi ini adalah satu syarikat yang khusus berdasarkan kepada tanah, ertiinya sebahagian besar dari aset syarikat itu hendaklah berdasarkan kepada tanah, ertiinya kalau sekiranya apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi ada satu rumah kecil tetapi mempunyai aset-aset lain, maka ini tidak dianggap ataupun tertakluk kepada definisi yang diberi di dalam Rang Undang-undang ini.

Beliau menyebut cukai kematian, dengan izin, "death duty" yang telah dinaikkan kepada \$2 juta untuk memberi sokongan terhadap pendapat beliau supaya yang ini juga dinaikkan kepada \$2 juta. Tetapi saya telah memberi sebab-sebab mengapa kita tidak mahu menaikkan pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang telah memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini. Seperti yang dikatakan oleh beliau Rang Undang-undang ini, dengan izin, untuk "close the loopholes" itu saya tidak begitu pasti, sebab Kerajaan membuat satu Rang Undang-undang bukannya lah hanya dengan sebab hendak menutup kelemahan-kelemahan, tetapi sebenarnya perkara ini difikirkan terlebih dahulu semasak-masaknya

dan satu-satu perkara itu hanya dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini apabila difikirkan wajar dan sesuai serta kena pada masanya.

Yang Berhormat dari Tanjong telah menyebut Fasal 2 definisi. Tuan Yang di-Pertua, definisi ini akan kita perbaiki apabila sampai waktunya. Begitu juga definisi berkenaan dengan Fasal 4 akan kita perbetulkan apabila sampai waktunya, tetapi dalam pada itu inginlah juga saya menyatakan bahawa pada pandangan saya kalau sekiranya terdapat kesilapan dalam naskhah bahasa Inggeris, itu kita tidak gaduh, sebab ternyata di sini naskhah sahih di dalam Bahasa Malaysia. Naskhah bahasa Inggeris biasanya sebagai terjemahan sahaja. Jadi kalau sekiranya tidak diperbetulkan mengikut yang saya difahamkan, kita harus mengikut naskhah sahih yakni naskhah Bahasa Malaysia.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, apabila tiba waktunya akan kita perbetulkan Fasal 4 seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tadi.

Fasal 45 berkenaan dengan satu bulan, sebenarnya dinyatakan bukan sebulan tetapi 30 hari. Ini untuk memberi kepastian, sebab kalau bulan Disember nanti kena 31, bulan Februari kena 28 hari ataupun 29 hari, kita pastikan benar-benar 30 hari dan Yang Berhormat dari Tanjong khuatir kalau-kalau satu-satu cadangan untuk menjualkan itu mungkin dibatalkan setengah jalan.

Saya kira 30 hari mulai daripada penjualan ertiinya penyelesaian penjualan harta yang berkenaan, maka soal membatalkan penjualannya sudah tidak timbul lagi, sebab penjualannya itu sudah selesai bukan sewaktu ianya hanya dalam cadangan ataupun masih lagi, dengan izin, seseorang itu mempunyai "option" tetapi sesudah penjualan itu berlaku.

Maka kalau setelah penjualan itu berlaku, soal yang dimusyikikan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tadi pada pandangan saya mungkin tidak timbul.

Yang Berhormat dari Tanjong juga menyebut tentang meninggalkan negara ini. Ini juga agak sukar kita pastikan meninggalkan negara itu "for good", dengan izin, hanya setelah seseorang itu dari segi tiket dan sebagainya. Kalau seseorang hendak melarikan cukai yang banyak jumlahnya, dia boleh beli "one-way ticket", dengan izin, seolah-olahnya dia tidak balik ataupun dia membeli tiket yang ada balik—return ticket. Kalau itu berdasarkan untuk kita menentukan seseorang itu akan meninggalkan Malaysia "for good" dengan izin, ataupun tidak, ini barangkali sukar sedikit bagi kita hendak mengambil kes itu sebagai alasan, ataupun meninggalkan Malaysia, dengan izin, "for good" apabila ia atau seseorang itu ditawarkan kewarganegaraan yang lain. Ini juga sukar untuk kita mempastikan.

Maka seperti yang terdapat dalam Fasal 12, 32, 49, ertiya seperti yang kita adakan sekarang ini, agak sukar bagi kita hendak mempastikan bila seseorang itu meninggalkan "for good" ataupun dia akan kembali ke Malaysia ini, tetapi kalau setengahnya hendak pergi "for good" tidak mengapa, itu tidak menjadi halangan bagi kita.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya itu sahajalah yang dapat saya perkatakan dan dengan itu sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Kuala Lumpur Bandar di atas pandangan-pandangan yang baik demi kepentingan kita bersama. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 2*—

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengurus, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 2 teks Bahasa Malaysia dipinda dengan takrif pelupusan baru seperti berikut:

" . . . . pelupusan", berhubungan dengan aset yang boleh dikenakan cukai, ertiya penjualan, pemindahhakan, pemindahnilikan, pembatalan (sama ada untuk mendapatkan balasan atau selainnya), . . . .

**Tuan Pengurus:** Yang Berhormat, saya ingin mendapat kepastian adakah pemindahan atau pemindahhakan?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Ya, Tuan Pengurus, pemindahhakan.

**Tuan Pengurus:** Terima kasih.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Boleh saya terus bacakan?

**Tuan Pengurus:** Sila teruskan.

**Dato' Sabbaruddin Chik:**

. . . . penyerahhakan, penyelesaian, penyerahan atau pemberimilikan (termasuk

dengan cara penyatuan, pengambilan alih, percantuman atau penyusunan semula suatu syarikat atau syarikat-syarikat), akan syer atau penguntukan syer atau mana-mana aset lain dengan menukar ganti dengan syer;”’

Tuan Pengerusi, dalam bahasa Inggeris:

*Clause 2: Substitute the definition of “disposal” with the following new definition of “disposal”—*

“ . . . . ‘disposal’, in relation to a chargeable asset, means the sales, conveyance, transfer, cancellation (either for a consideration or otherwise), assignment, settlement, delivery or alienation (including by way of amalgamation, take over, merger or reconstruction of a company or companies), of shares or the allotment of shares or any other asset in exchange for shares;”

Tuan Pengerusi, pindaan ini adalah pindaan gubalan untuk memberi suatu tafsiran yang lebih jelas mengenai maksud perkataan “pelupusan” supaya kekeliruan tidak timbul atas perkara ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Fasal 2 dipinda dengan menggantikan takrif “pelupusan” dengan takrif “pelupusan” baru yang berikut, iaitu:

*Fasal 2: Gantikan takrif “pelupusan” dengan takrif “pelupusan” baru yang berikut—*

“ ‘Pelupusan’, berhubungan dengan aset yang boleh dikenakan cukai, ertiinya penjualan, pemindahhakkan, pemindahmilikan, pembatalan (sama ada untuk mendapatkan balasan atau selainnya), penyerahhakan, penyelesaian, penyerahan atau pemberimilikan (termasuk dengan cara

penyatuan, pengambilan alih, percantuman atau penyusunan semula suatu syarikat atau syarikat-syarikat) akan syer atau penguntukan syer atau mana-mana aset lain dengan menukar ganti dengan syer”.

Pindaan dalam bahasa Inggeris:

*Clause 2: Substitute the definition of “disposal” with the following new definition of “disposal”—*

“ ‘disposal’, in relation to a chargeable asset, means the sale, conveyance, transfer, cancellation (either for a consideration or otherwise), assignment, settlement, dilivery or alienation (including by way of amalgamation, take over, merger or reconstruction of a company or companies), of shares or the allotment of shares or any other asset in exchange for shares;”

hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

*Fasal 2* seperti yang telah dipinda, diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 4—*

**Dato’ Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 4 teks Bahasa Malaysia dipinda seperti berikut—

*Fasal 4: Gantikan noktah yang terdapat di akhirnya dengan noktah bertindih dan tambah proviso yang berikut selepas sahaja noktah bertindih—*

“Dengan syarat bahawa jika seseorang dikenakan cukai di bawah Akta dan juga di bawah mana-mana undang-undang percuaian lain (yang bukan duti

harta pesaka atau duti setem yang kena dibayar) berkenaan dengan suatu pelupusan di bawah Akta, dia boleh dikenakan hanya cukai yang lebih tinggi yang kena dibayar.”

Tuan Pengerusi, pindaan dalam bahasa Inggeris:

*Clause 4: Substitute for the full stop at the end thereof a colon and add the following proviso immediately thereafter—*

“Provided that where a person is chargeable with tax under this Act and also under any other taxation law (not being estate duty or stamp duty payable) in respect of a disposal under this Act, he shall be charged only to the higher tax payable.”

Tuan Pengerusi, tujuan pindaan ini ialah untuk mengelakkan daripada seseorang itu dikenakan beberapa cukai pendapatan yang sama. Ini bermakna bahawa jika seseorang itu dikenakan cukai pendapatan ke atas pelupusan syer dan ia juga dikenakan cukai di bawah Akta baru ini maka ia hanya akan dikenakan cukai yang lebih tinggi daripada kedua-dua cukai itu.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah Fasal 4 dipinda seperti berikut—

*Fasal 4: Gantikan noktah yang terdapat di akhirnya dengan noktah bertindih dan tambah proviso yang berikut selepas sahaja noktah bertindih—*

“Dengan syarat bahawa jika seseorang dikenakan cukai di bawah Akta dan juga di bawah mana-mana undang-undang percukaian lain (yang bukan duti harta pesaka atau duti setem yang kena dibayar) berkenaan dengan suatu pelupusan di bawah Akta, dia boleh dikenakan hanya cukai yang lebih tinggi yang kena dibayar.”

Pindaan dalam bahasa Inggeris:

*Clause 4: Substitute for the full stop at the end thereof a colon and add the following proviso immediately thereafter—*

“Provided that where a person is chargeable with tax under this Act and also under any other taxation law (not being estate duty or stamp duty payable) in respect of a disposal under this Act, he shall be charged only to the higher tax payable.”

hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

*Fasal 4* seperti yang telah dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 5 hingga 74* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual 1—*

**Tuan Pengerusi:** Ada apa-apa pindaan terhadap Jadual, Yang Berhormat?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, ada juga sedikit pindaan. Mula-mula saya mohon mencadangkan bahawa Jadual I, teks Bahasa Malaysia, dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan seperti berikut, dan saya bacakan—

*Jadual 1: Gantikan perkataan-perkataan “10% atas nilai kadar dengan syarat bahawa dalam mengira nilai kasar mana-mana aset yang boleh dikenakan cukai terdahulu hendaklah dikecualikan” dengan perkataan-perkataan “10% atas nilai pasaran kasar”.*

Pindaan dalam bahasa Inggeris, Tuan Pengerusi:

*Schedule 1: Substitute for the words “10% on gross value any chargeable asset on which tax has been*

previously charged is to be excluded" the words "10% on the gross market value".

Ini adalah merupakan satu pindaan gubalan untuk memberi keterangan yang lebih jelas atas kadar yang dikenakan.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah Jadual 1 dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan—

*Jadual 1:* Gantikan perkataan-perkataan "10% atas nilai kasar dengan syarat bahawa dalam mengira nilai kasar mana-mana aset yang boleh dikenakan cukai yang mana cukai telah dikenakan terdahulu hendaklah dikecualikan" dengan perkataan-perkataan "10% atas nilai pasaran kasar".

Pindaan dalam bahasa Inggeris:

*Schedule 1:* substitute for the words "10% on gross value provided that in computing gross value any chargeable asset on which tax has been previously charged is to be excluded" the words "10% on the gross market value".

hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

*Jadual 1* seperti yang telah dipinda, diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual 2—*

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Saya juga memohon mencadangkan bahawa Jadual 2 teks Bahasa Malaysia dipinda dengan menambah perenggan baru 3 seperti berikut—

*Jadual 2:* Tambah perenggan baru 3 seperti berikut: "3. Pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai dalam suatu syarikat berdasarkan tanah oleh nomini atau pemegang amanah kepada nomini atau pemegang amanah lain di mana kepunyaan

benefisiari aset yang boleh dikenakan cukai tidak ditukar oleh pelupusan tersebut."

Dalam bahasa Inggerisnya:

*Schedule 2:* Add a new paragraph 3 thereto as follows: "3. Disposals of chargeable assets in a land based company by a nominee or trustee to another nominee or trustee where the beneficial ownership of the chargeable assets is not changed by such disposals".

Tuan Pengerusi, tujuan pindaan ini juga adalah untuk mengelakkan daripada seseorang itu dikenakan cukai atas pelupusan syer di mana kepunyaan benefisiari atas aset tadi tidak bertukar. Ini berlaku apabila nomini atau pemegang amanah dipindahkan kepada nomini atau kepada pemegang amanah yang lain.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Jadual 2 dalam Rang Undang-undang ini juga dipinda dengan menambah perenggan baru 3 seperti berikut—

*Jadual 2:* Tambah perenggan baru 3 seperti berikut: "3. Pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai dalam suatu syarikat berdasarkan tanah oleh nomini atau pemegang amanah kepada nomini atau pemegang amanah lain di mana kepunyaan benefisiari aset yang boleh dikenakan cukai tidak ditukar oleh pelupusan tersebut."

Dalam bahawa Inggerisnya:

*Schedule 2:* Add a new paragraph 3 thereto as follows: "3. Disposals of chargeable assets in a land based company by a nominee or trustee to another nominee or trustee where the beneficial ownership of the chargeable assets is not changed by such disposals".

hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

*Jadual 2* seperti yang telah dipinda, diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG TAKAFUL

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

**Dato' Sabbarudin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai kawalan perniagaan takaful di Malaysia dan bagi lain-lain tujuan yang berhubung dengan atau berkait dengan takaful dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa insuran memainkan peranan yang penting dalam ekonomi sesebuah negara kerana ianya memberi perlindungan dan keselamatan kewangan terhadap individu, masyarakat dan syarikat-syarikat perniagaan. Di samping itu syarikat insurans merupakan sebahagian daripada institusi kewangan yang melaburkan sebahagian besar wangnya di dalam bank, saham-saham, projek-projek pembangunan awam serta surat jaminan Kerajaan di mana ianya membantu pertumbuhan ekonomi negara di samping memberi peluang pekerjaan. Sehingga 31hb Disember, 1983 aset insurans berjumlah \$3,989.6 juta dan mempunyai tenaga kerja yang terdiri dari hampir 24,000 agen dan 11,251 kakitangan. Daripada jumlah ini \$3,755.2 juta atau 94.1% adalah dilaburkan dalam negara ini. Syarikat-syarikat insurans nyawa dikehendaki melaburkan sekurang-kurangnya 25% dalam surat-surat jaminan Kerajaan

yang mana kumpulan wang itu disalurkan bagi membiayai projek pembangunan.

Pada 31hb Disember, 1983 pelaburan oleh syarikat-syarikat insurans nyawa dalam bentuk surat-surat jaminan Kerajaan ialah sebanyak \$733.9 juta. Sejak beberapa tahun yang lampau beberapa pihak yang tertentu telah mempersoalkan sama ada perniagaan insurans yang berjalan pada masa ini mengikuti hukum syarak. Banyak soalan dan pendapat telah dikemukakan. Setengah daripada pendapat itu bertentangan dengan pendapat-pendapat yang lain. Atas kesedaran untuk mengelakkan sebarang keraguan sama ada perniagaan insurans yang wujud pada masa ini mengikut hukum-hukum syarak atau sebaliknya maka usaha-usaha untuk menubuhkan satu institusi insurans Islam di negara kita telah pun dibuat pada tahun 1982 di mana Badan Perunding Islam telah meminta Yang Berbahagia Professor Datuk Ahmad Ibrahim menyediakan satu kertas kerja yang lengkap kemungkinan mewujudkan syarikat insuran secara Islam di negara kita ini.

Di samping itu, dalam laporan kajian penubuhan Bank Islam, Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam telah mengesyorkan supaya syarikat insurans yang berdasarkan prinsip Islam ditubuh di negara ini. Malah disyorkan juga pengurusan Bank Islam mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah syarikat insuran seperti ini dengan secepat mungkin.

Berikutnya dengan itu, atas syor Badan Perunding Islam pada 25hb Oktober 1982, "Badan Petugas Bagi Mengkaji Penubuhan Syarikat Insurans Secara Islam di Malaysia" telah dilantik dengan dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk

Professor Ahmad Ibrahim dan Bahagian Kabinet beserta dengan Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri dilantik sebagai urusetia bersama. Badan Petugas dalam kajiannya telah memberi perhatian kepada tiga aspek utama iaitu syariah, undang-undang dan urusniaga.

Badan Petugas berpendapat bahawa insurans secara Islam adalah berlandaskan kepada konsep takaful yang menggambarkan satu skim bagi mewujudkan perpaduan, bekerjasama dan tolol menolong di antara peserta yang telah sama-sama bersetuju membuat sumbangan wang bagi mendapatkan perlindungan yang disusun mengikut hukum syarak. Konsep takaful ini adalah berbeza dari konsep insurans yang diamalkan pada masa ini di mana yang terpenting sekali ialah dari segi niat, prinsip, dan urusniaganya. Konsep ini menggambarkan satu rancangan dan hubungan persaudaraan antara peserta-peserta. Peserta rancangan ini bersetuju bersama-sama memberi sumbangan kewangan berdasarkan tabarruk (derma) dengan niat kerana Allah bagi membantu antara satu sama lain.

Badan Petugas ini telah mengemukakan Laporannya pada 15hb Jun, 1984. Antara perakuan Badan Petugas adalah seperti berikut:

- (1) sebuah syarikat takaful hendaklah ditubuhkan secepat mungkin untuk memenuhi hasrat umat Islam di negara ini;
- (2) bagi melesenkan dan mengawal perjalanan syarikat tafakul, suatu peruntukan undang-undang baharu yang dikenal sebagai Akta Takaful 1984 diadakan untuk membolehkan syarikat takaful menjalankan urusniaganya dan pengawasan syarikat takaful di bawah Akta ini hendaklah dilakukan oleh Kementerian Kewangan;

- (3) syarikat takaful hendaklah menubuhkan sebuah badan Pengawasan Syariah untuk mempastikan syarikat menjalankan urusniaganya mengikut lunas-lunas Islam;
- (4) inisiatif awal bagi penubuhan syarikat takaful dipertanggung-jawabkan kepada Bank Islam Malaysia Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama penubuhan syarikat takaful di negara ini adalah bagi menentukan umat Islam dapat menyertai perniagaan dan penyertaan insurans mengikut hukum, prinsip dan peraturan seperti yang digariskan oleh agama Islam tanpa sebarang keraguan. Dengan tertubuhnya syarikat takaful ini maka umat Islam di negara kita akan dapat menjalankan urusan-urusan insurans mengikut lunas-lunas hukum syarak.

Kerajaan adalah "committed" dan tidak akan bertolak ansur bagi memperkenalkan, menyerap dan memupuk unsur-unsur Islam di dalam sistem kewangan negara kita ini. Azam dan kegigihan Kerajaan dalam hal ini dapat dibuktikan dari usaha penubuhan Bank Islam dalam tahun 1983 dengan lulusnya Akta bagi mengadakan peruntukan untuk melesen dan mengawal perniagaan Bank Islam di mana kejayaannya sebagai sebuah bank dalam masa yang singkat tidak menjadi tanda tanya lagi. Kita hari ini hendaklah mengucapkan syukur dengan adanya Rang Undang-undang Takaful ini kerana ini bermakna umat Islam akan dapat menyertai satu lagi bidang perniagaan mengikut landasan hukum syarak. Jika kita teliti dengan halus, hampir tiada bidang perniagaan mengikut hukum syarak yang ditubuhkan di negara-negara lain yang mempunyai penglibatan dan sokongan penuh Kerajaan seperti yang dibuat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hanya boleh memperkenalkan, menyerap dan memupuk institusi-institusi perniagaan mengikut lunas-lunas Islam tetapi, kejayaannya adalah bergantung kepada sokongan dari semua pihak. Oleh yang demikian, sokongan dari semua pihak khususnya dari umat Islam perlu diberi kepada syarikat takaful. Bagi mereka yang bukan beragama Islam, penubuhan syarikat takaful tidak akan menjelaskan kedudukan mereka. Ini telah terbukti dengan pengujudan Bank Islam di mana mereka telah dapat menikmati manfaatnya baik dari segi kemudahan urusan bank ataupun di dalam pekerjaan. Dengan yang demikian, maka penubuhan syarikat takaful hendaklah diterima sebagai tambahan kepada sistem perniagaan yang ada pada hari ini dan bersama memperolehi manfaat.

Buat permulaan Kerajaan bercadang melesenkan hanya satu sahaja syarikat takaful. Ini adalah kerana Kerajaan berpendapat bahawa penyerapan nilai-nilai Islam dalam sistem kewangan negara merupakan satu bidang yang baru dan Kerajaan ingin menjamin kejayaan syarikat takaful ini. Sebaik sahaja Kerajaan berpuas hati atas kemampuan dan kejayaan syarikat takaful yang dicadangkan ini, maka pihak-pihak lain boleh dipertimbangkan untuk menubuh dan menjalankan urusniaga takaful dengan syarat urusniaga tersebut mematuhi prinsip-prinsip yang diperakukan dan sumbangan modal diperolehi dari sumber-sumber yang halal. Justeru dinyatakan bahawa Kerajaan akan mengawasi perjalanan syarikat takaful ini dengan rapi supaya pergerakan dan perkembangannya dapat berjalan dengan licin dan berjaya dan Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap sesiapa ataupun golongan yang akan cuba menghindar syarikat takaful ini dari berjaya. Syarikat ini adalah atas memenuhi

hasrat orang ramai dan oleh itu Kerajaan tidak akan membiarkan kepentingan sesiapa menjelaskannya.

Syarikat takaful yang dicadangkan ini akan mempunyai modal dibayar pada permulaannya sebanyak \$10 juta. Pemegang-pemegang sahamnya adalah terdiri dari Bank Islam yang akan memegang saham sebanyak 51 peratus dan baki sebanyak 49 peratus akan dibahagikan kepada Majlis-majlis Agama Islam bagi kesemua negeri, termasuk Sabah dan Sarawak dan Perbadanan-perbadanan Islam Negeri. Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak \$1 juta bagi pinjaman pelancaran dan pinjaman ini diberi tanpa mengenakan sebarang faedah.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat takaful akan menjalankan dua jenis perniagaan iaitu Takaful Keluarga dan Takaful Am. Orang-orang yang menyertai skim takaful ini adalah dikehendaki membuat satu perjanjian. Perjanjian antara syarikat dengan peserta takaful ini adalah perjanjian Al-Mudharabah. Syarikat takaful akan bertindak sebagai pengusaha bagi menerima bayaran wang caruman penyertaan, pelaburan dan sebagainya. Dalam perjanjian ini dimeterikan serentak, bagaimana keuntungan dari perjalanan dan pengendalian skim-skim takaful berkenaan akan dibahagikan antara syarikat dan peserta. Peserta-peserta akan diberitahu dengan jelas bagaimana wang caruman akan ditadbirkan dan dilaburkan dan sebahagiannya akan digunakan bagi menolong rakan-rakan peserta yang menemui malapetaka ataupun bencana. Mereka juga diberitahu dengan jelas tentang hak-hak mereka berhubung dengan perlindungan yang diberi dan berhubung dengan apa-apa hasil yang akan mereka perolehi dari skim-skim berkenaan.

Di bawah perlindungan takaful Keluarga bayaran ansuran caruman

takaful peserta akan dibahagikan kepada dua akaun yang dikenali sebagai "Akaun Peserta" dan "Akaun Khas Peserta". Akaun Peserta adalah untuk tujuan tabung/simpanan dan pelaburan. Sementara "Akaun Khas Peserta" pula adalah untuk menyediakan suatu jumlah wang sebagai keperluan membayar manfaat takaful kerana kematian peserta. Ini adalah selaras dengan matlamat utama perlindungan Takaful Keluarga seperti berikut:

- (i) untuk menabung ataupun menyimpan dan melabur mengikut cara-cara yang halal dari segi syariah;
- (ii) mengumpul dan membentuk harta atau "modal" dari ansuran caruman serta keuntungan yang diperolehi dari pelaburan caruman itu;
- (iii) menyediakan bayaran manfaat takaful kepada waris-waris peserta yang meninggal dunia.

Dengan berasaskan kepada cara urusniaga dan matlamat yang disebutkan tadi, skim-skim perlindungan Takaful Keluarga yang disediakan oleh syarikat takaful akan mempunyai tempoh matang yang ditetapkan. Sehubungan dengan ini skim-skim Takaful Keluarga yang dapat disertai buat peringkat permulaannya akan mempunyai tempoh matang seperti berikut, iaitu sama ada 10 tahun, 15 tahun ataupun 20 tahun.

Di bawah perlindungan Takaful Am pula, peserta-peserta sama-sama bersetuju membuat sumbangan kewangan bagi mengumpul suatu kumpulanwang sebagai persediaan mengadakan suatu jumlah wang yang akan digunakan untuk membayar pampasan kepada peserta-peserta yang ditimpa bencana dan malapetaka seperti yang ditentukan di bawah skim-skim perlindungan Takaful Am yang berkenaan. Sejajar dengan

hakikat ini, peserta-peserta yang menyertai skim-skim perlindungan Takaful Am ini akan memetrikkan suatu perjanjian dengan syarikat. Perjanjian ini adalah perjanjian Al-Mudharabah juga. Di bawah perjanjian ini hak kedua-dua pihak adalah dinyatakan dengan jelas seperti dalam Takaful Keluarga. Jika sekiranya kumpulanwang ini masih mempunyai lebih setelah ditolak perbelanjaan kendalian Takaful Am, seperti membayar pampasan kepada peserta-peserta yang ditimpa bencana dan sebagainya, maka di dalam perjanjian ini sudah ditentukan dengan terang pembahagian lebihan berkenaan antara syarikat dan peserta.

Jenis-jenis perlindungan skim Takaful Am yang akan ditawarkan adalah bergantung kepada keperluan dan permintaan orang ramai yang menyertai skim takaful itu pada satu-satu masa. Syarikat takaful hanya menjalankan urusniaga ke atas jenis-jenis perlindungan yang dirasakan perlu sahaja terutama jenis yang menjadi keperluan sebahagian besar rakyat seperti kebakaran, kereta bermotor, kemalangan diri. Jenis perlindungan yang lain akan dilaksanakan dari masa ke semasa, apabila kumpulanwang Takaful Am bertambah dan menjadi lebih kukuh serta stabil dan jumlah peserta-peserta semakin bertambah ramai.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun terdapat perbezaan-perbezaan tertentu di antara syarikat insurans biasa dan syarikat takaful, perlulah ditegaskan bahawa syarikat takaful adalah juga sebuah perdagangan. Oleh hal yang demikian, ianya perlulah mematuhi kehendak-kehendak kebijaksanaan, mengikut amalan-amalan syarikat perdagangan insurans yang baik, dan memelihara taraf profesionalisme serta kejujuran yang tinggi sama seperti syarikat perdagangan insurans biasa.

Salah satu amalan penting yang dijalankan oleh syarikat insurans biasa ialah mengadakan peraturan insurans semula. Oleh kerana amalan insurans semula ini penting sebagai langkah melicinkan urusniaga, maka syarikat takaful juga akan mengadakan peraturan insurans semula bagi kedua-dua perlindungan Takaful Keluarga dan Takaful Am. Disebabkan oleh kurangnya syarikat-syarikat yang menjalankan operasi takaful, maka bagi mempastikan kedudukan syarikat takaful sentiasa teguh dan berdaya jaya, ia bolehlah mengadakan peraturan insurans semula dengan syarikat-syarikat insurans atau syarikat insurans semula biasa di negara ini ataupun di luar negeri.

Suatu lagi perkara yang amat penting mengenai perjalanan syarikat takaful ialah berhubung dengan penyediaan kakitangannya. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, maju mundurnya sesebuah organisasi perniagaan ataupun syarikat adalah bergantung kepada prestasi di semua peringkat kakitangan. Demikian jugalah halnya dengan syarikat takaful. Malah hakikat ini adalah lebih menepati syarikat takaful, memandangkan ianya adalah sebuah institusi kewangan yang bukan sahaja baru dari segi penubuhannya, tetapi juga dari segi konsep serta pelaksanaannya di negara kita ini.

Berhubung dengan ini usaha-usaha sedang giat diambil bagi memperolehi pegawai di peringkat pengurusan dan pegawai-pegawai kanan yang mempunyai pengetahuan dan pergalaman untuk berkhidmat sebagai kakitangan pelopor.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat takaful seperti juga syarikat insurans biasa yang lain, hendaklah dilesen dan diawasi oleh Kementerian Kewangan melalui Pejabat Ketua Pengarah Takaful. Walau bagaimanapun, oleh kerana syarikat takaful mematuhi

lunas-lunas hukum syarak, maka Akta Insurans, 1963 adalah tidak sesuai digunakan sebagai landasan untuk mengawasinya. Oleh hal yang demikian adalah perlu diadakan suatu perundangan yang berasingan untuk mengawal syarikat takaful.

Rang Undang-undang Takaful, 1984 adalah digubal berpandukan kepada peruntukan-peruntukan dalam Akta Insurans, 1963 terutamanya peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan perlesenan, pengawalan dan pemeriksaan, dengan membuat peruntukan tambahan dan pindaan-pindaan di mana yang sesuai dengan kehendak-kehendak syarak.

Peruntukan-peruntukan penting Rang Undang-undang Takaful, 1984 adalah seperti berikut:

#### (i) *Takrif "Takaful"*

Takaful adalah ditakrifkan sebagai satu skim yang berasaskan kepada semangat perpaduan dan persaudaraan di mana peserta-peserta bersama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan kewangan untuk saling bantu membantu di antara mereka yang memerlukannya.

#### (ii) *Takrif "Urusniaga Takaful"*

Ini adalah ditakrifkan sebagai satu bidang urusniaga yang mana tujuan dan operasinya tidak terlibat dengan unsur-unsur yang bertentang dengan syariah.

#### (iii) *Jenis-jenis Urusniaga Takaful*

Tuan Yang di-Pertua, seperti syarikat-syarikat insurans yang ada sekarang, urusniaga takaful juga mengandungi dua jenis iaitu Takaful Keluarga dan Takaful Am. Urusniaga Takaful Keluarga adalah ditakrifkan sebagai satu skim yang memberi manfaat kepada

peserta-peserta takaful dan keluarganya. Urusniaga Takaful Am pula adalah semua urusniaga takaful yang bukan urusniaga Takaful Keluarga, misalnya, perlindungan ke atas harta benda seperti kereta motor, rumah dan sebagainya.

(iv) *Lembaga Pengawasan Syariah*

Tuan Yang di-Pertua, sesebuah syarikat yang ingin didaftarkan untuk menjalankan urusniaga takaful di Malaysia hendaklah membuat permohonan melalui Pejabat Ketua Pengarah Takaful, Kementerian Kewangan untuk dikemukakan kepada Menteri Kewangan. Mengikut peruntukan Seksyen 8 (5) (b) Rang Undang-undang Takaful 1984, Pejabat Ketua Pengarah Takaful tidak akan mengesyorkan pendaftaran kecuali Memorandum dan Tataurusan Syarikat secara khusus memperuntukkan penubuhan sebuah badan Pengawasan Syariah untuk menasihat dan memastikan supaya syarikat takaful menjalankan urusniaga menurut prinsip-prinsip Islam.

(v) Menurut Seksyen 16 Rang Undang-undang Takaful 1984, Syarikat Takaful dikehendaki menubuh dan menyenggara Kumpulanwang Takaful yang berasingan bagi Takaful Keluarga dan Takaful Am. Semua caruman penyertaan untuk skim takaful oleh para peserta akan dikumpulkan ke dalam kumpulanwang takaful yang berkenaan. Dalam masa yang sama wang yang terkumpul itu akan dilabur dalam bidang-bidang yang dihalalkan oleh syarak.

(vi) Menurut Seksyen 33 Rang Undang-undang Takaful 1984, Ketua Pengarah Takaful mempunyai kuasa untuk memeriksa syarikat Takaful dan mempunyai akses kepada buku akaun, rekod dan dokumen-dokumen lain. Tujuan peruntukan ini ialah bagi memastikan tindakan yang segera dapat diambil untuk mengelakkan kemungkinan Syarikat Takaful mendapat kegagalan.

(vii) Tuan Yang di-Pertua, Urusniaga Takaful Am khususnya, akan juga melibatkan kepada broker takaful dan menyelesa kerugian takaful seperti di bawah Seksyen 37 dan 38. Ini akan memberi peluang kepada ramai lagi rakyat Malaysia, khususnya orang-orang Islam untuk menyertai bidang perniagaan ini.

(viii) Operasi Takaful Keluarga dikehendaki menjalankan penilaian aktuari secara tahunan seperti terdapat di bawah Seksyen 42. Tujuan utama penilaian aktuari ini dilakukan ialah untuk memandu Syarikat Takaful Keluarga merancang masa depan yang hendak dituju untuk menunjukkan prestasi pelaburan, untuk menentukan syarikat berupaya membayar segala tanggungan.

(ix) Menurut Seksyen 64, hanya mereka yang berumur 18 tahun ke atas sahaja yang layak untuk menyertai Syarikat Takaful.

(x) Jika terdapat kematian kepada pemegang sijil Takaful Keluarga, Syarikat Takaful menurut Seksyen 65 boleh

membuat pembayaran kepada waris-waris yang berhak sejumlah wang yang ditetapkan di bawah Rang Undang-undang Takaful dan tidak payah mengemukakan apa-apa probet atau surat pentadbir kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maksud membolehkan sesebuah Syarikat Takaful menjalankan urusniaganya, pindaan-pindaan perlu dibuat kepada Akta Insurans 1963 dan Ordinan Lalulintas Jalan 1958. Pindaan-pindaan kepada Akta berkenaan hanya merupakan pindaan susulan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa ciri-ciri utama Rang Undang-undang Takaful 1984, yang bertujuan untuk menyediakan peruntukan bagi penubuhan Syarikat-syarikat Takaful di negara kita ini dan seterusnya membolehkan umat Islam di negara kita ini memperolehi manfaat daripada perkhidmatan sistem perlindungan yang sama seperti insurans tanpa sebarang keraguan dari segi prinsip-prinsip Islam. Insya Allah, dengan sokongan yang diberikan kepada Rang Undang-undang ini, Syarikat Takaful akan dapat memenuhi hasrat umat Islam serta semua penduduk di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai kawalan perniagaan takaful di Malaysia dan bagi lain-lain tujuan yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan takaful, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Padang Rengas.

#### 4.05 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-setinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan menerusi Kementerian Kewangan kerana telah berjaya mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Takaful 1984.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang Takaful ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan tidak hanya bercakap kosong ataupun meniup slogan-slogan kosong apabila pemimpin-pemimpin Kerajaan bercakap untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran dan kehidupan masyarakat di negara kita ini. Walaupun perjalananya tidaklah seperti yang dikehendaki oleh setengah-setengah golongan di negara kita ini supaya penerapan Islam itu berjalan lebih cepat, lebih lancar dan sebagainya tetapi saya bersetuju dengan langkah yang diambil oleh Kerajaan, sesudah mengadakan Universiti Islam, kemudian lahir pula Bank Islam dan sekarang ini Takaful atau Undang-undang Insurans Islam diwujudkan di negara ini. Langkah yang sederhana ini adalah sesuai dengan kehendak Islam di mana Nabi Besar Muhammad s.a.w. pernah bersabda, dengan izin, . . . . . "sebaik-baik pekerjaan adalah sederhana". Oleh yang demikian, memanglah kena pada tempat dan ketikanya bahawa langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang disebut Takaful 1984 atau Insurans Islam.

Sebagaimana yang termaklum, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat peruntukan mengenai

perniagaan takaful atau insurans di negara kita mengikut hukum syariah sepermima yang diterangkan di dalam Akta Rang Undang-undang ini. Dan mengikut tafsiran di dalam Rang Undang-undang ini bahawa takaful ialah satu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta-peserta dan segala urusniaganya mestilah bersetujuan dengan kehendak hukum syariah. Berasaskan tujuan dan pengertian yang tersebut, maka pada pandangan saya sudah pastilah akan dapat menanam nilai-nilai yang baik khususnya di kalangan umat Islam iaitu suka berjimat cermat, suka melabur hasil daripada lebihan perbelanjaan mereka setiap hari dengan matlamat untuk menuju ke arah hidup berdikari.

Ini adalah satu semangat yang perlu dipupuk di dalam sebuah negara yang sedang membangun kerana kita nampak di mana-mana negara yang membangun di dunia ini, salah satu faktor yang boleh mempercepatkan, mempertinggikan taraf kehidupan rakyat, juga membantu memperkuatkannya ekonomi negara itu ialah wujudnya satu sikap rakyat, sikap berjimat cermat, sikap suka melabur, sikap ingin membantu diri sendiri terutama di dalam keadaan-keadaan yang susah ataupun kemalangan, sepermima yang berlaku di negara-negara Jepun dan sebagainya. Oleh yang demikian, pada pandangan saya Undang-undang Takaful ini sudah pasti akan dapat sambutan baik oleh masyarakat Islam yang beriman di negara ini.

Sebenarnya ramai dari kalangan mereka ini ingin menyertai di dalam mana-mana syarikat insurans yang sudah wujud di negara ini. Akta tetapi oleh sebab konsep insurans atau syarikat insurans yang ada ini yang berlandaskan konsep ekonomi barat

dan terdapat unsur-unsur yang bertentangan dengan kehendak Islam atau hukum Syariah maka mereka tidaklah ingin menyertai. Oleh kerana mereka mempunyai minat untuk menyertai syarikat-syarikat yang bercorak seperti insurans ini juga maka lahirlah beratus-ratus buah syarikat yang dinamakan syarikat mati di kalangan masyarakat Islam di kampung-kampung.

Boleh dikatakan di tiap-tiap mukim terutama di kawasan luar bandar ada syarikat dinamakan syarikat mati di mana tiap-tiap orang apabila berlaku kematian, menderma sebanyak \$1.00 kah atau 50 sen mengikut kehendak-kehendak aturan dan peraturan dalam undang-undang. Kaedah ini telah berjalan begitu lama. Ini adalah suatu tanda bahawa ramai masyarakat Islam ingin menyertai syarikat-syarikat yang bercorak seperti ini. Oleh yang demikian saya berharap pihak Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang positif bagi memberikan kefahaman yang meluas kepada masyarakat di negara ini khususnya masyarakat Islam supaya mereka tidak lagi merasai ragu-ragu untuk menggunakan segala kemudahan dan mendapatkan manfaat atau faedah daripada syarikat takaful yang disertainya kelak.

Saya yakin sekiranya mereka dapat diberi kefahaman yang meluas dan mendalam sudah pasti mereka akan memberikan sepenuh-penuh sokongan ke atas syarikat yang bakal dilahirkan nanti. Sokongan yang meluas daripada orang ramai sudah pasti sedikit sebanyak akan dapat membantu memusatkan pertumbuhan perniagaan Takaful di negara kita pada masa akan datang.

Keteguhan syarikat takaful ini kelak sudah pasti akan dapat membantu mengukuhkan kedudukan ekonomi negara dan juga saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri akan dapat mengatasi

masalah pengangguran di negara kita bagi masa yang akan datang. Oleh yang demikian, selain daripada Kerajaan saya berserta juga kepada media-massa yang ada bukan sahaja pihak Kementerian Kewangan tetapi menerusi Menteri Penerangan, menerusi akhbar-akhbar dan juga cendikiawan Islam yang ingin melihat bahawa pendapat Islam ini dapat berjalan dengan baik dan teratur dalam negara kita hendaklah turut sama memberikan penerangan mereka kepada masyarakat Islam tentang maksud-maksud yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Takaful 1984.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Fasal 54 (1), saya suka menyentuh berkenaan perlantikan Ketua Pengarah. Oleh kerana sebagaimana yang disebutkan di sini, Yang di-Pertuan Agong boleh melantik manapun orang mengikut nama atau atas jawatan untuk menjadi Ketua Pengarah Takaful yang akan dipertanggungkan dengan pentadbiran am Akta ini dan perjalanan fungsi-fungsi yang diberi oleh Akta ini kepada Ketua Pengarah dan sebutan-sebutan dalam Akta ini mengenai Ketua Pengarah adalah sebutan-sebutan mengenai pegawai itu.

Oleh sebab kedudukan dan peranan Ketua Pengarah ini merupakan nadi penggerak utama dalam pengendalian syarikat takaful ini maka Kerajaan perlulah berhati-hati. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong supaya berhati-hati melantik seorang Ketua Pengarah bukan sahaja mereka ini terdiri daripada cerdik pandai Islam atau yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang hukum dan ekonomi Islam tetapi juga mestilah benar-benar yang boleh dipercayai dan sesuai dengan kehendak serta dasar Kerajaan atau dengan lain-lain perkataan sesuai dengan parti pemerintah supaya tidak menjadi

seperti kata pepatah Melayu "Harapkan pagar, pagar makan padi", "Harapkan sokong, sokong membawa rebah."

Kita tidak mahu lagi mendengar peristiwa-peristiwa yang buruk yang boleh menjelaskan nama baik Kerajaan di mata masyarakat sama ada di negara kita atau di peringkat antarabangsa.

Demikian juga perlantikan pegawai-pegawai kanannya supaya mereka ini benar-benar dapat bergerak sebagai satu pasukan yang seja dan sekata, selangkah dan sederap bagi menunaikan tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh negara dan Kerajaan.

Sebagaimana selalu saya tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa jawatan-jawatan yang diberikan kepada mereka yang berkenaan bukanlah semata-mata kerana mereka orang yang bijak dan pandai bukanlah jawatan yang mereka perolehi untuk dimegah-megahkan, untuk dibangga-banggakan atau menjadikan alasan untuk menipu dan menganiayai Kerajaan dan orang ramai. Jawatan ini adalah suatu amanah pada segi hakikatnya dilantik oleh Allah s.w.t. Manusia hanyalah untuk melaksanakannya.

Kalau tidak dengan kehendak Allah, daun yang kering tidak akan naik ke udara dan tidak akan gugur ke bumi. Oleh sebab itu, mereka mestilah benar-benar memikul amanah, tanggungjawab bukan sahaja terhadap negara tetapi terhadap Kadirabul Jalil. Kerana setiap seorang daripada orang-orang Islam kita penuh yakin dan kita penuh percaya setiap perlakuan, percakapan yang kita lakukan semasa hidup di dunia ini, sudah pasti akan dinilai, sudah pasti akan diadili oleh Hakim yang maha besar Kahirabul Jalil di Yaumilmahsyar kelak. Inilah sebagai satu ingatan kerana dari satu masa kesatu masa kita mendengar berbagai-bagai penyelewengan

berlaku yang dilakukan oleh orang-orang Islam sendiri. Inilah yang menyediakan kita, kerana perbuatan mereka itu bukan sahaja merosakkan diri, merosakkan bangsa, tetapi menjelaskan nama baik atau kesucian agama Islam sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang suka saya sentuh untuk menjaminkan kelincinan dan kestabilan Syarikat Takaful ini, bagi masa yang akan datang, saya berharap pihak Kerajaan sebagaimana yang diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengadakan latihan-latihan bagi mendapatkan pegawai-pegawai yang sesuai, cekap, untuk mengendalikan syarikat yang baru dilahirkan kelak dan serentak dengan itu pihak Syarikat Takaful ini hendaklah dari semasa ke semasa mengadakan program-program latihan kepada kakitangan-kakitangan supaya menjamin prestasi syarikat ini sentiasa berada di tahap yang baik dan sempurna. Jika perlu mereka hendaklah dihantar mendapatkan pengalaman-pengalaman, pengetahuan-pengetahuan di luar negeri terutama di negara-negara Islam yang sudah menjalankan insurans mengikut kehendak Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang Takaful, 1984.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tenggaroh.

4.23 ptg.

**Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sokongan terhadap pembentangan Rang Undang-undang Takaful 1984, serta mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Kewangan yang membentangkan Rang Undang-undang tadi di samping memberikan penjelasan terhadap kandungan Rang Undang-undang

yang sedang kita bincangkan dan sedang diperbahaskan pada masa ini.

Pada saya Rang Undang-undang yang bercorak baru, Takaful yang bererti suatu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta-peserta, jika diperlukan di mana peserta-peserta sama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan bagi maksud ini, telah dibawa di dalam Dewan yang mulia ini untuk diluluskan serta dilaksanakan di dalam negara kita ini sejak dahulu lagi. Tetapi oleh kerana penggubalan Rang Undang-undang bercorak ini merupakan suatu perkara yang rumit, oleh kerana penggubalan Rang Undang-undang ini hendaklah benar-benar sesuai dengan kehendak dan ajaran-ajaran Al-Quran, maka masa yang diperlukan untuk menggubal Rang Undang-undang Takaful ini adalah panjang sebab kesulitan-kesulitan seumpama itu disebabkan keperluan untuk meneliti dengan lebih rapi tentang Rang Undang-undang ini, maka pada hari ini dengan penuh taqwa ianya dapat juga dibawa di dalam Dewan yang mulia ini untuk dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Takaful ini bagi saya dapat meyakinkan seluruh rakyat di dalam negara kita ini tentang hasrat dan dasar Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam semua bentuk pentadbiran negara kita. Di samping itu Rang Undang-undang ini juga dapat meyakinkan rakyat, keseluruhan rakyat di dalam negara kita ini, tentang usaha-usaha Kerajaan yang memerintah pada masa ini untuk melenyapkan, untuk mengikis sedikit demi sedikit unsur-unsur riba' yang terdapat di dalam sistem perekonomian negara kita.

Rang Undang-undang Takaful ini dapat meyakinkan rakyat di dalam

negara kita tentang cara-cara pengendalian dan pelaksanaan suatu sistem insurans yang dianggap boleh diterima oleh semua golongan masyarakat, semua lapisan masyarakat yang ada di dalam negara kita ini. Oleh hal yang demikian, maka Sistem Insurans Takaful adalah merupakan ataupun menjadi suatu cabaran kepada umat Islam terutamanya di dalam negara kita ini.

Saya berkata Sistem Insurans Takaful merupakan suatu cabaran ataupun mencabar umat-umat Islam terutamanya di dalam negara kita ini, kerana bidang Insurans Takaful ini adalah merupakan suatu bidang yang baru. Pengetahuan yang terkandung di dalam takaful ini adalah merupakan suatu pengetahuan yang baru kepada kita semua. Pelaksanaan insurans secara takaful ini juga adalah merupakan suatu yang baru di dalam negara kita ini, ringkasnya sebarang perkara yang berkaitan dengan Insurans Takaful adalah segala-galanya baru. Oleh kerana ianya merupakan suatu bidang yang baru, suatu bidang yang masih di dalam peringkat terakhir untuk dilaksanakan di dalam negara kita ini, maka adalah diharapkan supaya umat Islam terutamanya, dan secara keseluruhannya semua rakyat di dalam negara kita ini menyertai dan melibatkan diri di dalam sistem insurans secara takaful ini.

Baru kita tahu, baru dapat kita nilai, baru dapat kita meneliti sejauh mana kemampuan orang-orang Melayu, terutamanya yang beragama Islam di dalam negara kita ini untuk bertanding dengan mereka yang pada masa ini dianggap oleh orang-orang Melayu sebagai satu golongan yang mempunyai kemahiran, yang mempunyai pengetahuan di dalam lapangan perdagangan, perindustrian dan seumpamanya hingga golongan-golongan ini jauh lebih maju di dalam bidang-bidang tersebut.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya nyatakan bahawa sistem insurans secara takaful ini mencabar sebenarnya kemampuan, keupayaan orang-orang Melayu serta umat Islam di dalam negara kita. Kalau kita perhatikan sejarah negara kita memang dapat kita terima bahawa orang-orang Melayu di dalam negara kita ini ketinggalan di dalam bidang-bidang perniagaan, perdagangan, perindustrian dan yang seumpamanya adalah disebabkan oleh negara kita ini begitu lama dijajah oleh penjajah-penjajah barat, di mana semasa negara kita ini dijajah, masyarakat yang dipanggil sebagai masyarakat Melayu di dalam negara kita ini diletakkan jauh tinggal di kawasan luar bandar. Orang Melayu semasa dijajah dahulu ditutup mata mereka, disumbat telinga mereka daripada mendengar dan memandang tentang peluang-peluang di dalam bidang perdagangan, perniagaan dan perindustrian ini.

Oleh hal yang demikian, oleh kerana proses ini berjalan beratus-ratus tahun lamanya, maka dapat kita terima pada keseluruhannya bahawa kemunduran masyarakat Melayu di dalam bidang perdagangan, di dalam bidang perindustrian, di dalam bidang perniagaan adalah disebabkan kerana masyarakat Melayu pada ketika itu tidak langsung diberikan peluang, tidak langsung diberikan ilmu pengetahuan, tidak langsung diberikan kesempatan untuk menceburkan diri bersama-sama dengan masyarakat yang tinggal di kawasan bandar di dalam bidang-bidang perniagaan, perdagangan dan perindustrian dan yang seumpamanya ini. Tetapi setelah kita dapat melepaskan diri kita daripada belenggu penjajahan, umat Melayu yang beragama Islam dan keseluruhan mereka yang beragama Islam di dalam negara ini diberikan kesempatan-kesempatan tersebut. Saya rasa pada hari ini terbuka satu lambaran sejarah

yang baru bagi semua lapisan masyarakat di dalam negara kita ini, khasnya bagi mereka yang beragama Islam untuk menunjukkan, memperlihatkan, membuktikan keupayaan mereka, kesanggupan mereka, kebolehan mereka di dalam bidang yang baru ini yang dipanggil sebagai Insurans Takaful.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita membincangkan satu Rang Undang-undang Takaful yang berunsurkan Islam menolak konsep riba, saya amat dukacita kerana wakil PAS yang selama ini menunjukkan kepada rakyat bahawa parti ini merupakan parti yang memperjuangkan Islam, tak ada di dalam Dewan ini untuk bersama-sama kita membincang dan seterusnya meluluskan Undang-undang Takaful yang menolak konsep riba. Perkara ini amat menggeciwakan kita kerana pada saya wakil tunggal daripada Parti Pembangkang PAS dikenali hanya oleh pihak PAS sebagai seorang ulama, sebagai seorang yang tahu hukum-hukum Islam, tetapi malangnya wakil yang dianggap oleh ahli-ahli PAS sahaja sebagai ulama yang tahu tentang hukum-hakam Islam, tak ada di dalam Dewan yang mulia pada petang ini untuk membincangkan Rang Undang-undang Takaful yang bertujuan untuk mencapai matlamat ke arah penerapan nilai-nilai Islam bagi negara kita.

Saya tahu mereka tak hadir pada petang ini kerana kalau kehadiran mereka untuk menolak Rang Undang-undang ini, maka saya yakin dan percaya keseluruhan masyarakat yang beragama Islam di dalam negara kita ini memandang sepi serta memberi kecaman yang hebat kepada Parti PAS. Atas sikap itu, mereka tak hadir di dalam Dewan ini. Tetapi walau bagaimanapun, sebuah parti Pembangkang yang hanya kerjanya untuk mengcam, mencari salah Kerajaan, insya Allah, kalau diizinkan oleh Allah s.w.t., golongan daripada

Parti PAS ini pada satu hari kelak akan juga memberikan kecaman mereka terhadap Rang Undang-undang Takaful ini. Daripada semasa ke semasa mereka akan mencari salah silap Rang Undang-undang Takaful ini, sepertimana yang pernah disuarakan oleh mereka tentang penubuhan Universiti Islam, tentang pelaksanaan penubuhan Bank Islam dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya menerangkan kepada orang ramai cara-cara pelaksanaan Insurans Takaful ini kerana saya sendiri pun membaca Rang Undang-undang ini 2-3 kali, oleh kerana bahasanya bahasa undang-undang, mungkin saya dapat agak sukar sedikit, bukan saya kata saya tak boleh faham, saya dapat agak sukar. Itu sebab saya katakan berulang kali saya baca barulah boleh faham sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Siapa pun tak kata Yang Berhormat tak boleh faham!

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tetapi tujuan saya oleh kerana saya membaca berulang kali, Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan kefahaman. Orang-orang kampung saya kalau baca, sebahagian daripada mereka kalau baca 10, 12 kali pun tak faham juga.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebab itulah orang kampung pilih Yang Berhormat sebagai Wakil Rakyat mereka. (Ketawa).

**Tuan Khadri bin Sabran:** Terima kasih. Oleh itu, saya cadangkan kepada Kerajaan supaya penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini tadi di mana saya dapat penjelasan

yang dibuat oleh beliau adalah merupakan satu penjelasan yang mudah, yang dapat difahami oleh setiap lapisan masyarakat di dalam negara kita ini. Maka penjelasan itu tadi hendaklah dihantarkan kepada Pejabat-pejabat Agama di Daerah-daerah untuk disebarluaskan kepada setiap masyarakat di dalam negara kita ini agar apabila mereka faham betul-betul tentang cara-cara pelaksanaan Insurans Takaful ini barulah mereka dapat peluang, dapat kesempatan untuk turut serta melibatkan diri di dalam perniagaan Insurans Takaful ini. Jangan hanya diberikan kefahaman kepada segelintir masyarakat dan apabila faham, segelintir inilah yang mendapat keuntungan hasil daripadanya.

Sekian sahaja saranan saya, Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali, saya menyokong Rang Undang-undang Takaful, 1984.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.40 ptg.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya berucap hari ini tanpa sebarang teks yang saya sediakan terlebih dahulu dan inilah kali yang pertama dalam sejarah hidup saya dalam Parlimen ini saya berucap tanpa teks kerana saya bimbang, takut-takut memakan masa yang banyak yang boleh menjelaskan masa kawan-kawan yang lain. Seperti biasa saya memang tak dapat tinggal lama dalam Dewan ini kerana kedudukan fizikal saya yang tak mengizinkan dengan air-condition.

Masalahnya Rang Undang-undang Takaful ini tak usahlah disebut-sebut, PAS tak sokong dan sebagainya, PAS memang menyokong segala gerak kerja Islam, usahkan Bank Islam, usahkan Universiti Islam, usahkan Takaful Islam, Parti Islam lagi PAS

sokong. Oleh yang demikian apa yang menjadi masalah di antara PAS dan di antara golongan yang tidak PAS ialah campur tangan kalangan lain khususnya setengah-setengah mass media tempatan kita yang selalu membesar-besarkan pertelukahan dan pertelagahan di antara PAS dengan yang tidak PAS khususnya dengan UMNO.

Misalnya timbul masalah mengenai dengan seorang Wakil Rakyat daripada Terengganu, misalannya Haji Hadi yang mengatakan bahawa Bank Islam adalah kulit. Saya sendiri menanya beliau apakah hakikat yang sebenarnya, jawapan yang diberi oleh beliau serupa sahaja dengan perkara yang telah orang-orang PAS lain menyebut iaitu sebarang gerak kerja Islam sama ada Takaful yang kita bahas hari ini ataupun apa sahaja pun mesti dilandaskan di atas konsep dan di atas dasar Perlembagaan Islam kerana Bank Islam di negeri kita telah membuatnya, negara Eropah juga membuat. Oleh yang demikian kalau kita hendak mengatakan bahawa negara kita sudah jadi negara Islam kerana kita buat masjid yang berlambangkan Islam, kita membuat Takaful Islam, Bank Islam, maka apa kita hendak kata kepada negara-negara yang bukan Islam yang telah mengadakan benda-benda ini. Itu masalahnya menjadi pokok. Jadi, oleh yang demikian sebarang gerak kerja Islam PAS tetap menyokong tetapi itu bukan bererti bahawa negara ini sudah menjadi negara Islam, itu duduknya masalah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak saya hendak cakap hari ini, itu sahajalah masalah kerana teguran yang dibuat oleh saudara dari Tenggaroh itu menyebabkan saya tinggal bilik sembahyang, datang ke sini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Parit.

*4.44 ptg.*

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit):** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat akan mengambil masa yang panjang.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Pendek.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pendek sahaja! Saya minta duduk sebentar Yang Berhormat. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berapa lamakah Yang Berhormat perlu bagi menggolong dan menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan dalam perbahasan.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab pendek pun boleh, panjang pun boleh, tertakluk kepada masa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat silakan, saya beri masa 10 minit untuk Yang Berhormat. Selepas itu saya akan menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bagi menjawab dan menggolong perbahasan.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan berucap dengan pendek iaitu untuk menyatakan sokongan kepada Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan iaitu Rang Undang-undang yang bernama Tafakul 1984.

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana telah berjaya mengatur dan juga mengkaji serta menyusun satu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Tafakul ini iaitu sesuai dengan kehendak-kehendak atau nilai-nilai

Islam di dalam penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan kita.

Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi ternyata adalah kepada kita bahawa konsep perniagaan ataupun prinsip takaful adalah bertujuan untuk mewujudkan perhubungan secara Islam antara peserta-peserta yang bersetuju menanggung bersama-sama dan berbahagi antara mereka sama ada keuntungan ataupun kerugian iaitu misalnya kerugian yang terpaksa ditanggung oleh sebab-sebab tertentu seperti kematian, bencana dan sebagainya yang menimpa antara sesama mereka. Dengan ini ternyata semangat insurans Islam adalah menekankan kepada kepentingan persaudaraan antara peserta-peserta.

Sifat-sifat mengutamakan kepentingan diri sendiri ataupun dorongan untuk mendapatkan keuntungan semata-mata tidak akan wujud dalam rancangan insurans Islam ini.

Tuan Yang di-Pertua, Islam ialah satu agama yang suci yang bersifat universal dan telah diterima sebagai agama rasmi negara kita. Etika Islam yang menyuruh penganutnya berbaik-baik antara satu dengan lain di samping mengajak umat-umat manusia bersatu padu dan berbaik-baik sesama manusia tidak kira sama ada penganut Islam ataupun yang bukan Islam, juga menyeru umat-umatnya meninggikan ekonomi mereka. Tetapi apa yang penting dalam ekonomi Islam ialah nilai-nilai moral, nilai-nilai sikap dan perilaku manusia demi mengelakkan kecurangan dan juga tipu daya kerana di dalam Islam apa juga tindak-tanduk dan perbuatan manusia adalah dengan kehendak Allah ataupun dengan kerana Allah.

Maka Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang Takaful ini akan lahirlah satu bentuk insurans Islam dan akan wujudlah satu bidang perniagaan yang sesuai dengan kehendak agama kita. Di samping kita mengharapkan satu cara pentadbiran yang kukuh yang diawasi oleh Kerajaan sendiri, apa yang lebih penting ialah sokongan dari semua pihak seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam membentangkan Rang Undang-undang sebentar tadi, khasnya daripada penganut-penganut agama Islam sendiri dan tidak ketinggalan juga oleh golongan-golongan masyarakat yang bukan Islam terutamanya kita yang bersama-sama di dalam komponen Barisan Nasional. Dengan ini akan membuktikan kepada orang-orang yang tidak setuju dengan dasar Kerajaan pada hari ini dan akan menjelaskan kepada mereka bahawa perhubungan dan kerjasama antara penganut-penganut agama Islam di dalam UMNO akan sebenar-benarnya mendapat sokongan daripada ahli-ahli Barisan Nasional. Maka dengan ini sudah tentulah ternyata kepada mereka bahawa Kerajaan kita benar-benar menjalankan dasar-dasar Islam di dalam mentadbirkan negara kita. Sokongan yang diberikan kepada insurans Islam ini seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah tidak akan menjelaskan kepentingan ahli-ahli ataupun penganut-penganut agama yang bukan Islam di dalam menghayati perkembangan ekonomi dalam negara kita.

Ini juga ternyata hasil dari penubuhan Bank Islam. Ini menjadi satu bukti yang nyata sekali, setelah Bank Islam ditubuhkan bukan sahaja orang-orang Islam yang menjadi pelanggan tetapi orang-orang bukan Islam juga telah memberi sokongan menjadi ahli, melabur dan sama-sama menikmati keuntungan dan faedah

daripada wujudnya Bank Islam yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, apabila lulusnya nanti Rang Undang-undang Takaful ini, mengikut apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Kerajaan akan memulakan hanya satu syarikat Takaful untuk permulaan, tetapi apa yang ingin saya kemukakan oleh kerana di dalam negara kita pada hari ini begitu banyak insurans-insurans nyawa sebagaimana yang dijalankan oleh syarikat-syarikat insurans yang ada pada masa ini adalah tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam dari segi akadnya kerana mengandungi unsur-unsur judi, unsur-unsur muamatat, riba dan sebagainya, maka ini perlu mendapat pertimbangan dan mendapat kajian daripada pihak Kerajaan oleh kerana insurans-insurans yang tersebut banyak ahli-ahli ataupun pencarum-pencarumnya daripada orang-orang Islam.

Jadi bagaimanakah kedudukan mereka kalau kita biarkan terus menerus berada dalam keadaan demikian. Oleh itu saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan dapat menyegerakan penyesuaian insurans-insurans nyawa yang ada pada hari ini dengan dasar Takaful ini, oleh kerana seperti yang saya sebutkan sebentar tadi banyaknya ahli-ahli kita ataupun penganut-penganut agama Islam mencarum di dalam insurans-insurans nyawa tersebut, ataupun Kerajaan mengarahkan ataupun meminta menyediakan satu peraturan kepada badan-badan insurans yang tersebut bagaimana membolehkan simpanan ahli-ahli, pencarum-pencarum yang datang dari penganut-penganut agama Islam supaya simpanan, caruman mereka dapat berjalan sesuai dengan kehendak-kehendak Takaful ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa biarlah saya berhenti setakat ini oleh kerana masa pun sudah begitu habis

dihadkan kepada saya, maka pada akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang Takaful yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

4.53 ptg.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian bagi menyokong termasuk Ahli dari Pengkalan Chepa dan membincangkan Rang Undang-undang yang sedang dibentangkan ini.

Secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit ulasan terhadap pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya saya tidak dapat menyentuh semua, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan tidak menganggap bahawa saya tidak memandang teguran-teguran itu penting tetapi percayalah semua pandangan-pandangan itu telah pun dicatat dan pandangan serta tindakan-tindakan yang sesuai akan diambil terhadap pandangan-pandangan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas di dalam menyokong Rang Undang-undang ini telah mengesyorkan supaya syarikat Takaful ini apabila diluluskan Rang Undang-undang dan syarikat ditubuhkan supaya penerangan yang sebanyak-banyaknya, seluas-luasnya diberitahu kepada orang ramai supaya dengan cara ini orang ramai akan mengetahui berkenaan dengan syarikat ini dan seterusnya memberi sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Padang Rengas

bahawa sememangnya inilah tujuan Kerajaan sewaktu memikirkan pembentangan Rang Undang-undang ini. Inilah juga hajat pihak Kerajaan supaya apabila Syarikat Takaful ini ditubuhkan nanti penerangan yang lanjut, penerangan yang menyeluruh akan diberi ke serata tempat kerana kita tahu tanpa penerangan yang meluas, tanpa penerangan yang baik, mungkin sukar memahamkan konsep Takaful ini kepada khususnya umat Islam dan amnya kepada penduduk seluruh negara.

Cuma kita berharap apabila mereka mendapat pengetahuan tentang syarikat ini nanti, silalah beri sokongan bukan sahaja sokongan seperti yang diberi oleh Ahli dari Pengkalan Chepa yang hanya agaknya menyokong di sini sahaja tetapi pada kebiasaannya mereka dari parti tersebut bercakap tidak serupa bikin. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bagi pihak PAS benar-benar menyokong perkara seperti ini, begitu juga dengan Bank Islam dahulu beritahu kepada orang ramai, beritahu kepada orang-orang kampung, beritahu secara umum bahawa partinya menyokong tindakan-tindakan Kerajaan terhadap perkara-perkara seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengenai pengumuman ini kita telah pun membuat siaran-siaran bukan sahaja dalam akhbar tetapi juga melalui TV dan kita percaya dengan cara ini bolehlah kita memperkatakan bahawa penerangan secara menyeluruh telah kita jalankan demi kepentingan Syarikat Takaful.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas juga mengingatkan supaya pegawai-pegawai yang akan bertugas dalam Syarikat Takaful ini terdiri daripada mereka yang bukan sahaja beramanah tetapi yang mempunyai pengetahuan di dalam hukum-hukum Islam. Inginlah juga saya memberi

jaminan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa bukan sahaja dari segi kepentingan politik tetapi sebenarnya dari segi kepentingan mana-mana syarikatlah, kalau sekiranya pegawai-pegawai dalam syarikat berkenaan tidak mempunyai amanah dan tidak mengetahui seluk-beluk tentang perniagaan dan oleh sebab Takaful ini berdasarkan hukum-hukum Islam dan kalau sekiranya yang berkenaan ataupun pegawai-pegawai yang diambil nanti tidak mengetahui dan tidak mendalami di dalam hukum-hukum ini sudah tentulah Syarikat Takaful tidak berjaya.

Kita tidak boleh membiarkan perkara ini berlaku. Kita tidak boleh melihat Syarikat Takaful ini gagal. Oleh sebab kita mahu melihat Syarikat Takaful ini berjaya, Syarikat Takaful ini makmur, Syarikat Takaful ini berkembang maka kita akan pastikan supaya sama ada daripada Pengurus Besarnya ataupun Pengarah Eksekutifnya ataupun apa juga jawatan yang akan diberi kepada orang yang akan mengetuai syarikat Takaful ini kepada Pengurus-pengurusnya, pegawai-pegawainya hingga kepada semua yang bekerja di dalam syarikat ini nanti akan terdiri dari mereka yang layak, mereka yang mempunyai pengetahuan yang sejajar dengan tanggungjawab yang akan diberikan kepada yang berkenaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh juga mengingatkan kita supaya Syarikat Takaful ini diterangkan seluas-luasnya kepada orang ramai demi menjaga kejayaan syarikat ini. Kepada Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh juga kita berterima kasih dan ini akan diambil ingatan supaya ianya akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit telah juga memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang ini seperti juga

dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum Ahli Yang Berhormat dari Parit, beliau juga memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang ini. Kita akan pastikan sokongan-sokongan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan kita persia-siakan dan kita akan ambil segala ingatan itu sebagai satu, dengan izin, "guidance" supaya di dalam menubuhkan ataupun mewujudkan syarikat itu nanti yang pada mulanya seperti yang telah saya terangkan sewaktu membentangkan Rang Undang-undang ini kita hanya akan menubuhkan satu sahaja Syarikat Takaful. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita berharap apabila syarikat ini menunjukkan kejayaan dan syarikat ini telah teguh, barangkali sekiranya didapati sesuai dan keadaan mengizinkan, maka bolehlah syarikat-syarikat yang baru dipertimbangkan kelulusannya.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat dan perlu saya ulaskan mengenai pandangan-pandangan serta teguran-teguran oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, dari Tenggaroh, dari Parit dan, tak lupa juga saya, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, dan kepada beliau sekali lagi saya berharap sangat bahawa sokongan yang beliau tunjukkan di Dewan yang mulia ini sebenarnya merupakan sokongan dan janganlah sampai tempat lain, lain pula ceritanya yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi terima kasih terhadap sokongan yang telah diberi oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempererusikan Jawatankuasa)

*Fasal 1* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

#### *Fasal 2—*

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan sedikit pindaan di sini dan saya harap kiranya dapat saya bacakan pindaan yang saya maksudkan. Pertamanya di dalam Fasal 2 ini—

- (i) Potong tafsiran “ditetapkan”.
- (ii) Masukan tafsiran yang berikut di antara tafsiran “pengendalian” dan “peraturan-peraturan”: “pengendalian takaful”, “ejen Takaful” dan “broker takaful” ertiinya seseorang yang masing-masing menjalankan perniagaan takaful, sebagai pengendali takaful, ejen takaful dan broker takaful.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Fasal 2 dipinda sebagaimana yang telah dibentangkan kepada Majlis.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

*Fasal 2* seperti yang telah dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

#### *Fasal 3—*

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, di sini juga saya mohon membuat cadangan pindaan—

- (i) Potong simbol dan angka “(1)” di baris pertama.
- (ii) Potong perenggan (c).
- (iii) Setelah dipotong perenggan (c), nomborkan semula perenggan (d) dan (e) sebagai perenggan (c) dan (d).

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah *Fasal 3* dipinda sebagaimana yang telah dibentangkan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

*Fasal 3* seperti yang telah dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 4 hingga 68* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Pertama dan Jadual Kedua* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL-USUL

### PERINTAH PERLEM-BAGAAN PERSEKUTUAN (PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA) (NEGERI- NEGERI TANAH MELAYU) 1984

5.15 ptg.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang

di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa bahawasanya telah pun dibentangkan dalam Dewan ini di bawah Seksyen 9 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan laporan Suruhanjaya Pilihanraya yang bertarikh 1hb November, 1984 dan dikemukakan kepada Perdana Menteri pada 8hb November, 1984 di bawah Seksyen 8 Jadual tersebut yang mengandungi syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya berkenaan dengan persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dalam Negeri-negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan) dan Bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri setiap Negeri dalam Negeri-negeri Tanah Melayu berserta dengan draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri-negeri Tanah Melayu) 1984 yang akan dibuat di bawah Seksyen 12 Jadual tersebut bagi menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut—

Dewan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen 10 Jadual tersebut, mengambil ketetapan bahawa draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri Tanah Melayu) 1984 yang tersebut di atas tadi diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, menurut Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihanraya adalah bertanggungjawab untuk mengulangkaji dan mempersempadankan seluruh bahagian pilihanraya Parlimen dan bahagian pilihanraya Negeri pada lat tempoh tidak kurang daripada 8

tahun. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, dalam sidangnya pada 19hb Mac 1984, Dewan ini telah meluluskan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1984. Mengikut Akta pindaan yang berkenaan itu Suruhanjaya adalah dibenarkan untuk menjalankan ulangkaji pada lat tempoh yang sama iaitu 8 tahun dan ianya hendaklah siap dalam tempoh tidak lebih daripada 2 tahun dari tarikh bermulanya ulangkaji itu. Tarikh bermulanya ulangkaji ini ialah pada 4hb Januari, 1984 berdasarkan kepada notis pengesyoran-pengesyoran sempadan bahagian-bahagian pilihanraya yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya pada tarikh tersebut.

Sungguhpun demikian Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa tugas ulangkaji telah dimulakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya sejak bulan Julai, 1982 oleh kerana lat tempoh 8 tahun yang disyaratkan baginya untuk melaksanakan ulangkaji jatuhnya pada tarikh tersebut. Pindaan yang dibuat menerusi Akta A-585 yang dinyatakan ialah untuk membolehkan Suruhanjaya menyelesaikan tugas-tugas ulangkaji setelah tugas-tugas itu tergendala kerana penubuhan Labuan sebagai kawasan Wilayah Persekutuan dan juga sebagai satu bahagian pilihanraya Parlimen yang baru yang dikuatkuasakan mulai 16hb April 1984, mengikut Akta pindaan yang sama.

Berhubung dengan ulangkaji dan persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya ini saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa dalam sidangnya pada 3hb Ogos, 1983 Dewan yang mulia ini telah meluluskan Rang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983. Menurut Akta itu, Perkara 46 dalam Perlembagaan telah dipinda dengan menambah kerusi-kerusi dalam Dewan ini daripada 154 kepada 176.

Di samping itu, dalam sidangnya yang berlangsung pada 19hb Mac 1984, menerusi Akta (Pindaan) No. 2, 1984 Dewan ini telah sekali lagi meluluskan penambahan satu lagi kerusi iaitu kerusi Parlimen bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Dengan pertambahan itu, kerusi Parlimen seluruh Malaysia adalah berjumlah 177. Berikut dengan pertambahan kerusi-kerusi Parlimen itu, Dewan-dewan Perundangan Negeri dalam Negeri-negeri Tanah Melayu (iaitu Semenanjung Malaysia) kecuali Dewan Perundangan Negeri Melaka telah meminda perlombagaan negeri masing-masing dengan menambah bilangan kerusi-kerusi dalam Dewan-dewan Perundangan Negeri yang berkenaan.

Dengan adanya pindaan-pindaan kepada Perkara 46 dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perkara-perkara berkenaan di dalam Perlembagaan-perlembagaan Negeri yang berkenaan maka menjadi perlu bagi Suruhanjaya Pilihanraya untuk menjalankan ulangkaji untuk membahagikan Negeri-negeri Tanah Melayu kepada bahagian-bahagian pilihanraya dan mengesyorkan apa-apa perubahan yang difikirkan perlu sebagai mematuhi kehendak-kehendak fasal (1) dan (2) Perkara 116 dalam Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi seperti berikut:

- “(1) Bagi memilih ahli-ahli Dewan Rakyat sesuatu unit ulangkaji hendaklah dibahagi kepada beberapa bahagian pilihanraya mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas.
- (2) Jumlah bilangan bahagian-bahagian pilihanraya hendaklah sama dengan bilangan ahli-ahli supaya seorang ahli dipilih bagi tiap-tiap satu bahagian pilihanraya, dan daripada jumlah bilangan bahagian pilihanraya dalam

Negeri-negeri Tanah Melayu itu sebilangan yang ditetapkan mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perkara 46 dan Jadual Ketiga Belas hendaklah diuntukkan bagi tiap-tiap satu Negeri.”

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya telah pun menyiapkan laporannya berpandukan kepada prosedur-prosedur yang diberikan dalam Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan. Ulangkaji dan persempadanan semula yang telah dijalankan itu adalah juga diasaskan, setakat mana yang boleh, kepada prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Bahagian I Jadual Ketiga Belas Perlembagaan.

Laporan Ulangkaji dan Persempadanan ini telah diserahkan kepada saya pada 8hb November, 1984 sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 8 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan. Laporan itu telah pun dibentangkan di dalam Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 198 Tahun 1984.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat lihat, laporan Suruhanjaya ini mengandungi 6 Bab iaitu Bab A hingga F. Ianya terkandung di dalam 2 Jilid iaitu Jilid I mengandungi Bab A hingga E dan Jilid II mengandungi Bab F iaitu peta. Bab A adalah menerangkan dengan jelas bidang kuasa dan juga lat tempoh ulangkaji, unit ulangkaji, soal kemasukan Labuan sebagai sebahagian daripada unit ulangkaji Negeri-negeri Tanah Melayu, penambahan kerusi Parlimen dan Negeri dan pindaan-pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan. Perkara yang penting di dalam Bab A ini yang perlu saya sebutkan ialah berkaitan dengan unit ulangkaji dan penambahan kerusi-kerusi Parlimen dan Negeri.

Bagi tujuan persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya, Fasal (6) Perkara 113 dalam Perlembagaan telah membahagikan Malaysia kepada unit ulangkaji yang berasingan iaitu:

- (i) Negeri-negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan);
- (ii) Negeri Sabah;
- (iii) Negeri Sarawak (yang tidak terlibat dalam ulangkaji ini buat masa ini).

Oleh kerana pembahagian Malaysia kepada unit-unit ulangkaji yang berlainan, maka Suruhanjaya Pilihanraya perlulah mengemukakan laporan-laporan yang berasingan, iaitu satu bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan satu lagi bagi Negeri Sabah. Negeri Sarawak tidak terlibat dalam ulangkaji kali ini kerana ulangkaji kawasan pilihanraya di Sarawak telah diadakan secara berasingan dalam tahun 1977.

Berhubung dengan penambahan kerusi Parlimen, seperti mana yang saya nyatakan sebentar tadi, Akta Perlembagaan (Pindaan), 1983 yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 3hb Ogos, 1983 melibatkan pindaan kepada Perkara 46 dalam Perlembagaan untuk menambah bilangan kerusi Parlimen bagi Negeri-negeri Tanah Melayu daripada 114 kepada 132 dan bagi Negeri Sabah daripada 16 kepada 20 menjadikan jumlah kerusi Parlimen sebanyak 176. Sebuah lagi kerusi telah ditambah menerusi sidang Parlimen pada 19hb Mac, 1984 bilamana Rang Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1984 diluluskan. Mengikut pindaan ini Wilayah Persekutuan Labuan adalah juga diisytiharkan sebagai satu kerusi Parlimen yang baru, menjadikan jumlah kerusi Parlimen sebanyak 177.

Di samping itu tindakan-tindakan diambil di peringkat negeri bilamana Kerajaan-kerajaan Negeri, melainkan Negeri Melaka dan Negeri Sabah, telah mengambil tindakan-tindakan untuk meminda Perlembagaan negeri masing-masing untuk menambahkan kerusi-kerusi negeri. Kerusi-kerusi negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu telah bertambah daripada 312 kepada 351 iaitu tambahan sebanyak 39 kerusi.

Bab B Laporan Ulangkaji dan Persempadanan ada menerangkan bagaimana Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan ulangkaji dan persempadanan di samping maklumat-maklumat lain bersabit dengan prinsip-prinsip persempadanan, daftar pemilih asas yang digunakan, purata bilangan pemilih bagi Parlimen dan Negeri, pembahagian daerah-daerah mengundi, nama-nama bahagian pilihanraya dan pemetaan. Perkara yang penting yang perlu saya nyatakan berkaitan dengan Bab B ini ialah mengenai asas bilangan pemilih. Sebagaimana yang telah saya terangkan sebentar tadi, Suruhanjaya Pilihanraya telah memulakan ulangkaji sejak bulan Julai, 1982 dan dengan yang demikian asas ulangkaji daripada segi bilangan pemilih ialah daftar pemilih yang disahkan pada bulan Disember, 1982. Jumlah pemilih bagi Negeri-negeri Tanah Melayu, termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan, ialah sebanyak 5,239,278 orang. Sungguhpun asas bilangan pemilih ialah daftar pemilih tahun 1982, namun oleh kerana pertambahan bilangan pemilih dari tahun 1982 hingga ke tahun 1984 tidak menunjukkan perbezaan yang besar iaitu hanya seramai 58,056 orang sahaja iaitu tambahan sebanyak 1.11% sahaja, maka tidak berlaku perubahan-perubahan yang besar dan nyata di peringkat bahagian-bahagian pilihanraya, di antara bilangan pemilih yang diperakukan oleh Suruhanjaya

berasaskan bilangan pemilih yang berkenaan itu dengan bilangan pemilih yang sebenarnya bagi tahun 1984 ini.

Perlu diterangkan juga di sini bahawa dalam menjalankan ulangkaji ini Suruhanjaya Pilihanraya telah berpandukan kepada prinsip-prinsip persempadanan yang termaktub di Bahagian I Jadual Ketiga Belas dalam Perlembagaan dan setakat mana yang boleh Suruhanjaya telah menepati kehendak berbagai prinsip-prinsip yang berkenaan.

Bab C Laporan Suruhanjaya ini mengandungi keterangan-keterangan berhubung dengan Notis-notis dan pengesyoran-pengesyoran dan juga pameran-pameran serta dengan rayuan-rayuan dan bantahan-bantahan dan seterusnya mengenai pindaan-pindaan kepada syor-syor Suruhanjaya yang keseluruhannya ialah dilakukan mengikut prosedur yang terkandung di dalam Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan. Berhubung dengan rayuan-rayuan dan bantahan-bantahan bagi syor-syor yang disiarkan menerusi Notis yang dipamerkan buat pertama kali pada 4hb Januari hingga 4hb Februari 1984, Suruhanjaya telah menerima sebanyak 218 rayuan. Rayuan-rayuan itu telah diproses dan sebanyak 132 siasatan tempatan di semua negeri di Semenanjung Malaysia telah dijalankan. Bagi pameran yang kedua yang dibuat pada 30hb Julai hingga 30hb Ogos, 1984 Suruhanjaya telah menerima sebanyak 25 rayuan dan telah menjalankan sebanyak 10 siasatan tempatan di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia.

Bab D laporan itu mengandungi perakuan-perakuan Suruhanjaya Pilihanraya. Perakuan-perakuan ini dapat diteliti sepenuhnya di dalam Jadual I dan Jadual II yang menerangkan bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri yang dicadangkan bagi Negeri-negeri Tanah

Melayu dan juga daerah-daerah mengundi di dalam bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri serta bilangan pemilih di dalam tiap-tiap bahagian pilihanraya.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat boleh lihat di dalam laporan itu, Suruhanjaya Pilihanraya ada mengesyorkan beberapa perubahan nama kepada bahagian pilihanraya yang sedia ada pada masa sekarang. Sebab-sebab perubahan itu dilakukan ada diberikan di dalam laporan itu. Bagi bahagian-bahagian pilihanraya yang baru Suruhanjaya telah mencadangkan nama-nama tertentu yang difikirkan sesuai dan ada di antara nama-nama itu diubah setelah menimbangkan rayuan-rayuan yang dibuat oleh pengundi-pengundi tempatan atau pihak-pihak yang layak.

Bab E iaitu bab yang akhir di dalam Jilid I mengandungi lampiran-lampiran dan maklumat-maklumat penting berkaitan dengan syor-syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Bab F di dalam Jilid II mengandungi petà-peta yang menunjukkan sempadan-sempadan bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu, termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan. Petà-peta yang disediakan itu mengandungi base ataupun asas maklumat yang paling kemaskini, khususnya mengenai pertalian jalan raya, keretapi serta rangkaian sungai-sungai dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 9 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan laporan itu hendaklah dibentangkan bersama dengan draf suatu Perintah yang hendak dibuat di bawah Seksyen 12 untuk menguatkuasakan dengan atau tanpa ubahsuai-ubahsuai syor-syor yang

terkandung di dalam laporan itu. Draf Perintah itu sekarang ini ada di hadapan Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 199 Tahun 1984.

Kerajaan telah mengkaji dengan teliti syor-syor yang dibuat dalam laporan itu dan tidak mencadangkan apa-apa pengubahsuaian. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu ini dibuat sebagaimana yang perlu oleh Suruhanjaya Pilihanraya mengikut prosedur-prosedur dan prinsip-prinsip yang telah ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Penambahan-penambahan kerusi juga adalah sesuai dengan perkembangan-perkembangan ekonomi dan sosial sejak 10 tahun yang lepas yang berlaku di negara kita, dan juga pertambahan bilangan penduduk atau bilangan pemilih. Perubahan-perubahan sempadan bahagian-bahagian pilihanraya perlu dilakukan sesuai dengan perubahan yang berlaku kepada bentuk muka bumi dan sebaran atau penempatan penduduk di seluruh Semenanjung Malaysia.

Penambahan dan perubahan kawasan-kawasan pilihanraya Parlimen dan Negeri, sebagaimana yang disyorkan dalam laporan itu, akan memberikan peluang kepada rakyat untuk mendapat perwakilan yang lebih sempurna dan berkesan. Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyambut baik langkah yang telah diambil itu dan memberi sokongan yang sewajarnya.

Sebelum saya mencadangkan supaya draf Perintah yang dibentangkan sebagai Kertas Statut No. 199 Tahun 1984 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, sukalah saya mengambil kesempatan untuk melahirkan penghargaan saya kepada

Pengerusi, Ahli-ahli dan Setiausaha serta Pegawai-pegawai Kanan dan seluruh kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya yang telah bertugas dengan penuh dedikasi untuk menyiapkan laporan ini dengan sempurnanya dalam tempoh yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan—

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul di atas nama Timbalan Menteri dikemuka bagi dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**DRAF PERINTAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN  
(PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA)  
(NEGERI TANAH MELAYU) 1984**

*Perbahasan disambung semula.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.35 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menghadirkan diri di penyiasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya di Melaka pada awal April lalu semasa Suruhanjaya Pilihanraya mengadakan lawatan ke seluruh negara untuk mendengar bantahan-bantahan yang dibuat terhadap cadangan-cadangan asalnya berhubung dengan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri, saya telah mula mengeluarkan pendapat-pendapat saya dengan tertanya-tanya, sama ada saya ini membazirkan masa saya sendiri dan juga masa Suruhanjaya Pilihanraya.

Saya telah beritahu Suruhanjaya Pilihanraya sebab-sebab mengapa saya berasa sedemikian. Bahawa isu-isu yang saya ingin membangkitkan melibatkan soal-soal pokok dan asas

yang tidak akan dibenarkan untuk ditimbang oleh Suruhanjaya Pilihanraya oleh "tuan-tuan politiknya" sungguhpun dari segi Perlembagaan isu-isu tersebut akan termasuk dalam bidang kuasa dan tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya.

Selepas mengkaji Laporan Suruhanjaya Pilihanraya mengenai persempadanan semula Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Semenanjung Malaysia atau Negeri-negeri Tanah Melayu, saya dapati bahawa saya adalah "prescient", dengan izin, semata-mata kerana bantahan-bantahan pokok yang saya bangkitkan di Melaka dan juga bantahan-bantahan yang dibuat bukan sahaja oleh rakan-rakan partai saya yang lain di negeri Pulau Pinang, Perak dan lain-lain negeri yang juga turut dibangkitkan oleh badan-badan sivik, seperti pelbagai Pertubuhan Kebangsaan Cina telah ditolak sama sekali oleh Suruhanjaya Pilihanraya tanpa sebab-sebab yang meyakinkan.

Saya tidak mahu menceritakan lagi bagaimana kebebasan dari segi perlembagaan Suruhanjaya Pilihanraya untuk bertindak dengan bebas dan dengan tidak menyebelahi mana-mana pihak tanpa sebarang ketakutan atau berat sebelah telah dilucutkan menerusi satu siri pindaan kepada Perlembagaan. Akibat ini, Suruhanjaya Pilihanraya telah hilang tarafnya yang wujud waktu Merdeka sebagai suatu organ yang bebas dan berautonomi yang tidak akan membiarkan campur tangan atau tekanan parti memerintah kepada satu lagi Jabatan Kerajaan yang bergerak mengikut rangka kerja dan garis-garis panduan am yang digariskan oleh "tuan-tuan politik" walaupun rangka kerja dan garis-garis panduan tersebut adalah bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan mengenai tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya.

Ini adalah satu lagi pertunjukan "wayang kulit" dalam politik Malaysia di mana "tuan-tuan politik" menarik tali Suruhanjaya Pilihanraya dari belakang tirai sementara . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya tidak tahu sama ada apa Yang Berhormat ucapan sekarang ini tidak bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 36 (8) iaitu kelakuan atau sifat Suruhanjaya Pilihanraya. Adakah itu tidak melanggar, kalau sekiranya ada usul persendirian—boleh, tetapi jikalau sekiranya mengatakan bahawa mereka itu terpengaruh dan sebagainya, maka itu adalah pada fikiran saya tersentuh kepada kelakuan atau sifat . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau dengan izin, mengikut 36 (8), yang menyebut bahawa kelakuan ahli-ahli, saya tidak mahu baca tetapi kalau mahu saya boleh bacalah 36 (8), tetapi saya cari mengenai Suruhanjaya Pilihanraya sahaja, "kelakuan atau sifat ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya" itulah tidak boleh disebut kecil dengan mengeluarkan usul persendirian bagi maksud-maksud itu. Tetapi apa yang saya sebutkan di sini bukan kelakuan atau sifat anggota-anggota/ahli-ahli Suruhanjaya tetapi sistem di mana melalui siri pindaan kepada Perlembagaan, taraf kebebasan sudah hilang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan membenarkan Yang Berhormat bercakap di atas sistem tetapi jikalau Yang Berhormat berucap bahawasanya mereka itu ada tuan-tuan politik di belakang memainkan sebagai wayang kulit, itu saya rasa bercanggah dengan 36 (8). Saya tidak mahu benarkan Yang Berhormat berucap macam itu melainkan di atas satu motion bersendirian.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, saya pun sudah buat point yang saya mahu buat di sini bahawa kebebasan Suruhanjaya sudah hilang, bahawa

sepaututnya apa yang patut dikemukakan di sini tidaklah mengikuti hasrat dan kehendak dalam Perlembagaan Negara kita. Apa yang timbul ialah satu keadaan "fakta politik" . . . .

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan bahawasanya . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order atau apa . . . .

**Perdana Menteri:** Point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau point of order, apa point of order?

**Perdana Menteri:** Duduklah dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau point of order, apa point of order? Itulah kita ikut. Perdana Menteri pun mesti ikut Peraturan Mesyuarat.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu telah melanggar peraturan yang tersebut dalam seksyen yang tadi juga yang berkata bahawa dianya tidak boleh menyindir . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai point of order, sesiapa yang berdiri mahu sebutkan point of order, Perdana Menteri pun mahu sebut point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sekiranya saya bercakap, kedua-dua kena duduk. (*Ketawa*). Saya minta Yang Berhormat wakil dari Kota Melaka jangan ulang apa yang saya tegahkan itu. Sila teruskan ucapan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu timbulkan point of order? Baik. Tuan Yang di-Pertua, bantahan terbesar sekali kepada bahagian-bahagian baru pilihanraya Parlimen dan Negeri yang dicadangkan ini ialah ia akan melanggar prinsip seorang seundi. Dalam proses itu menegah serta memburukkan lagi ketidak samaan

politik di antara rakyat dan kaum yang hanya akan memburukkan lagi keseluruhan kedudukan polarisasi kaum di Malaysia. Garis-garis panduan Perlembagaan mengenai persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya telah dilhamkan oleh prinsip seorang seundi apabila diperuntukkan dalam Perkara 2 (C), Jadual Ketiga Belas Perlembagaan, bawawa dengan izin, "bilangan pemilih-pemilih dalam tiap-tiap satu bahagian pilihanraya dalam sesuatu negeri patutlah lebih kurang sama banyaknya, di seluruh unit ulangkaji kecuali bawawa memandangkan kepada lebih besar kesulitan untuk sampai kepada pemilih-pemilih dalam daerah-daerah itu dan lain-lain kesukaran yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihanraya di luar bandar, luasnya bahagian-bahagian pilihanraya itu patutlah diberi pertimbangan . . . . ."

Suruhanjaya Pilihanraya telah tidak langsung menghiraukan prinsip "seorang seundi" ini dalam urusan persempadanannya di mana perwakilan kurang atau, dengan izin, "under representation" pemilih-pemilih bandar begitu serius sehingga satu undi di luar bandar adalah sama dengan lebih tiga undi di bandar. Umpamanya, bahagian pilihanraya Parlimen Gua Musang di Kelantan, mempunyai jumlah pemilih sebanyak 20,503 pengundi, sementara sais bahagian pilihanraya atau electorate Parlimen Petaling Jaya adalah lebih tiga kali ganda dengan jumlah pengundi sebanyak 67,846 pengundi.

Pengagihan kuasa politik yang tidak sama ini yang melebihi nisbah 3:1 juga dikekalkan di negeri-negeri, umpamanya di Pulau Pinang di mana bahagian pilihanraya negeri Pinang Tunggal mempunyai 7,079 pemilih sementara bahagian pilihanraya negeri Pengkalan Kota mempunyai 22,642 pemilih. Di negeri Selangor, bahagian pilihanraya negeri Sungai Tinggi

mempunyai 8,677 pemilih sementara bahagian pilihanraya negeri Bukit Gasing mempunyai 27,771 pemilih. Negeri Pahang pula bahagian pilihanraya negeri Benta mempunyai 6,616 pemilih sementara bahagian pilihanraya negeri Teruntum mempunyai 21,011 pemilih; di Negeri Sembilan bahagian pilihanraya negeri Teradong mempunyai 5,718 pemilih sementara bahagian pilihanraya negeri Rembau mempunyai 19,707 pemilih; di negeri Melaka pula bahagian negeri Rim mempunyai 6,263 pemilih dan Bandar Hilir mempunyai 19,147 pemilih; di negeri Johor bahagian negeri Tenggaroh mempunyai 11,567 pemilih sementara bahagian negeri Tanjung Puteri mempunyai 30,543 pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, perkara (2) (C) Jadual ke 13 memperuntukkan bawawa luasnya bahagian-bahagian pilihanraya hendaklah mengambil kira kesukaran yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihanraya di luar bandar. Tetapi luasnya bahagian-bahagian pilihanraya ini tidaklah boleh dilakukan sehingga ia membatalkan prinsip seorang seundi dan inilah yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dengan menentukan bawawa satu undi di luar bandar adalah sama dengan tiga undi di bandar. Sejarah dengan semangat dan kata-kata garis-garis panduan Perlembagaan mengenai luasnya bahagian-bahagian pilihanraya bagi kawasan-kawasan luar bandar, perbezaan purata pemilih-pemilih dalam sesuatu bahagian pilihanraya Parlimen atau negeri hendaklah dalam lingkungan 25% atau tidak boleh melebihi 50%. Suruhanjaya Pilihanraya telah menolak tafsiran luasnya bahagian-bahagian pilihanraya ini bagi kawasan-kawasan luar bandar. Ia juga sama sekali telah menolak prinsip seorang seundi dalam urusan persempadanan bahagian pilihanraya Parlimen dan negeri. Maka sebagai menjawab perwakilan

yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Jelutong bagi pihak-pihak pemilih Jelutong, Suruhanjaya Pilihanraya ada membuat ulasan dan keputusan mengenai argument ini bahawa, dengan izin "rural weightage" dan ini ada dalam laporan di sini dengan izin, satu perenggan,

"Suruhanjaya Pilihanraya juga tidak dapat menerima cadangan 'rural weightage' dihadkan kepada 10 ke 15% sahaja kerana penentuan had seperti ini menimbulkan kesukaran jika had itu perlu dipatuhi secara rigid. Kesukaran akan timbul untuk menepati prinsip-prinsip lain seperti kemudahan pentadbiran atau kepentingan perhubungan tempatan yang mungkin terpaksa diketepikan jika cadangan yang dikemukakan oleh perayu ini dilaksanakan."

Tuan Yang di-Pertua, komen dan keputusan Suruhanjaya Pilihanraya tadi jelas menunjukkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah gagal untuk menepati peruntukan Perkara 2 (C) mengenai "rural weightage" tanpa membatalkan atau nullify prinsip asas dalam perkara mengenai seorang seundi. Suruhanjaya Pilihanraya hanya berminat menolak idea bahawa "rural weightage" hendaklah dihadkan kerana sekiranya Suruhanjaya Pilihanraya merasa hak 10-15% adalah terlalu ketat atau rigid, maka mengapakah dia tidak sanggup menimbangkan had 25 ke 50% seperti yang dicadangkan oleh saya di Melaka dalam inquiry di sana.

Malah Suruhanjaya Pilihanraya yang pertama di bawah Pengurusnya kalau tidak silap Allahyarham Dato' Mustapha Albakri tidak menghadapi apa-apa kesukaran untuk mempersempadankan semula bahagian-bahagian pilihanraya dalam tahun 1955 untuk menepati prinsip berhubung dengan kemudahan pentadbiran atau kepentingan perhubungan tempatan dan juga had

Perlembagaan masa itu bahawa perbezaan pemilih-pemilih di antara satu bahagian pilihanraya dengan lain tidaklah boleh melebihi 15% berasaskan kepada kuota pilihanraya (electoral quota) yang didapati dengan membahagikan jumlah pemilih yang terdapat di negara dengan jumlah bahagian-bahagian pilihanraya.

Akan tetapi persempadan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan juga Negeri pertama ini yang dijalankan oleh sebuah Suruhanjaya Pilihanraya yang benar-benar bebas dan berotonomi ditolak oleh UMNO bukan kerana ia telah menyeleweng daripada Perlembagaan tetapi kerana persamaan yang lebih dalam penagihan kuasa politik ekoran ketetapan prinsip "seorang seundi" telah dianggap sebagai suatu ancaman terhadap pengaruh (dominance) kuasa politik oleh UMNO.

Sejarah telah membuktikan bahawa "argument" Suruhanjaya Pilihanraya dalam Laporan Persempadanannya ini bahawa pengekalan "rural weightage" sebanyak 10% atau 15% atau 50% adalah terlalu "rigid" dan oleh sebab itu prinsip-prinsip persempadan lain juga patut diendahkan adalah tidak benar. Dia hanya merupakan satu daleh untuk menyembunyikan tujuan-tujuan politik pemerintah yang lebih tinggi.

Dalam jawapan mereka kepada perwakilan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bukit Bendera bagi pihak pemilih-pemilih kawasan tersebut di mana beliau mengukulkan prinsip "orang seundi" Suruhanjaya Pilihanraya telah menolak prinsip *in toto*. Komen mereka adalah seperti berikut, dengan izin,

"Soal 'one man one vote' atau 'satu orang satu undi' tidak timbul dalam urusan ini kerana dari segi konsep Wakil Rakyat adalah mewakili seluruh pengundi secara kolektif atas soal-soal dasar dan

perundangan dan bukan mewakili individu-individu, secara persendirian baik dari segi masalah mahu pun dari segi dasar. Oleh hal yang demikian, sedikit sebanyak perbezaan pemilih di antara satu bahagian dengan bahagian yang lain tidak menjadi soal, khususnya di dalam bahagian-bahagian pilihanraya bandar di mana perkhidmatan perbandaran dan perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lain boleh didapati dengan senang tanpa dirujukkan dan dipohonkan melalui Wakil Rakyat. Selagi Wakil Rakyat mewakili semua pemilih secara keseluruhan atau secara kolektif dalam bahagian pilihanrayanya dan bukan secara individu maka soal ‘under representation’ atau ‘over representation’ tidak timbul. Sekiranya seorang Wakil Rakyat itu menjalankan tugas-tugasnya lebih daripada yang dikehendaki daripada seseorang Wakil Rakyat, itu adalah daya usaha yang dilakukan oleh Wakil Rakyat itu di luar bidang tugas dan tanggungjawab asasnya”.

Saya mendapati bahawa alasan-alasan Suruhanjaya Pilihanraya kerana menolak prinsip “satu orang, satu undi” seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 22 (c) Jadual 13, Perlembagaan Malaysia adalah paling mengagumkan. Ini adalah kerana dia bukan sahaja telah memberikan “argumen-argumen” yang bercanggah malah telah membuat anggapan-anggapan yang kedua-dua tidak demokratik serta melanggar Perlembagaan.

Daripada alasan-alasan Suruhanjaya Pilihanraya kerana menolak prinsip “seorang seundi” ini kita boleh membuat rumusan-rumusan berikut:

Pertama, Suruhanjaya Pilihanraya berpegang teguh kepada pendapat bahawa seorang Wakil Rakyat adalah mewakili satu kumpulan kolektif bagi tujuan

aktiviti-aktiviti dasar serta perundangan dan bahawa masalah-masalah kawasan pilihanraya yang khusus tidak patut menjadi urusan Wakil Rakyat. Menurut mereka jika seorang Wakil Rakyat ingin melibatkan diri di dalam masalah-masalah kawasan pilihanraya yang khusus mereka sedang bertindak melampaui apa yang dijangka daripada seorang Wakil Rakyat dan perkara ini tidak patut dipertimbangkan dalam persempadanan kawasan-kawasan pilihanraya.

Suruhanjaya Pilihanraya sedang cuba mendefinisikan semula peranan dan tanggungjawab seorang Wakil Rakyat. Suruhanjaya ini telah menyumbangkan bukan sahaja satu definisi yang tidak tentu arah atau “misguided”, dengan izin, malah juga telah melampaui peranannya seperti yang ditakrifkan oleh Perlembagaan iaitu melaksanakan pilihanraya dan menentukan persempadanan semula kawasan-kawasan pilihanraya.

Jika Suruhanjaya Pilihanraya benar-benar berpendapat bahawa masalah-masalah pilihanraya yang khusus tidak patut merupakan urusan Wakil Rakyat maka “argument” mereka mestilah bahawa prinsip satu orang satu undi itu patutlah disokong. Ini adalah kerana “argument” paling kukuh diberikan oleh Kerajaan terhadap perbezaan dan ketidak seimbangan perwakilan politik di antara kawasan-kawasan bandar serta luar bandar adalah bahawa seorang Wakil Rakyat kawasan luar bandar mengalami lebih kesukaran dalam menemui kehendak pemilihnya itu. Jika seperti yang didakwa oleh Suruhanjaya Pilihanraya seorang Wakil Rakyat memang hanya mewakili pemilih-pemilihnya secara kolektif bagi tujuan-tujuan dasar dan perundangan dan bukan untuk mengatasi masalah-masalah kawasan pilihanraya yang khusus maka argument ini akan robah begitu

sahaja. Lebih-lebih lagi seorang mesti menyoalkan peruntukan-peruntukan pembangunan kawasan pilihanraya yang kecil yang diberikan kepada Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional setiap tahun kerana menurut definisi Suruhanjaya Pilihanraya, Wakil-wakil Rakyat ini dan Kerajaan sendiri sedang menyalah gunakan kewangan tersebut. Ini adalah kerana menurut mereka seorang Wakil Rakyat tidak patut bertanggungjawab terhadap aspek-aspek di luar urusan-urusan, dasar serta perundangan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Wakil-wakil Rakyat memainkan dua peranan iaitu mewakili kepentingan-kepentingan kolektif rakyat dalam arena perundangan serta dasar dan juga mengatasi masalah-masalah kawasan pilihanraya dan pemilih-pemilih yang khusus.

Argument bahawa kawasan-kawasan pilihanraya luar bandar patut mempunyai pemilih-pemilih yang kurang daripada kawasan-kawasan bandar kerana Wakil-wakil Rakyat luar bandar perlu meliputi kawasan yang lebih luas tidak mengendahkan sama sekali hakikat bahawa seorang wakil rakyat bandar mempunyai masalah-masalah yang jauh lebih kompleks akibat daripada bilangan penduduk yang lebih ramai.

Dengan tidak menghiraukan prinsip seorang seundi dalam sebuah masyarakat majmuk Suruhanjaya Pilihanraya telah mengekalkan dan memburukkan ketidak saksamaan politik di kalangan rakyat dan kaum.

Menjelang tahun 1990, terdapat suara-suara yang lantang menggesa supaya Dasar Ekonomi Baru dilanjutkan untuk menyusun semula masyarakat untuk mengelakkan pengenalan fungsi ekonomi dengan mana-mana kaum. Tetapi apakah yang dilakukan untuk menghapuskan pengenalan fungsi politik dengan mana-mana kaum, yang dengan

sendirinya merupakan satu lagi sebab utama yang menyebabkan perpecahan dan polarisasi di negara ini.

Seseorang sudah tentu akan menduga bahawa dengan perjalanan beberapa dekad ini Suruhanjaya Pilihanraya akan dipandu dengan semangat Perlembagaan Malaysia dan peruntukan-peruntukan dalam Jadual ke 13 menggariskan asas bagi sebuah negara yang lebih bersatu padu dan saksama di mana kuasa politik diaghikkan dengan lebih adil di kalangan rakyat dan kaum. Akan tetapi, Suruhanjaya Pilihanraya telah berbuat sebaliknya. Terdapat penyusunan semula politik bukan untuk menghapuskan ketidak saksamaan politik di antara rakyat dan kaum tetapi untuk mengekalkan dan memburukkan lagi ketidak saksamaan politik itu.

Apabila bahagian-bahagian pilihanraya baru yang dicadangkan ini dikaji dia akan menunjukkan bahawa jumlah bahagian-bahagian pilihanraya yang mempunyai majoriti-majoriti orang Cina telah dikurangkan secara progresif, sementara jumlah bahagian-bahagian pilihanraya yang mempunyai majoriti orang-orang Melayu telah ditambah.

Apabila saya membangkitkan dengan Suruhanjaya Pilihanraya betapa perlunya ketidak seimbangan kaum diperbetulkan di antara pemilih-pemilih Melayu dengan bukan Melayu dalam persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya, pihak Suruhanjaya Pilihanraya telah berkata, dan ini ada dalam laporan: "Masalah membentulkan ketidak seimbangan politik khusus di antara pengundi Melayu dan bukan Melayu tidak boleh dijadikan asas atau isu dalam urusan ini."

Apabila saya membantah bahawa pemilih-pemilih tidak diberi masa yang cukup untuk mengkaji cadangan persempadanan bahagian-bahagian

pilihanraya serta mereka tidak mempunyai access kepada daftar-daftar pemilih untuk membolehkan mereka mengetahui pecahan mengikut kaum bahagian-bahagian yang dicadangkan dalam urusan persempadanan itu pihak Suruhanjaya telah membuat ulasan dalam Laporan, daftar pemilih tidak perlu dipamirkan untuk membuat analisa perpecahan kaum kerana persempadanan ini tidak berasaskan kepada faktor tersebut. Tetapi kita semua tahu bahawa tujuan parti pemerintah, khasnya UMNO apabila mengkaji perkara ini ialah daripada segi kedudukan politik daripada kaum. Dan apabila ini dilakukan tidak racial. Apabila ini ditimbul atau disoalkan racial. Saya haraplah kita jangan ada sikap semacam ini. Kita bincang masalah dengan terbuka supaya masalah ini boleh ditimbulkan, jangan timbul nanti seperti di sini ada dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri racial. Apa yang dibuat sebenarnya racial tetapi tidak disebut, dan apa yang ditentang itu racial. Itulah keadaan yang sangat sedih dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya mengenai bahagian-bahagian pilihanraya baru-baru ini hendaklah ditentang kerana ia mengekalkan dan memburukkan ketidak samaan politik antara rakyat dan kaum. Parti DAP mahu menyeru agar kuasa politik disusun semula untuk memulakan pengenalan fungsi politik dengan mana-mana kaum serta hentikan perbezaan rakyat Malaysia dari segi politik kepada warganegara kelas satu dan warganegara kelas dua.

Parlimen berkuasa untuk menolak cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya di bawah Perkara II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan.

Maka dengan ini, saya secara formal mencadangkan satu pindaan kepada usul di hadapan kita untuk

menggantikan perkataan "diluluskan" dengan perkataan "tidak diluluskan", supaya syor-syor draf Suruhanjaya Pilihanraya dipinda untuk merangkumi prinsip seorang seundi dan objektif menghapuskan pengenalan fungsi politik dengan mana-mana kaum dengan mencipta ketidak saksamaan politik yang lebih di antara rakyat dan kaum.

Di sini mengikut Peraturan Mesyuarat 26, 30 dan 32 dalam satu pindaan, satu soalan yang diikut oleh Pengurus boleh dipinda tanpa notis, tetapi perlu dalam bersurat dan di sini saya kemukakan satu pindaan bersurat. (*Menyerahkan surat kepada Yang di-Pertua*).

Tuan Yang di-Pertua, saya mencabar Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen, khasnya MCA dan GERAKAN untuk menolak bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri baru-baru ini, yang dicadangkan kepada mereka tidak didedah sebagai pemimpin-pemimpin politik yang tidak berprinsip, dan bersifat opportunist, yang berpura-pura mengkritik di luar Dewan ini, tetapi saat atau masa mengundi menyokong bahagian-bahagian baru di dalam Parlimen.

Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen MCA dan GERAKAN hendaklah berhenti main, dengan izin, double games, yang mahu memberi gambaran kepada orang ramai bahawa Suruhanjaya Pilihanrayalah yang bertanggungjawab atas persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya yang begitu tidak adil dan tidak saksama. Malah sebenarnya Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen MCA dan GERAKANlah yang bertanggungjawab kerana Suruhanjaya Pilihanraya hanya boleh membuat syor-syor dan menunggu keputusan muktamad yang boleh melulus atau menolak laporan tersebut. Sekiranya Menteri-menteri

dan Ahli-ahli Parlimen MCA dan GERAKAN tidak mahu menyokong pindaan DAP ini, untuk menolak syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya mengenai persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya dan mengundi pula menyokong supaya syor-syor tersebut diterima, maka biarlah mereka berani secara terang-terang membela mengapa mereka mengundi menyokong syor-syor tersebut secara awam dan bukan berpura-pura bahawa mereka tidak menyokong persempadanan ini. Ya, daripada laporan dan perakuan serta tindakan yang dibuat oleh Kerajaan ini adalah ujian besar bagi semua khasnya Menteri-menteri, Ahli-ahli Parlimen MCA dan GERAKAN, kerana sekiranya mereka mengundi menentang conscience mereka, maka mereka telah menjadi pengarang bersama ketidak samaan politik dalam sistem politik Malaysia dan kesan-kesan buruk yang luas terhadap hak-hak politik, ekonomi, kebudayaan dan keagamaan untuk semua rakyat Malaysia untuk bagi tahun 1980an dan tahun 1990an. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, sebelum saya menerima cadangan pindaan ini, saya minta hendak mengambil kepastian dahulu di bawah Peraturan Mesyuarat nombor berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** S.O. 26.

**Tuan Yang di-Pertua:** S.O. 26, tentang mana yang boleh mengeluarkan notis?

**Tuan Lim Kit Siang:** Unless dalam bahasa Inggeris, dengan izin . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** S.O. 26 (1), page 169.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dengan izin:

“26 (1) Unless Standing Orders otherwise provide, notice shall be given of any motion which it is proposed to move with the exception of the following—

(a) a motion by way of amendment to a question already proposed from the Chair;”

Di sini ialah satu question, proposed from the Chair, dan dalam muka surat 173 Peraturan Mesyuarat 30 (1) berbunyi:

“30 (1) When any motion is under consideration in the House or in a committee thereof an amendment may be proposed to the motion if it is relevant thereto.”

Dan Peraturan Mesyuarat 32 berbunyi: “Any amendment to a motion” . . . . “it be put in writing.” Itulah saya ada mematuhi dengan pindaan yang bersurat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 26 (1) (a) dan 33 (1).

**Yang Berhormat,** Peraturan Mesyuarat 30 (3) berbunyi:

“30 (3) An amendment must not raise any question which, by the rules of the House, can only be raised by a substantive motion after notice.”

**Tuan Lim Kit Siang:** S.O. 36 (8), saya bukan timbulkan apa-apa yang menyentuh 36 (8), tetapi untuk meminda Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tambah satu perkataan “tidak sahaja”.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan meminda.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu meminda.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada fikiran saya itu menolak langsung, berbangkit

di bawah S.O. 30 (3). Saya ingat Yang Berhormat . . . . .

**Perdana Menteri:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Atas on a point of order?

**Perdana Menteri:** Bukan, may I seek it clarification, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh.

**Perdana Menteri:** Saya ingin tahu jikalah motion dari ahli Pembangkang ini diundi dan ditolak oleh Dewan, adakah ini bermakna bahawa Usul yang asal itu diluluskan dan tidak ada perbahasan lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat ini bukan amendment, ini menolak kesemuanya sekali, yang demikian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan dibuat, ini satu penolakan, itu ialah berikut dengan apa yang ada dalam Perlembagaan, Jadual Ketiga Belas, Seksyen 11 yang berbunyi—

"11. If a motion for the approval of any draft Order referred to in section 9 is rejected by the House of Representatives, or withdrawn by leave of the House, or is not supported by the votes of not less than one-half of the total number of members of the House, the Prime Minister may, after such consultation with the Election Commission as he may consider necessary, amend the draft and lay the amended draft before the House of Representatives; . . . ."

Sebab itu mengikut peruntukan Perlembagaan, Dewan yang mulia ini boleh lulus, boleh menolak, atau kalau dengan izin, tarik balik perakuan-perakuan itu dan itulah dalam lingkungan kuasa dan tanggungjawab Dewan yang mulia ini dan sama ada ini

untuk lulus atau untuk menolak, itu satu pindaan. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh menimbang perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah timbangkan perkara ini, yang ini ialah satu cadangan yang termasuk kepada apa yang saya akan kemukakan lepas daripada perbahasan ini, iaitu sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat akan bersetuju ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bersetuju. Jikalau sekiranya usul di atas masalah ini dikemukakan di atas tidak bersetuju, termasuklah kepada cadangan pindaan ini.

Selain daripada itu, Peraturan Mesyuarat 30 (3) juga yang berbunyi kata satu perkara itu kenalah jadi amendment. Kalau sekiranya bukan berupa bentuk amendment, ditolak langsung, itu bukan amendment, bukanlah satu cadangan pindaan. Pindaan makna dia pinda, dia tokok sana, yang ini sedikit, tetapi dia tak tolak semua langsung sekali.

Yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya menolak cadangan pindaan ini. (*Tepuk*).

Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

#### 6.13 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh tentang laporan suruhanjaya Pilihanraya Malaysia mengenai persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dalam Negeri-negeri Tanah Melayu ini. Ini adalah berdasarkan skop dan juga bidang kuasa yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada Suruhanjaya ini, khasnya kepada Jawatankuasa Persempadanan Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya.

Di samping itu, saya suka mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas kejayaan pihak

Suruhanjaya ini dalam masa yang singkat dapat menyediakan Laporan dan juga dapat dibentangkan dalam Dewan pada hari ini kerana tarikh yang diberi menjalankan kerja ini bermula pada bulan Ogos, 1983 yang lalu. Jadi, kegigihan dan kecekapan yang diberikan oleh Suruhanjaya ini adalah patut dipuji dan disanjung, melainkan DAP yang tidak tahu mengenang jasa dan juga penat lelah yang dijalankan oleh Suruhanjaya ini.

Dalam ulangkaji dan persempadanan ini, Suruhanjaya ini telah mengambil kira berbagai-bagai perkara yang terdapat di dalam Seksyen II, Bahagian (II), Jadual Ketiga Belas Perlumbagaan Persekutuan kita dan telah juga mengambil kira perbezaan di antara bandar dengan luar bandar.

Saya suka menarik perhatian bahawa walaupun pihak DAP ini tidak begitu setuju tentang kawasan luar bandar ini amat sedikit, kawasan dalam bandar amat ramai pengundinya dibandingkan 20,000 di Gua Musang dengan 67,000 di Petaling Jaya. Jadi, perbandingan ini adalah perbandingan yang kita tidak boleh ambil kira kerana kalau kita hendak melawat kawasan dari segi pentadbiran, kawasan di Ulu Kelantan atau Gua Musang itu saya rasa sekali lawatan kalau tak ada \$1,000 tak sampai, tetapi di Petaling Jaya ini sekentut pun sampai (*Ketawa*) dan tak guna duit pun, dengan tumpang teksi, tumpang kawan pun boleh sampai di Petaling Jaya walaupun 67,000 pengundi. Kalau kita hendak berjumpa rakyat yang tunggu kita, 60,000 katalah, kita boleh sampai ke tempat itu dengan keadaan yang sama. Maknanya, kawasan pendalaman itu kalau kita hendak buat lawatan rakyat yang tunggu kita itu 1,000 orang adalah sama dengan orang tunggu 10,000 orang, 100,000 orang dari segi kesusahan dan kepenatan, bagaimana kita hendak buat lawatan?

Jadi, saya minta kepada Suruhanjaya Pilihanraya ini kawasan-kawasan di luar bandar itu kalau pengundi 5,000 pun tak apa dan perkecilkan kawasan kerana dari segi pentadbirannya amat susah sekali dan begitu juga dari segi kemudahan-kemudahan. Kalau kita banding Petaling Jaya, saya rasa rakyat di sana tak pernah minta api elektrik, tak pernah minta jalan, tak pernah minta tandas dan tak pernah minta supaya masjid atau rumah tokongnya dibuat, semuanya terjadi. Tetapi, kalau di luar bandar ini saya rasa kalau kita pergi sahaja ke luar bandar atau ke tempat-tempat pendalaman, yang mereka minta api elektrik, jalan, air dan berbagai-bagai kesusahan yang mereka minta. Sebab itulah Wakil Rakyat di kawasan bandar tak pening kepala. Kita yang pening kepala. Jadi, kalau hendak bandingkan lagi, saya rasa rakyat di Petaling Jaya ini tak berapa bergantung sangat kepada Wakil Rakyat, terutama Wakil Rakyat di Kota Melaka sana, kadang-kadang rakyat lebih cerdik daripada Wakil Rakyat pun ada (*Ketawa*), tetapi di luar-luar bandar ini segala-galanya hendak pertolongan, sampaikan anak hendak masuk sekolah pun minta tolong, bayar hasil tanah pun minta tolong dan juga hendak kahwinkan anak pun minta tolong, hendak bercerai pun minta tolong. Jadi semua ini adalah urusan Wakil Rakyat walaupun benda itu tidak digezet, tetapi ini adalah perkhidmatan Wakil Rakyat di luar-luar bandar.

Saya beberapa kali mendengar kalau timbul masalah perbincangan berkenaan dengan pilihanraya atau Suruhanjaya Pilihanraya saya sudah tahu, pertama yang akan ditimbulkan dia mempersoalkan kebebasan Suruhanjaya ini. Inilah yang selalu ditimbulkan oleh DAP. Sebenarnya, bukan Suruhanjaya ini main wayang kulit, tetapi DAP yang main wayang kulit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan sentuhkan perkara itu. Saya sudah tak benarkan perkara itu disentuh, janganlah disentuhkan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tak boleh menyentuh ini, saya minta Wakil Kota Melaka menarik balik perkataan "wayang kulit" yang digunakan kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Ini adalah menyalahi Peraturan Mesyuarat 36 (8). Saya minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu masa sudah lepas (*Ketawa*). Masa tadi Yang Berhormat minta tarik, saya akan timbang, tetapi sekarang sudah lepas masa. Sila teruskan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Selamat, dia Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Jadi, sebenarnya saya tak kata, cuma saya katakan wakil DAPlah yang bermain wayang kulit kerana datangnya adalah Wakil Kota Melaka. Wayang kulit ini maknanya pura-pura, jadi pura-pura selalunya dibentang dalam Dewan ini wakil dari DAP inilah yang selalu pura-pura yang banyak membangkitkan perkara-perkara yang tidak benar. Sebab itulah kalau masa yang lama diberi di dalam masa ulangkaji ini, makin banyak dia putarbelit dalam Dewan ini. Oleh kerana masa singkat itu sahajalah yang diputarbelitkan sehingga kita tidak menjadi masalah apa-apa.

Saya juga menyanjung tinggi tentang Suruhanjaya Pilihanraya ini yang telah pun mengambil kira tentang rayuan-rayuan dan juga bantahan-bantahan yang dikemukakan oleh orang ramai, termasuk DAP juga mungkin lah, yang munasabah dan logik dan juga termasuk akal. Mana yang ditolak itu yang tak termasuk akallah, yang tak logik, yang tak munasabah yang dibawa oleh wakil-wakil DAP

mungkin lah, maka benda itu tak logik, tak masuk akal, maka sudah tentulah Suruhanjaya Pilihanraya ini menolak. Bagi saya, mana-mana appeal yang saya beri itu semua diterima (*Ketawa*), jadi saya rasa logik jugalah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perubahan-perubahan kawasan pilihanraya dan juga perakuan yang diberi di sini berpandukan yang dibuat pada tahun 1960 dan juga tahun 1974 dahulu, saya rasa Suruhanjaya ini dapat kemukakan perakuan yang baik walaupun DAP kata tak baik, memang kerja dia. Bagi saya perakuan ini bersesuaianlah dengan pertambahan pengundi yang 50% lebih pembangunan-pembangunan yang begitu pesat yang dijalankan oleh Kerajaan, dan juga pertaburan penduduk yang begitu ramai dalam masa 10 tahun yang lepas, maka perubahan dan juga penyesuaian kawasan pilihanraya yang dicadangkan ini adalah wajar dilakukan.

Saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya tidak akan mengambil kira apa-apa cadangan yang dikemukakan oleh parti Pembangkang kerana kalau kita membincangkan masalah dengan DAP serupalah kita berhakimkan kepada beruk. Ini adalah perumpamaan, Tuan Yang di-Pertua, kerana berhakim kepada beruk ini tak ada apa-apa, semuanya untung dia, tidak akan menimbulkan keadilan. Jadi kalau dia minta supaya masalah-masalah dibincangkan dengannya, saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak akan jadi adil kepada kita dan kalau kita beri semua pun kawasan pilihanraya ini maknanya mengikut kehendaknya pun akan dia kata juga tidak adil.

Saya rasa kalaupula kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya ini tidak menjalankan tanggungjawabnya, saya rasa DAP ini akan tinggal seorang sahaja dalam Parlimen, saya sudah

agak kerana kebebasan yang ada dan juga keadilan yang diberi itulah ada juga 6 orang daripada 15 orang dahulu, sekarang ini tinggal 6 orang sahaja. Dengan ini saya rasa keadilan dan juga cara demokratik yang dilakukan oleh Suruhanjaya ini adalah sesuai bagi sebuah negara yang membangun seperti negara kita ini supaya tidak semuanya mengikut kehendak-kehendak yang disuarakan oleh orang yang kita tidak sebulu ataupun tidak seperti ataupun tidak mahu mengiakan ataupun tidak mahu mengatakan sesuatu itu betul atau benar, walaupun dia tahu benda itu betul atau benar. Ini dari segi kepentingan politik mereka yang sentiasa mencari salah dan mencari keburukan yang dijalankan oleh Kerajaan dan juga oleh Suruhanjaya ini demi untuk kepentingan negara dan juga kepentingan rakyat. Oleh itu, saya menyokong pindaan yang dilakukan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Padang Rengas.

6.24 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Bismillahirrahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam membahas Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya berkenaan dengan persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dalam Negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan) dan Bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri-negeri setiap Negeri dalam Negeri-negeri Tanah Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telah

benar-benar menunaikan tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh negara dan rakyat bagi mengadakan pindaan persempadanan mengikut kehendak-kehendak di dalam Perlembagaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang termaklum bahawa amatlah tidak wajar sesiapa pun untuk menuduh atau membuat tuduhan kepada Suruhanjaya ini dengan mengatakan bahawa suruhanjaya ini adalah tidak demokratik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan sebutkan perkara yang saya telah pun tegahkan daripada disebut. Jikalau Yang Berhormat sebut apa yang orang sebut, Yang Berhormat tanggungjawab atas apa Yang Berhormat sebut.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Saya mengatakan Suruhanjaya ini adalah demokratik . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, katakan begitu boleh.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** . . . . kerana segala keputusan yang hendak dibuat bukanlah dengan kehendak mereka secara mendadak. Umpamanya, sesudah sesuatu kawasan dan keputusan telah dibuat, Suruhanjaya ini telah mengadakan tempat-tempat pameran untuk membolehkan rakyat memberi pandangan dan pendapat-pendapat mereka, sebagaimana yang terkandung dalam laporan ini sebanyak 1,063 tempat-tempat pameran di seluruh negara. Umpamanya, di Perlis 30, Kedah 113, Kelantan 88, Terengganu 138, Pulau Pinang 87, Perak 149, Pahang 31, Wilayah Persekutuan 18, Negeri Sembilan 55, Melaka 29, Johor 145. Saya berpendapat dengan jumlah bilangan tempat-tempat pamiran ini sudah memadai untuk menunjukkan bahawa Suruhanjaya ini benar-benar

menjalankan demokrasi seperti mana yang dikehendaki oleh rakyat negara ini. Suruhanjaya ini juga bersedia menerima segala rayuan-rayuan dan bantahan-bantahan daripada orang ramai walaupun ada golongan-golongan yang menuduh bahawa Suruhanjaya ini berdegil, tidak mahu menerima pandangan-pandangan daripada mereka.

Saya bersetuju dengan pendapat daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh bahawa mungkin pandangan-pandangan itu tidak mengikut syarat-syarat yang dikehendaki sebagaimana yang ditetapkan. Umpamanya, bagi kawasan saya kalau dahulunya kita kenal dengan Kawasan Parlimen Padang Rengas tetapi setelah kita mengadakan pertemuan dengan Suruhanjaya ini kita mencadangkan Padang Rengas ini tidak lagi sesuai oleh sebab wujudnya perubahan dari segi geografinya Kawasan Parlimen ini, Padang Rengas pada masa dahulu duduk di tengah-tengah kawasan Pilihanraya Padang Rengas tetapi dengan perubahan-perubahan persempadanan yang baru ini Padang Rengas terletak di hujung sekali, maka kita berpendapat ini tidak lagi munasabah dan setelah kita membuat perundingan, nama yang paling munasabah berdasarkan faktor-faktor sejarah dan sebagainya, kita namakan Tasek Chenderoh. Maka pihak Suruhanjaya Pilihanraya tidak membantah oleh sebab pindaan-pindaan ini atau cadangan-cadangan ini bersesuaian dengan syarat-syarat dan munasabah dengan kehendak-kehendak Perlembagaan maka diterima bahawa Kawasan Pilihanraya bagi masa akan datang Kawasan Parlimen Padang Rengas ini dinamakan Tasek Chenderoh. Dan beberapa lagi cadangan-cadangan yang kita kemukakan kepada Suruhanjaya ini semuanya diterima, tidaklah seperti apa yang dibangkitkan oleh Wakil dari Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat menyedihkan yang dibangkitkan oleh wakil dari Kota Melaka iaitu menyeru dan mencabar ahli-ahli atau Menteri-menteri dan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang terdiri dari MCA dan GERAKAN supaya menentukan sikapnya, seboleh-bolehnya bersama-sama dengan beliau untuk menentang Usul yang dibawa oleh Perdana Menteri ini, kononnya bahawa langkah yang dibuat oleh Kerajaan ini adalah menguntungkan UMNO dan akan menindas dan menekan kepentingan politik masyarakat yang lain. Ini adalah mengandungi satu niat dan maksud yang jahat yang boleh menimbulkan perpecahan di kalangan kaum di negeri ini. Tetapi saya rasa ahli-ahli, Menteri-menteri dari MCA dan GERAKAN dan Ahli-ahli Parlimennya tidaklah sebodoh seperti mana yang dianggap oleh wakil dari Kota Melaka untuk mempengaruhi mereka kerana mereka sedar sejak wujudnya Perikatan daripada tahun 50an sehingga kini dikenal Barisan Nasional dengan kerjasama yang baik bahawa mereka yang terdiri daripada kaum yang besar di negara ini, orang Melayu, China dan India telah dapat mengekalkan rekod kesejahteraan rakyat di negara kita.

Dengan tidak niat takbur, kita telah menempa satu sejarah kemenangan berterusan setiap kali pilihanraya diadakan di negara ini. Ini adalah satu rekod kemajuan di dalam dunia Demokrasi Berparlimen. Sekali lagi saya katakan bukanlah sebagai menandakan rasa takbur dan riak tetapi adalah realiti politik di mana wujudnya kerjasama yang baik di kalangan rakyat berbilang bangsa di negara ini. Walaupun di dalam Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan merasa adil untuk membela kepentingan orang-orang Melayu sama ada di lapangan sosial, ekonomi dan sebagainya, kita tidak pernah berniat untuk merampas hak-hak orang lain.

Sebagai contoh, kalau Kerajaan hendak memberi lesen-lesen membalak, lesen-lesen perniagaan dan sebagainya, Kerajaan tidak pernah merampas hak-hak yang dipunyai oleh orang-orang lain. Inilah satu contoh tentang tolak-ansur yang ada kepada UMNO, satu sikap yang sederhana, sikap yang tidak tamak maka dengan sikap-sikap yang seperti inilah yang membolehkan kita terus menguasai negara kita.

Oleh sebab itu tidaklah masyarakat lain-lain atau bangsa-bangsa lain di negeri ini merasa takut bahawa UMNO akan menekan dan menindas mereka. Ini adalah terbukti sejak berpuluh-puluh tahun mereka menjadi rakan di dalam perjuangan politik bahawa kesetabilan kaum-kaum ini akan terus dan tetap kekal. Kita tidak pernah mengamalkan penekanan kepada kaum-kaum yang lain di dalam semua bidang. Oleh sebab itu amatlah tidak benar bahawa dengan adanya pindaan persempadanan pilihanraya ini adalah satu langkah UMNO untuk menekan orang-orang lain, saya menafikan dengan sekeras-kerasnya. Maka dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Seremban.

6.32 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sebagai membantah persempadanan semula kawasan-kawasan pilihanraya Parlimen dan Dewan Negeri di atas sebab bahawa persempadanan semula itu telah melanggar Perlembagaan Persekutuan yang telah mengakui kesaksamaan rakyat tanpa mengira bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Demokrasi Berparlimen, prinsip-prinsip yang digunakan bagi memiliki satu Kerajaan ialah satu orang satu

undi, yang bermakna nilai undi seorang rakyat sama. Tetapi apa yang kita lihat semakan semula yang dicadangkan itu ialah bahawa pengundi luar bandar biasanya penyokong kuat UMNO, parti besar dalam Barisan Nasional boleh ada pengaruh yang lebih dari pengundi dari bandar. Kebanyakan kerusi yang ditambah adalah di kawasan-kawasan luar bandar. Bilangan pemilih yang kecil dari luar bandar boleh memilih seorang Ahli Parlimen. Manakala kawasan bandar jumlah pemilih dua kali atau tiga kali ganda untuk satu kawasan Parlimen.

Penjelasan yang diberi ialah bahawa kawasan luar bandar adalah sangat luas. Oleh itu, tidak praktikal untuk mengimbangkan kawasan Parlimen bandar dengan luar bandar.

Sungguhpun alasannya benar tetapi ianya disalahgunakan sehingga ianya telah jadi satu bahan, dengan izin, "mockery" dengan alasan ini kuasa politik UMNO diperkuat dan diperluaskan. Ini jelas dilihat di semua penyemakan semula kawasan pilihanraya yang lalu dan juga sekarang tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu "Parliamentary Democracy System", kita mesti ada, dengan izin, "checks and balances" ini sangat mustahak. kalau satu badan ada kuasa yang sangat besar, "checks and balances" ini dihilang dan kita tidak ada "Parliamentary Democracy".

Tuan Yang di-Pertua, meminda kawasan-kawasan pilihanraya dengan sewenang-wenangnya memastikan supaya parti pemerintah muh mengekalkan kuasa selama-lamanya. Ini bukan sahaja terhad kepada Barisan Nasional sahaja, lain-lain parti pun berbuat demikian di lain negara tetapi bukan semacam Parti Barisan Nasional dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, di muka surat 35 dalam Laporan, kita nampak komposisi Suruhanjaya Pilihanraya ini tidak mencerminkan berbilang kaum di Malaysia. Saya harap di masa akan datang apa-apa Suruhanjaya mestilah mencerminkan komposisi kaum dalam negara kita. Oleh sebab kita sebuah negara berbilang kaum iaitu "society".

Tuan Yang di-Pertua, di bawah sistem sekarang yang diamalkan, dengan izin, "first past the post system" seorang calon yang dapat memperolehi undi terbanyak diumumkan menang dalam pilihanraya, mungkin calon yang kalah telah mengalami kekalahan dengan undi yang sedikit sahaja.

Sistem yang diamalkan sekarang tidak berapa baik bagi memberikan satu peluang kepada pengundi untuk menyuarakan perjuangan serta aspirasi mereka. Dalam pilihanraya 1982, DAP telah memperolehi 20% undi di seluruh negara kita. Tetapi kerusi yang dimenangi dalam Parlimen hanya 9 kerusi sahaja iaitu sistem yang diamalkan sekarang, tetapi dalam sistem yang boleh diberi wakil mengikut peratus undi yang diperolehi maka DAP harus ada sekurang-kurangnya 30 kerusi dari 154 dengan 20% undi.

Oleh yang demikian, DAP menyeru ada suatu Suruhanjaya Di-Raja ditubuhkan untuk mengkaji dan seluruh kawasan Parlimen dengan Negeri supaya mewujudkan satu sistem di mana rakyat akan boleh mendapatkan perwakilan yang seimbang dapat menyuarakan harapan dan aspirasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri saya, Negeri Sembilan, saya mahu sebut dua, tiga perkara adalah bahawa bagi Negeri Sembilan cadangan bagi persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri adalah tidak seimbang berbanding di

antaranya. Dari jumlah pemilih-pemilih yang dicadangkan pada setiap kawasan Parlimen, Negeri Sembilan perbezaan di antara satu kawasan bandar dengan satu kawasan luar bandar adalah sangat jauh.

Kawasan Parlimen Jelebu yang dicadangkan itu terkandung jumlah pemilih yang rendah sekali dan manakala kawasan Parlimen Seremban adalah jumlah pemilih sebanyak 56,000 lebih pemilih-pemilih. Ini jelas menunjukkan bahawa cadangan itu telah memberi lebih berat kepada kawasan luar bandar yang mana satu undi luar bandar bersamaan dengan dua undi di bandar.

Ini telah menjelaskan perinsip satu orang satu undi. Ini bermakna di bandar dua orang satu undi manakala di luar bandar satu orang, satu undi sahaja. Sama juga di kawasan Parlimen Jempul yang jumlah pemilih 29,789 pemilih, Kuala Pilah 31,034 pemilih. Ini jauh perbezaan jumlah pemilih yang di bandar dengan kawasan luar bandar.

Keadaan yang serupa yang seumpama ini di kawasan Negeri. Kawasan Negeri yang dicadangkan Sungai Lui hanya mengandungi jumlah pemilih sebanyak 5,118 tetapi kawasan Negeri di bandar Rahang adalah mengandungi jumlah pemilih 19,306. Ini lebih jauh berbeza dari segi jumlah pemilih. Bermakna di Bahagian Negeri satu undi pemilih di luar bandar lebih empat kali penting dari undi pemilih di bandar.

Seumpamanya juga dengan lain-lain kawasan Negeri semacam Mambau yang mengandungi jumlah pemilih 19,300 manakala Batu Kikir 6,544 pemilih sahaja. Pada tahun 1969 dalam pilihanraya umum seumpamanya pihak Pembangkang telah memenangi tiga kerugi Parlimen di Negeri Sembilan iaitu Seremban Barat, Seremban Timur dan Port

Dickson. Pada tahun 1974 apabila kerana dibuat satu penyemakan sempadan, pihak Pembangkang hanya memenangi satu kawasan Parlimen sahaja. Ini adalah disebabkan kawasan Parlimen dipinda sewenang-wenangnya dengan tujuan mempastikan parti pemerintah terus bolehkekalkan kuasanya. Dengan sengajanya kubu-kubu Pembangkang seperti Seremban dimasukan kawasan kubu UMNO di dalamnya seperti kawasan Terentang dengan tujuan menjelaskan pihak Pembangkang.

Kawasan Telok Kemang dijadikan kubu UMNO dengan memasukkan kawasan Chembong dan dipindahkan kawasan Jimah darinya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kawasan Rasah juga dengan sengajanya di bawah kawasan kubu UMNO di dalamnya seperti Labu dan Rantau dengan tujuan menjadikan kawasan itu kubu UMNO dan hapuskan pihak Pembangkang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ulu Muda.

#### 6.42 ptg.

**Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyatakan sokongan kuat saya terhadap perakuan-perakuan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam ulangkaji dan perempadan semula kawasan-kawasan pilihanraya yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi.

Saya memang telah menjangkakan awal-awal lagi bahawa pihak DAP memang akan bercakap seperti burung Kakak Tua. Saya lihat dua tiga orang lagi Wakil DAP akan berucap, mestinya di atas soalan yang sama iaitu satu orang satu undi. Kalaulah begini fikirannya, saya hendak mempelawa, tidak pun kalau hendak mencabar

pergilah di kawasan saya Ulu Muda, cuba bertanding. Kalau hendak tengok satu orang satu undi atau satu undi luar bandar kepada 3 undi dalam bandar. Silalah datang ke kawasan saya Ulu Muda atau lain-lain kawasan. Carilah, pilihlah kawasan-kawasan yang sesuai kepada DAP kalau tidak mahu bertanding di dalam pekan-pekan ataupun di dalam bandar-bandar. Kerajaan mempunyai pandangan-pandangan yang istimewa di dalam soal untuk membentuk dan mengkaji perempadan kawasan pilihanraya ini.

Sudah pastilah separtimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi masalah perhubungan misalnya, masalah daftar pemilih, masalah bilangan penduduk, masalah kemudahan-kemudahan infrastruktur yang ada perluah diberi pertimbangan yang sesuai.

Saya hendak menyebutkan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang menyebutkan soal yang saya rasa seperti biasa separtimana membahaskan semasa pembentangan mula-mula dahulu, satu perkara itu disebutkan berulang-ulang kali di dalam Dewan yang mulia ini. Disebabkan oleh Suruhanjaya bebaslah maka ia tidak menerima teguran-teguran oleh DAP. Saya rasa kalau DAP membaca atau menyemak Laporan itu dengan teliti, bukan sahaja DAP yang tidak diterima, malahan bagi negeri Kedah misalnya, berapa banyak teguran-teguran yang tidak diterima termasuklah teguran-teguran bagi Kerajaan Negeri sendiri. Itupun rasa tidak puas hati makin bertambah timbul di kalangan ahli-ahli DAP ini.

Sambil mencabar MCA dan Parti GERAKAN, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mencabar untuk menunjukkan pandangan. Apabila mencabar MCA dan GERAKAN, ini

menunjukkan sikap perkauman. Mengapa tidak cabar UMNO sama untuk menyokong DAP? Inilah yang dikatakan apa yang dicakap tidak serupa dengan perkara yang dibuat. (*Tepuk*).

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha kita untuk menetapkan kawasan-kawasan ini, kawasan saya 60 batu perjalanan daripada satu ke satu hujung 60 batu perjalanan. Dia tidak sebutkan, dia menyebutkan soal Tenggaroh. Tenggaroh mempunyai kawasan Orang Asli yang 6 jam perjalanan dengan Land Rover, tidak disebutkan pulau-pulau yang terpaksa naik bot 6 jam, sewa bot \$600. Kalau duduk dalam Kuala Lumpur, dalam Kota Melaka, Pulau Pinang, Jelutong, jalan kaki boleh sampai semua tempat itu. Fikirlah dengan fikiran yang rasional mengenai kepentingan-kepentingan bagi seluruh penduduk. Ini tidak, hanya berkepentingan untuk melihat kumpulan masing-masing sahaja, untuk kepentingan politik masing-masing sahaja. Sebab itulah dia tidak berani menerima cabaran, kalau boleh datanglah, saya hendak tengok berapa orang yang boleh menang di kawasan luar bandar kalau sekiranya DAP bertanding.

Jadi di dalam dunia ini tidaklah ada orang dicari satu negara yang boleh meletakkan nisbah satu orang satu undi bagi satu kawasan pilihanraya. Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin perkara ini tidak boleh berlaku kerana ianya sudah mestilah bergantung kepada faktor-faktor lain yang mana disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, soal sungai, jalan, jalan keretapi yang menyebabkan persempadanan itu lebih sempurna, lebih baik supaya ianya terletak di dalam satu kawasan pentadbiran yang sama bagi memudahkan pentadbiran sama ada politik ataupun pentadbiran Kerajaan sendiri.

Inilah rasa perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan, yang perlu diberi perhatian yang lebih, bukan untuk mencabar kewibawaan Suruhanjaya misalnya. Suruhanjaya telah pun menjalankan tugasnya dengan baik. Saya hairan Ahli Yang Berhormat dari Seremban mengusulkan supaya Suruhanjaya Di-Raja ditubuhkan. Jadi tiap-tiap kali masalah hendakkan Suruhanjaya Di-Raja, jadi pihak Kerajaan tidak ada kerja lainlah hendak tubuhkan Suruhanjaya Di-Raja bagi mengkaji untuk kepentingan DAP semata-mata. Inilah satu perkara yang saya rasa bukanlah menjadi kewajipan bagi semua Ahli-ahli Dewan ini yang bertujuan atau hanya melihat beberapa aspek yang kecil dan negatif tidak daripada segi yang lebih mendatangkan keuntungan kepada rakyat-rakyat keseluruhannya. Inilah perkara yang perlu dipertimbangkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang merangkumi parti-parti yang ada sekarang ini telah pun menunjukkan prestasi yang baik sepertimana kata Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas tadi memang satu kenyataan. Kalau sekiranya perkara ini tidak berlaku, sudah pastilah boleh jadilah 30 kursi seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu dapat. Jadi menunjukkan bahawa perpaduan di kalangan MCA, MIC, GERAKAN, UMNO dan lain-lain parti yang ada ini menunjukkan, memberikan, membawa hasil yang baik dan sempurna.

Saya berharaplah ahli-ahli DAP yang lain yang hendak bercakap itu ubah sedikit tajuk kepada tajuk yang lain, tak usah jadi burung Kakak Tua. Hendak mendengar ataupun hendak bercakap soal yang telah pun ditapis oleh Ketua Pembangkang, oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka untuk menyebutkan soal yang sama itu. Dia tidak sedar bahawa dalam pilihanraya yang lalu di Ulu Kelantan hendak bawa peti undi keluar

memakan masa satu hari, terpaksa dihantar helikopter. Dia tak tahu, yang dia tahu Kuala Lumpur, Kota Melaka, Jelutong. Cubalah tampil, saya hendak panggil Ahli-ahli DAP yang ada, saya hendak beri masa satu minggu pergi duduk kawasan saya, melawat kampung-kampung, makan free, tempat duduk saya beri free, satu minggu boleh melawat beberapa kampung, beberapa cawangan yang boleh. Saya hendak mencabar DAP kalau boleh, silalah datang kawasan saya, makan free, makan tanggung. Kalau dia takut pacat dia jangan perlilah. (*Ketawa*).

Dalam kawasan saya Ulu Muda ada 142 cawangan yang saya hendak beri tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pacat banyak mana?

**Tuan Othman bin Abdul:** Pacat tak terkiralah, Tuan Yang di-Pertua, begitu banyak.

Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tak pernah tengok pacat, dia tak pernah sampai, tengok pacat dia sudah lari. Jadi soal khidmat wakil rakyat di kawasan-kawasan pendalamannya kadang-kadang terpaksa menjadi pemandu, tengah malam isteri pengundi hendak melahirkan anak terpaksa kita hantar ke hospital. Jadi di dalam kawasan-kawasan bandar perkara ini tak berlaku, malahan semua badan-badan Kerajaan yang duduk di dalam bandar ini memberi khidmat sentiasa, selalu kepada pengundi-pengundi, yang walaupun tidak mengundi tidak DAP dan juga kepada pengundi-pengundi DAP.

Jadi saya rasa di dalam soal untuk meletakkan satu orang satu undi, itu bukanlah satu perkara asas yang perlu diperbincangkan. Jadi saya tidak hendak untuk bercakap dalam soal ini, kata banyak-banyak kepada DAP itu pun bukanlah seronok sangat kerana saya tahu setengah-setengah itu

macamlah kata Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi dia bukan cerdik sangat. Jadi apabila tak cerdik itu, kita bergaduh dengan orang yang tak cerdik, kita pun menjadi bodoh macam itu juga, tidak ada orang hendak tengok.

Jadi saya hendak meminta kepada Dewan ini, kepada semua Ahli-ahli Dewan termasuklah DAP supaya memberikan sokongan kepada pindaan-pindaan yang telah dibuat, perakuan-perakuan yang telah dibuat, saya rasa cukup elok, cukup murni kalau kita lihat persempadanan yang telah dibuat. Misalnya bagi kawasan saya daripada Ulu Muda yang dahulunya merangkumi dua bahagian Pendang dan Sik, sekarang ini sudah menjadikan Pendang satu daerah, mudah sedikit bagi kita hendak berjalan, bagi kita hendak memberi khidmat yang lebih baik kepada rakyat.

Jadi, kalaularah di dalam Kuala Lumpur, Kota Melaka misalnya beri juga 30,000 bagi satu pengundi, nampaknya berjalan kakilah, Wakil Rakyat makan gaji butalah, tidak ada perkhidmatan hendak diberikan dengan secukupnya dan dengan baik. Cuma kegiatan DAP selama ini bukanlah berminat sangat untuk membantu rakyat, hanya untuk kepentingannya bagi melihat keburukan-keburukan yang dilakukan oleh Kerajaan. Ia sebenarnya tidak timbul masalah "checks and balances", dengan izin, sepertimana Yang Berhormat dari Seremban, bukan checks and balances. Saya tidak tahu lah hendak mengistilahkan apa bentuk perkara-perkara ini semua. Jadi, segala bantahan-bantahan telah dipertimbangkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya. Segalanya dipertimbangkan, ditolak, ada yang diterima. Jadi, bila diterima kita senang hati, bila tidak diterima, dia tidak senang hati. Kalau hendak senang hati, masuk Barisanlah, masuk

Barisan Nasional, joint MCAkah GERAKANKah, jadi senang hatilah, tidak payah lagi untuk bertelagah di dalam Dewan ini.

Saya rasa MCA dan GERAKAN bersetuju kalau hendak menerima 9 atau 10 orang ahli-ahli DAP ini untuk masuk di dalam parti-parti mereka. Jadi, di dalam usaha ini, saya amat bersetujulah dengan pandangan atau perakuan yang telah dibuat untuk mengecilkan satu-satu kawasan pilihanraya bagi membolehkan penduduk kawasannya di antara 30,000 dengan 32,000 pengundi bagi suatu kawasan, sedangkan purata bagi tiap-tiap kawasan pilihanraya cuma 60,000. Purata kalau mengikut perakuan yang telah ditunjukkan dan bagi negeri-negeri Pantai Barat misalnya, hanya 37,000 di antara—(*Tuan Lim Kit Siang keluar Dewan*)—ke 46,000 tidak termasuklah Wilayah Persekutuan. Dia cuba hendak lari, takut dengar kita bercakap lagi. Dia sudah lari. Dia tidak tahan telinga dengar banyak-banyak.

Jadi, saya amat bersetuju dengan persempadanan yang telah dibuat dan beri ucapan terima kasih di atas semua kerja-kerja yang telah dilakukan oleh seluruh Ahli Jawatankuasa Suruhanjaya Di-Raja dan juga semua kakitangan-kakitangan yang telah pun menjalankan tugas mereka ini supaya tidak memberikan satu gambaran yang tidak baik seperti mana ditunjukkan oleh DAP itu. Maka sekali lagilah menyatakan sokongan kuat saya terhadap ulangkaji dan persempadanan semula yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jasin.

6.55 ptg.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin):** Tuan Yang di-Pertua, pemerintahan secara demokrasi

mestilah dikekalkan jika Malaysia ingin terus menerus hendak menjadi sebuah negara aman, sejahtera dan makmur. Demokrasi tidak bererti hanya semata-mata dengan mengadakan Pilihanraya sahaja kerana kadangkala Pilihanraya itu sendiri boleh menimbulkan huru-hara jika Pilihanraya itu dijadikan gelanggang untuk kepentingan satu-satu golongan sahaja.

Kita tidak mahu lagi melihat demokrasi berkubur di Malaysia seperti yang telah berlaku dalam tahun 1969, di mana demokrasi telah mati disebabkan angkara parti Pembangkang yang telah menyalakan semangat perkauman yang hebat.

Demokrasi akan kekal di Malaysia jika Pilihanraya digunakan untuk kepentingan semua lapisan rakyat yang terdiri daripada berbilang bangsa. Jika rakyat dari berbagai keturunan berpecah-belah, bersengketa, bertentangan di antara satu dengan yang lain semata-mata kerana mereka berlainan keturunan bukan sahaja demokrasi akan mati, bahkan negara pun akan hancur.

Barisan Nasional telah berjaya menyatu-padukan rakyat negeri ini walaupun penyatuan yang penuh belum tercapai. Dengan adanya kerjasama semua bangsa di bawah pimpinan Parti Perikatan dahulu, kemerdekaan telah tercapai dengan selamat. Dengan kerjasama semua bangsa itu juga, negara kita aman, rakyat selamat sejahtera dan negara bertambah maju dalam tempoh 27 tahun yang lalu.

Apabila Parti Perikatan, UMNO, MCA dan MIC ditubuhkan dalam tahun 1951, banyaklah orang meramalkan pada ketika itu bahawa Perikatan itu tidak panjang umurnya dan akan pecah pula bila-bila masa sahaja. Ramalan itu nyatalah meleset sama sekali kerana Parti Perikatan bukan sahaja tidak berpecah seperti

yang diramalkan oleh mereka, tetapi sebaliknya bertambah kukuh dengan melahirkan Barisan Nasional yang mengandungi 11 buah parti-parti politik yang bergabung di dalamnya. Kejayaan melahirkan Barisan Nasional yang mengandungi semua keturunan bangsa di Malaysia merupakan satu kejayaan besar dan yang tidak ada taranya dalam mana-mana negeri lain dalam dunia ini.

Kepada saya, selagi tidak ada pertumpahan darah dalam sesebuah negara adalah menunjukkan perpaduan wujud dalam negeri itu seperti negara kita di Malaysia sekarang ini. Perbezaan pendapat dalam semua perkara di kalangan rakyat sesuatu masyarakat adalah merupakan satu perkara biasa, terutama sekali dalam pemerintahan demokrasi kerana rakyat bebas mengeluarkan fikiran masing-masing. Kebijaksanaan pemimpin Barisan Nasional mencari penyelesaian dalam semua isu adalah satu kejayaan yang paling besar dan yang patut mendapat sokongan terus-menerus daripada rakyat.

Saya menyokong pertambahan Ahli Parlimen seperti yang telah diluluskan dalam tahun 1983 dan perubahan kawasan Pilihanraya ini kerana rakyat Malaysia telah bertambah ramai dan rakyat telah banyak berhijrah dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain, seperti penghijrahan mereka ke ladang-ladang FELDA.

Tambahan kerusi di Dewan Rakyat dan di Dewan Negeri adalah dibuat mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh Perlembagaan, iaitu dengan mengambil kira jumlah penduduk dan juga keluasan kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, Wakil-wakil daripada DAP yang telah bangkit berucap membangkit soal prinsip satu orang mesti mempunyai satu undi. Suruhanjaya Pilihanraya tidak lari daripada prinsip tersebut kerana semua rakyat Malaysia yang berumur

21 tahun ke atas, siapa-siapa juga yang telah mendaftarkan diri untuk menjadi pengundi, tidak seorang pun hilang hak pengundinya mengikut sistem yang ada sekarang ini. Keadaan ini diputarbelitkan oleh mereka dengan membabitkan soal jumlah pengundi bagi satu-satu kawasan dan keluasan Pilihanraya yang berbeza di antara satu dengan yang lain.

Soal banyak atau sedikit pengundi dalam satu kawasan tidak ada kena mengena dengan prinsip satu orang satu undi. Kerana seperti yang saya sebutkan tadi, sesiapa juga rakyat yang berumur 21 tahun ke atas yang mendaftar nama, berhak mengundi dalam tanahair kita ini.

Keadaan penduduk-penduduk di Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah sama dengan negara-negara lain seperti di Australia, Jepun atau United Kingdom kerana di negara-negara tersebut sebahagian besar penduduknya tinggal di kawasan-kawasan bandar. Kita lihat Australia yang mempunyai penduduk sama dengan penduduk Malaysia kira-kira 14 juta orang. Boleh dikatakan hampir semuanya sekali duduk di dalam lima buah bandar besar sahaja. Begitu juga dalam negeri-negeri yang lain. Tetapi di Malaysai kita hanya kira-kira 10% sahaja rakyat yang tinggal di dalam bandar dan bakinya duduk di luar bandar, berselerak di merata tempat di seluruh pelusuk tanahair. Oleh kerana taraf penghidupan rakyat yang masih rendah di luar bandar sekarang ini menyebabkan tanggungjawab Wakil Rakyat di luar bandar lebih berat seperti yang diterangkan oleh rakan-rakan saya sebentar tadi jika dibandingkan dengan tanggungjawab Wakil Rakyat dalam bandar. Oleh sebab itu adalah wajar pemecahan kawasan baru dilaksanakan seperti yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini.

Tuduhan DAP yang mengatakan bahawa pemecahan kawasan yang

baru sebagai menguntungkan UMNO adalah tuduhan yang tidak benar dan nyatahal tuduhan itu merupakan satu muslihat hendak memecah-belahkan rakyat dalam negeri ini. Walaupun penduduk di luar bandar ramai terdiri daripada orang Melayu tetapi bukan semuanya penduduk luar bandar itu terdiri daripada bangsa Melayu, sebahagian besar bangsa Cina dan India pun adalah juga menjadi penduduk di luar bandar. Mereka ini juga turut mendapat perhatian dan pertolongan daripada Wakil Rakyat di kawasan-kawasan seperti itu. Tuan Yang di-Pertua, ada lebih kurang 4 juta penduduk Cina dalam negara kita. Kira-kira hanya satu setengah juta orang sahaja yang duduk di dalam bandar dan baki dua setengah juta lagi adalah duduk di luar bandar dan mereka itu mendapat pertolongan daripada Wakil-wakil Rakyat yang terdiri daripada Barisan Nasional ataupun khasnya daripada parti UMNO.

UMNO tidak tamak hendak membolot semua kerusi-kerusi di mana kedapatan majoriti pengundi terdiri daripada bangsa Melayu. Sebahagian daripada kawasan yang majoritinya bangsa Melayu adalah ditandingi oleh calon-calon bukan Melayu daripada keluarga Barisan Nasional dan mereka itu telah mendapat kemenangan dengan sokongan daripada pengundi-pengundi bangsa Melayu.

Contoh yang paling klasik ialah mengenai calon-calon daripada MIC. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu pun kawasan Pilihanraya dalam negeri ini, baik Parlimen ataupun Dewan Negeri yang mempunyai majoriti pengundi dari bangsa India. Walaupun begitu, calon-calon Barisan Nasional dari MIC telah mendapat kemenangan dan di setengah tempat mendapat kemenangan yang besar dalam semua kawasan yang ditandinginya (*Tepuk*) yang mana menunjukkan mereka itu

mendapat sokongan daripada orang Melayu dan orang-orang Cina, satu kejayaan luar biasa dalam usaha hendak menyatu-padukan rakyat berbilang bangsa di Malaysia sekarang ini. Sebaliknya ada pula ada kawasan-kawasan yang orang Cina mempunyai undi yang lebih daripada bangsa Melayu tetapi mereka menyokong calon-calon Barisan Nasional daripada bangsa Melayu. Tuan Yang di-Pertua, nyatahal konsep yang diamalkan oleh Barisan Nasional ini jelas menunjukkan parti ini sedang menuju matlamat untuk melahirkan satu bangsa yang bersatu-padu. (*Tepuk*). Sebab itulah saya berani menyatakan bahawa Barisan Nasional sahajalah parti yang boleh berjaya menyatu-padukan rakyat dari berbilang bangsa di negeri ini. (*Tepok*).

Dengan adanya pertambahan jumlah Wakil Rakyat maka rakyat akan mendapat lebih banyak pertolongan dan perhatian daripada Wakil-wakil mereka dan ini juga akan mempercepatkan kemajuan politik, ekonomi dan sosial rakyat.

Sikap DAP seperti yang disuarakan oleh setiausaha Agungnya yang menyeru supaya semua Ahli-ahli Dewan Rakyat dalam Barisan Nasional dari keturunan Cina dan India termasuk Menteri-menteri supaya bersatu menentang usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pemecahan kawasan Pilihanraya baru yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini, sebagai satu tindakan yang berterang-terangan merupakan satu hasutan untuk melagakan bangsa Melayu dengan yang bukan Melayu di negara ini (*Tepok*). Ini adalah satu pengkhianatan yang sangat-sangat besar bahayanya yang boleh menghancurkan negara kita. Dengan pendirian tersebut . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** On a point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta ruling mengenai perkataan "pengkhianatan" sama ada parliamentary atau unparliamentary.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa perkataan itu dalam konteks yang digunakan itu boleh digunakan keseluruhannya. (*Tepuk*).

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Dengan pendirian tersebut nyata sekali DAP sebenar-benarnya parti perkauman yang paling merbahaya (*Tepok*). Dakwaan mereka yang mengatakan partinya tidak perkauman adalah palsu semua sekali. Kita berasas baik ada golongan orang Cina dan orang India yang siuman fikirannya yang mahu menyelamatkan negara, bangsa dan rakyat negeri ini, mahu bekerjasama dengan bangsa Melayu. Kalau tidak, parti DAP pun tidak merasa duduk dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kita boleh dibahagikan kepada 3 jenis kawasan:

- (1) Kawasan yang ramai diduduki oleh bangsa Melayu, seperti Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.
- (2) Kawasan yang ramai diduduki oleh orang Cina seperti bandaraya Kuala Lumpur dan bandar-bandar yang lain.
- (3) Kawasan yang bercampur-aduk di antara semua bangsa.

Suruhanjaya Pilihanraya bahkan Kerajaan sendiri tidak mampu hendak mengubah struktur penduduk-penduduk yang ada sekarang di mana setiap kawasan Pilihanraya mestilah diduduki sama ramai di antara kaum-kaum yang ada di negeri ini, Suruhanjaya Pilihanraya tidak mampu berbuat seperti itu. Oleh sebab itu, bagaimanakah Suruhanjaya Pilihanraya boleh memecahkan

kawasan-kawasan sehingga dapat memuaskan hati setiap parti politik di mana pengundi Melayu sama ramai dengan pengundi Cina tidak dapat dilaksanakan.

Muka 18, Tuan Yang di-Pertua, Laporan Suruhanjaya Pilihanraya membentangkan jumlah hitung panjang ataupun purata di antara pengundi-pengundi dalam kawasan Parlimen. Saya suka membahagikan jumlah hitung panjang pengundi-pengundi itu kepada 2 bahagian. Pertama, jumlah pengundi yang kurang daripada 40,000 orang dan jumlah pengundi yang lebih daripada 40,000 orang.

Negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka dan Johor mempunyai jumlah pengundi hitung panjang lebih sedikit daripada 40,000 orang. Negeri-negeri ini mempunyai kawasan yang telah banyak terbuka iaitu yang telah maju dan mempunyai hubungan yang lebih senang maka wajarlah hitung panjang jumlah pengundi di kawasan itu lebih besar daripada negeri-negeri lain. Tetapi negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan jumlah pengundi adalah di bawah paras 40,000 orang. Negeri-negeri tersebut adalah terdiri daripada negeri-negeri yang berkehendakkan lebih kemajuan. Maka sebab itu wajarlah kawasan Parlimen di negeri-negeri tersebut mempunyai kurang bilangan pengundi iaitu di antara 30,000 hingga 40,000 orang atau ke bawah sedikit daripada paras 30,000 orang.

Jumlah hitung panjang pengundi di Wilayah Persekutuan ialah sebanyak 60,000 orang bagi satu kawasan. Mari kita perhatikan seluruh kawasan Wilayah Persekutuan yang luasnya cuma 90 batu persegi mendapat 7 orang wakil, berbanding dengan luas negeri Pahang yang hanya mendapat 10 orang wakil ataupun dibandingkan dengan luas negeri Terengganu yang

hanya mendapat 8 kawasan sahaja. Dan sekarang kita boleh bandingkan juga Wilayah Persekutuan dengan keluasan Negeri Sembilan di mana Negeri Sembilan juga yang jauh lebih luas daripada Wilayah Persekutuan dapat 7 kerusi sama banyak dengan kerusi yang diberikan kepada Wilayah Persekutuan. Untuk berlaku adil kepada semua rakyat di negeri ini dengan tidak mengira bangsa telah membawa Suruhanjaya Penggubal Perlembagaan (Reid Commission) membuat recommendation mengenai cara-cara mewujudkan kawasan Pilihanraya di Malaysia dan Suruhanjaya Pilihanraya tidak sedikit pun lari daripada prinsip tersebut di dalam Perlembagaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengamalkan pemerintahan demokrasi di mana setiap orang ataupun setiap parti politik boleh bertanding dalam semua kawasan Pilihanraya yang ada di Semenanjung Malaysia ini.

Partai DAP tidak sama sekali ditegah atau disekat daripada bertanding di mana-mana jua pun. DAP mendabik dada mengatakan partainya tidak perkauman tetapi apakah sebabnya parti ini takut bertanding di dalam semua kawasan termasuk kawasan luar bandar yang ramai bangsa Melayu! (*Tepuk*). Jika parti itu takut menerima kekalahan di kawasan luar bandar yang ramai pengundi Melayu, janganlah salahkan orang lain, janganlah salahkan Suruhanjaya Pilihanraya. Itu adalah kesalahan kamu sendiri, wahai DAP, kerana parti itu lebih terdiri daripada satu kaum sahaja iaitu kaum Cina.

Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional berani meletakkan calon-calon dalam semua kawasan dengan tidak mengira keturunan manakah yang mempunyai pengundi yang majoriti dalam kawasan itu. Dan kejayaan calon-calon Barisan Nasional

di dalam kawasan yang bercampur-aduk ataupun dalam kawasan yang ramai pengundi Melayu ataupun pengundi Cina adalah bukti yang paling terang sekali bahawa Barisan Nasionallah parti yang boleh mendakwa dirinya sebagai sebuah parti yang tidak perkauman di negeri ini dan bukannya DAP.

DAP seringkali menimbulkan isu BMF kerana ianya telah membawa kerugian besar kepada negara. Barisan Nasional juga mempunyai pendirian yang serupa itu tetapi jika dibandingkan dengan sikap DAP mengajak semua orang Cina dan India menentang pemecahan kawasan pilihanraya dengan melaga-lagakan suku-suku kaum adalah satu tindakan yang lebih besar bahayanya daripada isu BMF kerana pergeseran perkauman dengan menanamkan sikap benci-membenci antara satu dengan yang lain akan menghancurkan negara sama sekali. Kehilangan wang oleh sebab BMF bukanlah boleh menghancurkan negara, hanya merupakan satu kerugian tetapi kehancuran negara disebabkan pertumpahan darah di bawah hasutan DAP akan menghancurkan segala-galanya! (*Tepuk*).

Oleh kerana pemimpin-pemimpin DAP dengan sengaja hendak menimbulkan bahaya itu semata-mata kerana kepentingan diri sendiri, maka saya menyeru orang ramai di negara ini, terutama daripada keturunan Cina dan India supaya menyedari dan menginsafi dan memandang serius bahaya yang ditimbulkan oleh parti ini.

Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional mengamalkan konsep consensus di dalam mesyuarat-mesyuaratnya. Segala keputusan yang diambil adalah dengan persetujuan sebulat suara dan bukannya dengan kiraan majoriti. Ini menunjukkan tidak ada penindasan daripada sebuah

parti yang besar terhadap sebuah parti yang kecil dalam Barisan Nasional. UMNO sebagai parti yang terbesar di dalam Barisan Nasional tidak pernah cuba mengenepikan parti-parti lain yang bukan bangsa Melayu apabila membuat satu-satu keputusan.

Walaupun UMNO parti terbesar tetapi wakilnya dalam Barisan Nasional hanya 3 orang sahaja, sama banyak dengan wakil PPP walaupun PPP hanya bergerak boleh dikatakan di bandar Ipoh sahaja, dan sedikit-sedikit di tempat lain. Pendek kata besar atau kecil parti-parti yang bergabung dalam Barisan Nasional tidak menjadi perhitungan sebab semua parti-parti itu mempunyai satu azam yang sama ingin bekerja untuk kepentingan semua rakyat.

Di dalam Dewan Rakyat ini pun, Tuan Yang di-Pertua, boleh kita saksikan walaupun wakil-wakil rakyat bumiputera lebih ramai, tetapi kami tidak pernah bercita-cita hendak menindas orang lain. Segala keputusan yang dibuat dalam Dewan ini adalah dengan persetujuan semua parti-parti yang menganggotai Barisan Nasional. Oleh itu sikap DAP membidas sebab banyak kerusi didapati di luar bandar adalah satu perasaan takut yang tidak patut timbul sama sekali. Barisan Nasional mahu melahirkan perpaduan, mengamalkan keadilan, pembahagian rezeki yang adil dan tidak sekali-kali untuk tujuan menindas sesiapa pun.

Inilah tujuannya kita menubuhkan Barisan Nasional, bukannya soal berapa banyak kerusi Cina, berapa banyak kerusi Melayu yang diperhitungkan, tetapi yang menjadi perhitungan bagaimanakah sebuah negeri yang aman, adil, pembahagian rezeki yang adil dapat diwujudkan. Tetapi bagi pihak DAP bukan itu yang menjadi persoalan, untuk mendapatkan kerusi yang lebih untuk kepentingan diri yang menjadi perkara utama kepada mereka itu (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebutkan angka-angka sekali lagi. Kawasan Gua Musang (ini kawasan Tengku Razaleigh) mempunyai pengundi 20,000 orang; Ulu Terengganu 25,000 orang, Gerik 25,000 orang, Rompin 22,000 orang, Jelebu 24,000 orang; Mersing 24,000 orang dan Machang 25,000 orang. Memanglah jumlah pengundi di kawasan ini, Tuan Yang di-Pertua, separuh daripada jumlah hitung panjang pengundi dalam daerah Wilayah Persekutuan. Saya tidak perlu mengulang kembali apa yang disebutkan oleh rakan-rakan saya sebentar tadi di atas kesulitan yang dihadapi oleh wakil rakyat di kawasan-kawasan tersebut yang mempunyai keluasan yang sangat besar jika dibandingkan dengan kawasan Kuala Lumpur Bandar, Petaling Jaya, Kepong dan sebagainya.

Kita ambil satu contoh lagi iaitu negeri Kelantan. Negeri Kelantan jumlah pengundi mengikut senarai tahun 1982 iaitu 420,000 orang. Jika sekiranya jumlah pengundi di Kelantan dalam satu kawasan hendak disamakan dengan jumlah pengundi di Wilayah Persekutuan—420,000 pengundi dibahagi dengan 60,000, maka Kelantan hanya mendapat 7 orang wakil sahaja. Apakah adil Kelantan diberi 7 orang wakil sahaja, sedangkan kawasannya berapa puluh kali ganda lebih besar daripada kawasan Wilayah Persekutuan. Inilah kehendak DAP. Tetapi kita berasa bangga Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai pandangan yang jauh dan saya mengalu-alukan di atas kebijaksanaan Suruhanjaya Pilihanraya ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menamatkan ucapan saya, saya tidak tahu sama ada saya boleh membuat cadangan, jika tidak, saya akan duduk, di atas dua perkara mengenai pilihanraya juga.

Yang pertama sekali mengenai borang pencalonan. Borang pencalonan yang asal telah dipinda dan telah didapati lebih mudah untuk mengisi borang tersebut. Dalam pada itu pun, masih ada kedapatan kesilapan oleh calon-calon yang ingin bertanding. Ini telah berlaku dalam pilihanraya yang baru lalu disebabkan seorang calon tidak mengisi nama negeri di mana beliau bertanding seperti berlaku di negeri Kelantan, maka kertas pencalonan telah ditolak dan apabila dibawa ke mahkamah didapati keputusan Suruhanjaya Pilihanraya itu salah, maka menyusahkan rakyat untuk keluar mengundi sekali lagi dan banyak wang negara yang dibelanjakan.

Saya mencadangkan supaya borang itu dipinda sekali lagi dengan berbentuk senarai, dengan menggunakan angka dalam tiap-tiap satu soalan yang dikehendaki. Dengan demikian tidak ada satu soalan pun yang akan ketinggalan untuk dijawab dan saya percaya jika ini dilaksanakan, tidak ada lagi kertas pencalonan yang ditolak pada masa yang akan datang.

Yang kedua, saya suka mencadangkan mengenai pengiraan undi. Pada masa sekarang ini atau masa yang telah lalu, peti-peti undi daripada Polling Station dikumpulkan di satu tempat di dalam tiap-tiap satu Kawasan Parlimen untuk dikira. Ada bahayanya pada masa yang akan datang, bahaya akan timbul kerana mungkin berlaku penyelewengan seperti peti undi hilang di tengah jalan atau kertas undi ditukar. Selain daripada itu kiraan undi biasanya mengambil masa yang sangat panjang kadang-kadang berlanjutan hingga sebelah pagi hari berikutnya. Satu lagi bahaya yang akan timbul, mungkin berlaku percaduhan di antara penyokong-penyokong parti-parti yang bertanding apabila keputusan undi diumumkan pada satu tempat yang besar.

Saya mencadangkan supaya peti undi dibuka dan dikira di tempat membuang undi (polling station) itu sendiri. Peraturan-peraturan mengira undi di polling station seperti mengadakan Counting Agent dan juga menentukan keselamatan hendaklah dibuat seperti biasa juga. Dengan hal yang demikian, penyelewengan yang difikirkan akan berlaku dapat dielakkan. Peraturan yang saya cadangkan ini sama sekali tidak menjaskankan prinsip demokrasi kerana bukan sahaja rakyat terus beroleh kebebasan untuk mengundi tetapi undi mereka itu tetaplah sulit seperti biasa yang mana tidak boleh diketahui oleh sesiapa pun. Jika peraturan ini dilaksanakan, pengiraan undi boleh dibuat dengan lebih cepat dan lebih sempurna.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong.

#### 7.23 *mlm.*

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Jasin mempunyai semangat anti DAP dengan begitu hebat sehingga menimbulkan kekeliruan dalam fikirannya.

Sebagai Ahli Yang Berhormat yang boleh dikatakan salah satu Ahli Yang Berhormat yang paling berpengalaman di dalam Dewan yang mulia ini, saya tiap-tiap kali berpendapat kita akan mendapat nasihat yang wajar, akan tetapi saya akan menunjukkan di manakah setengah-setengah hujahnya yang tidak wajar.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, dari Padang Rengas dan dari Ulu Muda nampaknya di sekeliling mereka terdapat banyak pacat sehingga dipacatkan dan timbulnya kecacatan lidah dengan suara yang cacat yang berkemundung di Dewan yang mulia ini. Di dalam hujah-hujahnya saya tidak nampak asas yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, ulangkaji dan persempadan semula hendaklah berdasarkan kepada prinsip bilangan pemilih, prinsip bilangan penduduk dan lain-lain faktor seperti sosio-ekonomi, keluasan kawasan, kajian sebaran penduduk, keadaan muka bumi, pentadbiran, pembangunan, infrastruktur dan sebagainya. Semua ini terpaksa dipertimbangkan dengan sewajarnya. Akan tetapi sekiranya wujud perbezaan yang terlalu nyata, maka segala seruan dan kenyataan untuk mencapai perpaduan nasional hanyalah omong-omong kosong sahaja.

Yang Berhormat dari Jasin sendiri pun diberitakan menjadi orang tengah untuk menyelesaikan masalah MCnya, dan tiada perpaduan di dalam Barisan Nasional, bagaimana hendak kita capai perpaduan di dalam negara. (*Hear! Hear!*)

Pada 3hb Disember tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan bahawa sekiranya UMNO menghilangkan sokongan orang-orang Cina, orang-orang India dan lain-lain kaum bukan Melayu, maka Kerajaan mungkin tidak dapat memerintah . . . .

**Tuan Othman bin Abdul:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ulu Muda bangun atas apa?

**Tuan Othman bin Abdul:** Berkaitan dengan perpaduan UMNO, perpaduan di dalam Barisan Nasional pada semuanya, 36 (1), Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** 36 (1), cuba baca.

**Tuan Othman bin Abdul:** "Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja". Ini kita hendak membincangkan persempadanan kawasan pilihanraya.

Apa masuk hal UMNO dan semuanya ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, inilah double standard yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Muda. Baik kita diam dengar dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan bahawa sekiranya UMNO menghilangkan sokongan orang-orang Cina, orang-orang India dan lain-lain kaum bukan Melayu, maka Kerajaan mungkin tidak dapat memerintah. Beliau juga memberi jaminan bahawa Kerajaan tidak akan mengislamisasikan negara ini dan Islam tidak membezakan kaum. Ini bermakna bahawa Yang Amat Berhormat telah mengakui bahawa tiada sesuatu kaum dengan sendirinya boleh memerintah negara ini. Akan tetapi persempadanan semula yang terkandung di dalam Laporan Suruhanjaya Pilihanraya ini tidak membayangkan hakikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ketidak adilan persempadanan semula ini telah menimbulkan ketidak kepuasan di kalangan penduduk bandar. Di sinilah saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat dari Jasin, maka pelbagai parti politik dan pertubuhan orang ramai di dalam bandar telah mengemukakan pandangan dan memorandum untuk membantah dan hampir semua Wakil Rakyat dari kawasan bandar telah membuat bantahan di luar Dewan yang mulia ini, itu termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti GERAKAN, parti MCA, SUPP, BERJAYA dan sebagainya. Mereka telah membantah dengan suara yang bukan main lantang di luar Dewan yang mulia ini. Itulah hakikat, suara itu lebih lantang daripada suara pihak DAP membantah persempadanan semula yang dibentangkan hari ini.

Mungkin juga akan ada setengah-setengah Wakil Dewan yang mulia ini daripada Barisan Nasional akan membantah lagi, saya tidak tahu. Apa yang terpenting ialah apabila belah bahagian telah diperintahkan dan tiap-tiap ahli ditanya pihak mana yang hendak diundiannya, saya berharap mereka yang menyuarakan dengan lantang itu akan mempunyai prinsip dan keberanian dan maruah untuk mengatakan dengan secara terang-terang mereka mengundi bagi pihak tidak bersetuju. Itulah satu hakikat dan kenyataan dan saya harap Yang Berhormat dari Jasin boleh menimbang semula kenyataan beliau mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ketidak seimbangan persempadanan ini memang pihak Barisan Nasional, pihak UMNO memastikan kejayaan yang cemerlang. Akibatnya pihak pemerintah sering akan menang dengan banyak kerusi yang mempunyai bilangan penduduk yang kecil manakala Parti Pembangkang mendapat bilangan kerusi yang kecil dengan majoriti yang amat besar.

Ketidak adilan ini telah dibanggakan oleh orang-orang seperti Yang Berhormat dari Padang Rengas ataupun dari "Tasik Cenderoh", cenderung untuk membela ketidak adilan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia menyatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah melantik sebuah Jawatankuasa Persempadanan untuk mengkaji dan membuat perakuan-perakuan yang sewajarnya untuk dipertimbangkan oleh Suruhanjaya sebelum suatu Laporan Kajian Semula yang lengkap dapat disediakan dan dikemukakan kepada pihak Kerajaan.

Akan tetapi adalah lebih tepat bahawa UMNO yang mempunyai kuasa dan yang bertanggungjawab terhadap keputusan-keputusan yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada prinsip-prinsip persempadanan yang dinyatakan dalam Seksyen 2 Bahagian I, Jadual 13 Perlembagaan Persekutuan ialah bilangan pemilih dalam tiap-tiap satu bahagian pilihanraya dalam sesuatu negeri patutlah lebih kurang sama banyak.

Saya pernah membantah bahawa bilangan pemilih di kawasan-kawasan seperti di kawasan Kepong adalah terlalu ramai bagi kawasan yang begitu kecil berbanding dengan kawasan seperti Gua Musang yang merupakan bahagian Parlimen yang terkecil. Mungkin satu usaha Yang Berhormat Mulia untuk memperkecilkan kawasan itu.

Peruntukan bahawa bilangan pemilih patutlah lebih kurang sama banyaknya telah diketepikan dan adalah nyata bahawa faktor politik yang merupakan asas tindakan tersebut yang telah dilaksanakan dengan sengaja demi kepentingan parti pemerintah terutamanya UMNO. Kesannya tindakan yang kurang adil itu ialah kuasa undi kawasan-kawasan luar bandar yang saya mengakui mempunyai bilangan kaum seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Jasin telah menjadi lebih kuat daripada undi bandar. Hampir satu wakil daripada bandar berbanding dengan 3 wakil daripada luar bandar.

Di ketujuh-tujuh bahagian pilihanraya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur purata bilangan pemilih di setiap bahagian adalah setinggi 58,367 orang. Memandangkan bahawa prinsip jumlah pemilih yang kononnya digunakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sepatutnya diperuntukkan sekurang-kurangnya 12 kerusi. Begitu juga di seluruh negara, bilangan bahagian pilihanraya Parlimen patutlah ditambah sekurang-kurangnya kepada

186 bukan 177 seperti yang dicadangkan. Setiap keputusan yang dibuat adalah bertujuan menyebabkan lebih sukar bagi calon-calon pembangkang untuk memenangi kerusi Parlimen dan menambah kuasa pihak pemerintah yang tidak terkawal itu.

Walaupun Seksyen 4 (2) Jadual 13 Perlembagaan Persekutuan menekankan bahawa "Suruhanjaya hendaklah mempertimbangkan apa-apa jua rayuan yang dibuat dengan sempurna". Adalah didapati bahawa kesemua rayuan yang dikemukakan telah ditolak bagi kesemua kes rayuan yang tercatat dalam bahagian ringkasannya rayuan-rayuan yang memenuhi syarat siasatan tempatan mengenai pengesyoran-pengesyoran bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, tiada satu rayuan pun yang diterima. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan keputusan telah dibuat terlebih dahulu oleh pihak pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba: (Bangun).**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, point of order.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Peraturan Mesyuarat 36 (8) sekali lagi. Beliau menyatakan bahawa keputusan telah dibuat lebih awal yang menunjukkan Suruhanjaya Pilihanraya menjadi alat dan tidak ada lagi kebebasan. Ini pada perasaan saya menyentuh sifat Suruhanjaya Pilihanraya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak menegur perkataan-perkataan itu. Saya minta Ahli Yang Berhormat itu tarik balik perkataan "keputusan yang dibuat terlebih dahulu". Itu sangat serius. Saya minta Yang Berhormat itu tarik balik.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menyatakan ini menunjukkan bahawa kebanyakan keputusan telah dibuat terlebih dahulu . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak mahu benarkan soal macam itu kerana itu adalah bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 36 (8).

**Dr Tan Seng Giaw:** 36 (8) . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Seolah-olah Suruhanjaya itu telah membuat keputusan terlebih dahulu kemudian barulah mengadakan segala timbang cara ataupun mengambil fikiran-fikiran dan mengadakan temuramah dan sebagainya. Itu yang dikatakan "preconceived mind". Tidak boleh dibenarkan sama sekali.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang Ahli-ahli Suruhanjaya itu bekerja dengan tungkus lumus tetapi saya tidak menyentuh kerja mereka, cuma saya katakan "keputusan", bukan kerja mereka. Keputusan atau dasarnya itu dibuat oleh pihak pemerintah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan itu. Yang Berhormat dikehendaki tarik balik perkataan itu. Kalau tidak, saya tidak benarkan Yang Berhormat berucap.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kalau Tuan Yang di-Pertua mahu saya menarik balik tetapi saya bantah. Saya tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh bantah, tetapi Yang Berhormat kena ikut apa perintah saya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, keutamaan atau "weightage"

untuk kawasan-kawasan luar bandar telah dihasilkan akibat pindaan-pindaan yang bertujuan politik. Ini telah dilaksanakan dengan memperuntukkan lebih banyak perwakilan untuk kawasan-kawasan luar bandar daripada yang perlu dengan menggunakan prinsip "electorate parity" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan pindaan ke atas Perlembagaan telah menghasilkan segala sekatan ke atas ketidak seimbangan ini.

Hakikat bahawa pindaan-pindaan yang berikutnya mempunyai alasan politik adalah bukan tiada asasnya. Sebagaimana yang telah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini pada tahun yang lepas penentuan sempadan yang dijalankan dalam tahun 1973 telah menimbulkan banyak implikasi perwakilan kaum.

Di negeri Johor pada tahun 1967 misalnya komposisi kaum pengundi yang terdaftar adalah 51.54% Melayu, 43.65% Cina dan 4.81% India. Bagi pilihanraya tahun yang sama kawasan-kawasan dengan majoriti Melayu ialah 8 dari 16 kawasan dan ia diperuntukkan 19 daripada 32 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri.

Pada tahun 1974 komposisi kaum untuk pengundi-pengundi terdaftar tidak mempunyai banyak perbezaan dengan Melayu 54.58%, Cina 40.46% dan India 4.96%.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba: (Bangun).**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya hendak bertanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia, minta jalan!

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya ingin bertanya . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap Yang Berhormat, dia minta jalan, Yang Berhormat beri?

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Kita telah sering mendengar DAP kata Partinya tidak perkauman, tidak timbul soal Melayu, tidak timbul soal Cina, tidak timbul soal India, semuanya samarata. Apa sebab Yang Berhormat ini membangkit-bangkitkan soal sekian banyak Melayu, sekian banyak Cina, sekian banyak India? Tidakkah ini dalil terang menunjukkan Parti ini perkauman?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, contoh yang saya beri di sini untuk menunjukkan cara yang tidak betul kerana cara yang dibuatnya cara perkauman. Ini menunjukkan bukti yang sedang saya beri di sini, akan tetapi perubahan-perubahan telah dilaksanakan menyebabkan sesuatu keadaan ketidak seimbangan yang amat besar dengan majority Melayu merupakan 13 daripada 16 kawasan Parlimen dan 26 daripada 32 kawasan Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menghairankan bahawa Laporan Suruhanjaya Pilihanraya untuk tahun 1984 menyatakan bahawa setelah persempadanan semula selesai, purata pemilih Parlimen bagi tiap-tiap buah negeri tidak menunjukkan perbezaan yang banyak di antara sesebuah negeri dengan sesebuah negeri yang lain.

Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur yang mempunyai purata bilangan pemilih Parlimen yang terbesar iaitu seramai 58,367 pengundi hanya akan mempunyai 7 kerusi Parlimen, sementara Terengganu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jasin juga yang mempunyai purata bilangan pemilih Parlimen yang

kecil sekali iaitu 30,352 orang, akan mempunyai 8 kerusi Parlimen, sama ada purata bilangan pemilih merupakan asas penting sebagaimana yang didakwakan adalah nyata sekali. Walaupun pihak berkuasa yang berkenaan menekankan bahawa dalam menimbangkan keluasan kawasan bahagian luar bandar, Suruhanjaya tidak akan terseleweng dari prinsip utama iaitu di dalam tiap-tiap buah negeri bilangan pemilih perlulah seakan-akan sama di antara satu bahagian pilihanraya dengan bahagian yang lain. Kewujudan penyelewengan dan ketidakadilan adalah tidak dapat dinafikan.

**Tuan Yang di-Pertua, . . . . .**

**Tuan Othman bin Abdul: (Bangun).**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun, di atas apa?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tertib Mesyuarat 36 (8), beliau sebut soal penyelewengan. Saya hendak menarik perhatian tentang 36 (1) dan 44 (1). Ahli Yang Berhormat tadi menyebutkan penyelewengan dan mengatakan seolah-olah Suruhanjaya ini telah menyeleweng daripada kerja-kerjanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat bermakna Suruhanjaya itu ada menyeleweng?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kerana Suruhanjaya dan pihak berkuasa telah menekankan bahawa Suruhanjaya tidak akan terseleweng dari prinsip utama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** . . . . . begitulah.

**Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri** berpendapat bahawa di dalam penentuan sempadan pilihanraya di

mana-mana juga terdapat tekanan kepada kawasan-kawasan yang terpencil, yang ketinggalan kerana tanpa mempunyai perwakilan yang kuat kepada kawasan-kawasan itu, maka sudah tentu mereka tidak akan dapat pembangunan yang sewajarnya. Beliau juga berpendapat bahawa penduduk luar bandar patut diberi perwakilan yang kuat supaya segala kesalahan yang berlaku selama lebih daripada 100 tahun ke atas mereka oleh pihak penjajah dahulu dapat diperbaiki.

Dalam penentuan sempadan bahagian pilihanraya, faktor-faktor ini terpaksa dipertimbangkan kerana keutamaan ataupun rural weightage dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, memang diadakan. Akan tetapi keutamaan bagi kawasan-kawasan terpencil tidak seharusnya menjadi begitu besar sehingga menimbulkan perasaan bengis di kalangan masyarakat dalam bandar. Satu perasaan yang tidak puas hati, jika perbezaan itu adalah 15% hingga 30%, perasaan kebengisan adalah tidak begitu besar. Pada hakikatnya perbezaan yang terlalu nyata yang terdapat sekarang tidak dapat diterima oleh penduduk-penduduk di kawasan bandar yang sekarang pun semakin hari, semakin mempunyai bilangan kaum Melayu yang bertambah banyak di kawasan bandar. Perbezaan yang terlalu nyata itu merupakan salah satu faktor polarisasi kaum.

Saya hendak menekankan bahawa segala kesalahan yang berlaku ke atas penduduk di luar bandar oleh pihak penjajah dahulu telah dipikul bersama oleh penduduk di bandar. Walau pun faktor-faktor sosio-ekonomi hendaklah dipertimbangkan untuk mengatasi kemunduran kawasan luar bandar, cara-cara termasuk perwakilan untuk memperbaiki kesalahan tersebut tidak seharusnya menimbulkan kerumitan yang lain seperti polarisasi kaum dan polarisasi

agama. Tambahan pula adakah adil sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyalahkan generasi muda di kawasan-kawasan bandar kerana kesalahan yang dilakukan oleh pihak penjajah? Adakah ini caranya untuk memupuk perpaduan nasional atau cara untuk membasmikan polarisasi kaum?

Dengan perbezaan yang terlalu nyata dan keutamaan yang terlalu berat sebelah, maka perpaduan nasional yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan wujud, bahkan juga cara-cara keterlaluan ini besar kemungkinan bahawa polarisasi kaum dan polarisasi agama akan mewujudkan konfrantasi yang akan memusnahkan negara kita.

Adalah penting bagi Yang Amat Berhormat menimbang semula cara-cara yang keterlaluan ini, yang boleh menimbulkan perasaan perkauman. Yang Amat Berhormat sendiri pada 3hb Disember tahun ini telah memberi peringatan bagaimana perasaan perkauman dengan izin, communalism telah menyebabkan malapetaka di sebuah negara Asia Selatan pada tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari bahawa kebanyakan kawasan luar bandar tidaklah mudah diawasi oleh Wakil-wakil Rakyat, berbanding dengan kawasan-kawasan bandar yang mempunyai kemudahan-kemudahan untuk menemui rakyat, kawasan-kawasan terpencil memang ketinggalan. Oleh itu saya tidak menafikan faktor keluasan kawasan hendaklah diambil kira. Akan tetapi, bagi wakil dari satu kawasan bandar, terdapat kira-kira 3 wakil bagi kawasan luar bandar. Dengan keadaan yang sedemikianlah perasaan perkauman mudah timbul.

Tuan Yang di-Pertua, kajian sebaran penduduk dan keadaan muka

bumi seperti keadaan gunung-ganang, sungai dan sebagainya ini juga hendak diambil kira dalam latihan persempadanan dan keutamaan memang perlu diberi untuk menentukan bahawa rakyat tidak mempunyai kesukaran mendapat pertolongan dari Wakil Rakyat, akan tetapi saya mengulangi, keutamaan ini tidak seharusnya menimbulkan perbezaan yang terlalu nyata sehingga mewujudkan perasaan kebengisan di antara kaum.

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perwakilan berdasarkan bahagian pilihanraya, sebahagian daripada sistem pilihanraya negara ini hendaklah berdasarkan perwakilan sekadar untuk membayangkan inti Demokrasi Berparlimen yang telah pun disebut-sebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Menurut laporan Suruhanjaya Pilihanraya tahun 1984, ketidakadilan persempadanan semula telah timbul, iaitu perbezaan di antara bahagian pilihanraya bandar dan bahagian pilihanraya luar bandar adalah terlalu nyata hingga menghakiskan dasar Demokrasi Berparlimen. Ini mempunyai suatu gejala perkauman yang bahaya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab dan menggolong perbahasan.

7.52 ptg.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Parti Kerajaan dan juga daripada Parti Pembangkang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya dapat bawa hujah-hujah telah dilafazkan oleh ahli-ahli penyokong Kerajaan memanglah berasas kepada fikiran yang wajar

yang tidak sama sekali dipengaruhi oleh perasaan perkauman. Sebaliknya, seperti biasa ahli-ahli Pembangkang didorong semata-mata oleh perasaan perkauman dan melihat semuanya dari kaca mata kaum sahaja sehingga dalam satu usaha yang dijalankan oleh satu badan yang bebas mereka tidak dapat membaca fikiran yang waras yang menyebabkan Suruhanjaya ini membuat laporannya, tetapi sebaliknya telah menyindir Suruhanjaya ini. Mereka telah mengeluarkan kata-kata yang kesat kepada Suruhanjaya yang sudah tentu tidak dapat mempertahankan dirinya di dalam Dewan ini.

Walaupun saya sebagai wakil daripada Kerajaan bertanggungjawab untuk mempertahankan laporan ini dalam Dewan ini, tetapi sebenarnya saya tidak dapat mempertahankan dengan sepenuhnya kerana saya tidak dapat membaca hati ahli-ahli Suruhanjaya apabila mereka membuat laporan mereka. Suruhanjaya ini adalah bebas dan banyak daripada pendapat-pendapat daripada Parti-parti Kerajaan yang telah ditolak oleh mereka. Saya tahu benar bahawa ianya ditolak kerana saya sering menerima memorandum-memorandum daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, bahagian-bahagian UMNO dan lain-lain ahli Barisan Nasional berkenaan dengan perasaan tidak puas hati mereka terhadap apa yang telah dilakukan oleh Suruhanjaya.

Saya cuma dapat menjadi posmen sahaja apabila menerima memorandum ini kerana saya tidak berhak mengarah Suruhanjaya ini. Saya telah menyampaikan surat-surat memorandum ini kepada Suruhanjaya dan saya dapat bahawa suruhanjaya ini menimbang memorandum-memorandum ini dan banyak daripada cadangan-cadangan yang terdapat dalam memorandum ini ditolak walaupun ianya datang daripada

UMNO ataupun datang daripada Barisan Nasional. Ini menunjukkan bahawa Suruhanjaya ini tidak dipengaruhi oleh Parti Kerajaan ataupun oleh Kerajaan.

Sebenarnya kalau saya berkuasa atas suruhanjaya ini laporannya berbeza daripada yang dibentangkan dalam Dewan ini. Banyak lagi yang saya ingin buat yang boleh menguntungkan Parti Kerajaan, tetapi saya tidak berbuat demikian (*Tepuk*). Tetapi memanglah apabila Parti DAP mempunyai peluang untuk menghentam seseorang yang tidak dapat mempertahankan dirinya, mereka tidak segan-segan membuat sindiran dan membuat kata-kata yang kesat dan apabila disuruh oleh Yang di-Pertua Dewan supaya tidak menyatakan sesuatu, mereka dengan lantang berkata, "I got my point". Jadi, sudah dapat memperkatakan sesuatu yang akan dilapor di dalam *Hansard*, dan tak cukup dengan itu, mengulangi sekali lagi apa yang dikatakan tadi.

Sebab itu saya terpaksa bangun untuk berkata bahawa Ahli Yang Yang Berhormat dari Kota Melaka itu telah mengulangi apa yang dianya kata dia tidak harus sebut di dalam Dewan ini. "Trick" ini ataupun muslihat ini memang sesuatu yang dekat dengan hati DAP. DAP nampak semuanya daripada sudut kaum semata-mata dianya memperkenalkan diri sebagai parti berbilang kaum, tetapi dalam keadaan ini dia cuma nampak daripada sudut satu kaum sahaja, seolah-olah negara kita ini dipenuhi dengan cuma satu kaum sahaja. Kita merupakan satu negara berbilang kaum dan perkara kaum ini hendaklah kita kurangkan sebutan berkenaan dengannya supaya ianya tidak membangkitkan perasaan bengis, seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi, dengan diulangi semuanya berkenaan dengan kaum, maka perasaan polarisasi kaum

akan wujud. Kalau kita hendak tanam "radioactive substance", itupun soal kaum juga; kalau kita hendak buat satu sekolah, itupun dikatakan perkauman. Apa juga yang dibuat oleh Kerajaan ditafsirkan daripada sudut kaum dan sengaja dibangkit-bangkitkan dengan satu tujuan; tujuan itu ialah tujuan politik.

Tujuan politik DAP dalam perkara yang kita bincang pada hari ini ialah untuk menimbulkan perasaan serba-salah ataupun "embarrassment" kepada parti-parti yang ada dalam Barisan Nasional, khususnya MCA dan Gerakan. Mereka sengaja mencabar parti ini supaya menyokong usul mereka. Tujuannya ialah supaya dengan cara ini mereka dapat "score point" yang boleh digunakan esok untuk mendapat sokongan daripada pengundi-pengundi. Jadi, walaupun Ahli Yang Berhormat itu berucap di dalam Dewan ini, yang dia nampak ialah pengundi-pengundi dalam bandar yang mungkin akan memberi sokongan kepada DAP, tetapi DAP tidak pernah belajar daripada sejarahnya. Taktik yang sama telah mengalahkan DAP dalam pilihanraya tahun 1982, daripada 15, 16 kerusi, sudah tinggal 6, 7 kerusi sahaja, tak guna menggunakan taktik perkauman ini (*Tepuk*), ia tidak akan membawa keuntungan kepada DAP.

Sebenarnya, walaupun saya tak tahu apa sebabnya Suruhanjaya Pilihanraya ini membuat laporan sebegini rupa, sebenarnya saya dapatti bahawa laporan ini menguntungkan usaha kita untuk mengurangkan perkauman.

Parti Barisan National terdapat di dalamnya semua kaum. Oleh kerana itu maka Parti Barisan Nasional dapat meletakkan calon-calonnya di semua tempat baik di bandar ataupun di luar bandar. Jadi kalau DAP ingin mendapat kemenangan, DAP mempunyai cara yang cukup mudah untuk mendapat kemenangan, jangan jadi DAP ini parti satu kaum sahaja.

Tolonglah beri pertimbangan kepada aspirasi-aspirasi orang-orang Melayu umpamanya. Kalau DAP tahu menawan hati orang-orang Melayu maka masalah yang dibangkitkan oleh DAP tentang persempadanan yang baru ini tidak akan timbul kepada DAP kerana DAP pula akan dapat keuntungan, boleh meletak calon-calonnya yang terdiri daripada orang Melayu di kawasan-kawasan luar bandar dan dengan itu maka dianya akan bertanding dengan Barisan Nasional di seluruh negara tetapi, DAP cuma hendak kepada undi orang-orang Cina semata-mata. Oleh kerana itu dia berasa tidak puas hati kerana tidak dapat kawasan yang banyak di dalam bandar yang mana terdapat banyak orang-orang Cina. Dianya cuma ingin mendapat sokongan daripada orang-orang Cina, sebaliknya Barisan Nasional tidak memandang kepada pengundi Cina sahaja, kita pandang kepada semua pengundi, pengundi India, pengundi Melayu, pengundi Cina dan di Sabah dan Sarawak pengundi-pengundi yang lain juga diharap memainkan peranan. Dan dengan kerana kita bertimbang rasa maka dapatlah kita meletakkan calon daripada kaum yang tidak mempunyai majoriti dalam mana-mana kawasan.

Dakwaan bahawa DAP cuma boleh mendapat kemenangan di kawasan yang mana orang-orang Cina ramai adalah satu dakwaan yang datang daripada hati yang dikongkong oleh perasaan perkauman. Sebenarnya di kalangan calon-calon Barisan Nasional kita biasa meletakkan orang India dalam kawasan orang Melayu oleh kerana kita juga berjuang untuk kepentingan orang-orang India maka orang India ini mendapat sokongan dan sanggup bekerjasama dengan orang-orang Melayu. Di tempat-tempat yang lain orang-orang India menyokong calon yang terdiri daripada orang Melayu tetapi ini merupakan suatu yang impossible

kepada DAP. Bagi DAP cuma orang Cina sahaja yang boleh undi kepada DAP kerana dianya parti perkauman dan dianya sentiasa membangkitkan soal kaum.

Sebenarnya Suruhanjaya Pilihanraya ini pada pendapat saya menjalankan tugas mengikut peruntukan-peruntukan yang telah ada dalam Perlembagaan. Dalam Perlembagaan tidak disebut bahawa Suruhanjaya ini mestilah membentuk kawasan pilihanraya mengikut kaum, tidak disebut. Cuma memberi imbalan tentang keadaan di luar bandar, di dalam bandar dan sebagainya, weightage, tetapi tidak disebutkan tentang memberi pertimbangan kepada kaum yang ada di dalam satu-satu kawasan.

Kalau Ahli Yang Berhormat itu suka supaya soal kaum ini dijadikan satu daripada asas-asas pembentukan kawasan-kawasan pilihanraya maka Ahli Yang Berhormat bebas untuk membawa satu Usul di dalam Dewan ini supaya Perlembagaan dipindah untuk memasuki soal kaum ini sebagai sebahagian daripada panduan untuk Suruhanjaya. Ini dalam negara kita Ahli Yang Berhormat itu bebas, walaupun dia tak berapa ramai tetapi kalau hujahnya begitu bernes, begitu waras, saya yakin ahli-ahli daripada government back bench pun akan memberi sokongan (*Disampuk*), Itulah belum try, belum tahu (*Ketawa*). Kita adil tetapi kalau pendapat itu tak ada asas sama sekali dan hampir-hampir kepada taraf kebodohan (*Ketawa*) mustahillah dapat ahli-ahli Kerajaan ini menyokong tetapi kalau dianya bernes, saya yakin kita akan sokong. Kita adalah orang yang adil selalu.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang dibangkitkan oleh DAP sepanjang masa tak ada point lain yang sebenarnya, cuma itu sahaja, soal prinsip seorang satu undi ini. Saya belum tahu lagi sama ada di

Malaysia ini ada orang yang mendapat dua undi (*Ketawa*). Kalau dia dapat bolehlah lapor kepada Polis dan kita akan ambil tindakan. Kita guarantee itu. Kita beri jaminan iaitu kita akan ambil tindakan. Sebenarnya tiap seorang daripada pengundi mendapat satu undi. Memang kawasan-kawasan berbeza, ada setengah kawasan lebih banyak pengundi, ada yang kurang dan ini bukan perkara luar biasa, di negara-negara lain juga terdapat keadaan sedemikian.

Umpamanya jika saya tak salah di Amerika Syarikat tiap state dalam Amerika Syarikat ini diberi dua orang Senator. Saya percaya New Jersey mempunyai cuma 3 juta penduduk, California mempunyai 22 juta penduduk tetapi California pun dapat dua, New Jersey pun dapat dua. Jadi bilang tengoklah berapa kali ganda antara yang dua state ini. Kalau hendak buat perbandingan macam DAP juga saya cari yang extremely (*Ketawa*), yang jauh sekali, Kalau DAP hendak buat bandingan antara Kuala Lumpur, dia cari Gua Musang (*Ketawa*). Yang lain, dia tak nampak, yang bilangan kawasan-kawasan yang di luar bandar yang juga mempunyai bilangan pengundi yang besar, dia tak ambil kira, dia banding yang terbesar sekali dengan yang terkecil sekali, memanglah antara yang besar dengan yang kecil sekali berbeza banyak. Tetapi di antara itu banyak yang tidak ada banyak perbezaan dan sekali lagi kalau DAP suka, Gua Musang menunggu DAP datang (*Ketawa*).

Prinsip satu orang satu undi ini adalah satu prinsip yang digunakan di mana-mana juga dan dia dikatakan menjadi asas demokrasi tetapi demokrasi kalau cuma berpegang kepada satu prinsip itu sahaja tidak akan menjadi demokratik. Sebenarnya kalau kita cuma semata-mata memandang kepada satu orang satu undi mungkin sesuatu negara itu menghadapi masalah yang amat besar

kerana kadang-kadang kita dapat setengah-setengah negara yang mana penduduk-penduduknya terpisah, setengah-setengah tempat mempunyai sedikit penduduk, setengah tempat mendapat banyak penduduk dan di tempat yang banyak penduduk itu kita memberi banyak Wakil Rakyat pula maka sudah tentu tempat yang banyak penduduk itu akan mendapat pembangunan, tempat yang sedikit penduduk itu tidak akan mendapat pembangunan. Jadi dalam keadaan yang seperti ini tentulah ketidakadilan akan berlaku.

Soal weightage ini terdapat di mana-mana sahaja, umpamanya dalam bidang cukai. Kita mengenakan cukai yang tinggi kepada orang yang kaya. Percentage dia lagi kaya lagi tinggi. Orang yang miskin kadang-kadang kita tak kena cukai sama sekali. Kalau hendak kira satu orang satu undi apa sebab orang yang satu undi ini diberi layanan yang baik, orang yang tak ada wang ini diberi layanan yang baik sedangkan yang kaya ini tidak diberi layanan yang sama. Sepatutnya kalu yang kaya satu undi cukainya mestilah sama dengan yang miskin tetapi kerana kita tidak mahu melihat ketidakadilan berlaku dalam sebuah negara kita mempunyai perbezaan cukai antara yang miskin dengan yang kaya.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*).

**Perdana Menteri:** Silalah, saya bukan macam tuan ini, tak mau duduk (*Ketawa*).

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat menjadikan wealth dengan perwakilan itu sama sahaja. Wealth dan cukai itu tidak serupa dan tidak kena-mengena dengan hak mengundi.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya membuat bandingan, bandingan kata orang ini kadang-kadang bandingan antara orange

dengan orange, apple dengan apple tetapi kalau kita dapat perbezaan antara apple dengan apple dan orange dengan orange, kita masih boleh buat "comparison" kalau apple ini buruk berbanding dengan apple ini yang tidak buruk, ini keadaan di kalangan orange ini boleh juga jadi macam itu. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat tidak boleh faham yang itu, saya tidak upaya hendak tolonglah (*Ketawa*).

Jadi, masalah membeza-bezakan di kalangan masyarakat ini adalah perkara yang membawa kepada keadilan bukan membawa kepada ketidakadilan. Kalau kita pegang terlalu kuat kepada satu orang satu undi kemungkinan ialah kawasan luar bandar sekarang ini akan menjadi satu kawasan yang tidak dapat pembangunan sama sekali, tetapi kita berterima kasih kepada mereka yang membentuk negara kita di waktu merdeka yang membentuk Perlembagaan bahawa kerana mereka memikir tentang masalah kemunduran yang terdapat di kawasan luar bandar dan mereka telah memberi lebih banyak perwakilan kepada kawasan luar bandar daripada kawasan dalam bandar.

Kesannya ialah hari ini kita dapat kawasan luar bandar telah pun meningkat pembangunannya. Walaupun demikian di masa itu juga kita dapat peringkat pembangunan di kawasan-kawasan dalam bandar. Oleh kerana itu kita harus teruskan perwakilan daripada luar bandar ini dengan cukup ramai supaya mereka tidak ketinggalan.

Kita tahu bahawa di dalam Dewan ini umpamanya banyak daripada kita takut kepada kawasan luar bandar kerana mereka mempunyai kawasan yang banyak. Kalau tidak dengan kerana mereka menjadi kawasan yang banyak, kita tidak akan rasa takut kepada mereka dan kalau kita rasa takut kepada mereka, kita tidak akan memberi peruntukan kepada mereka

dan dengan itu mereka akan tinggallah dalam keadaan mundur.

Sebenarnya bagi pihak UMNO, saya minta maaf kerana saya sebut UMNO di sini, tetapi sebab DAP selalu fikir berkenaan dengan DAP, saya hendak bercakap berkenaan UMNO sedikit. Kalau hendak ikut daripada sudut UMNO lebih baik lagi kita tidak menambah banyak sangat kawasan di luar bandar kerana di luar bandar ini terdapat musuh kita lagi satu (*Ketawa*) yang juga cuba memainkan peranan yang sama dengan DAP, cuba menimbulkan perasaan serba salah di kalangan ahli-ahli UMNO. Jadi, kalau kurang sedikit di situ, kita pun kurang sedikit masalah. Kalau tidak tambah langsung kerusi lebih mudah kepada kita kerana kita tidak akan hadapi apa-apa masalah.

Barisan Nasional ini menghadapi masalah, dalam bandar kerana ada parti macam DAP ini dan di luar bandar kerana ada parti macam PAS. Jadi kita duduk di tengah-tengah kerana kita terdiri daripada orang-orang yang "moderate" yang cuba hendak memuaskan hati semua pihak.

Kalau kita menjadi orang macam DAP yang cuma hendak memuaskan hati orang-orang di luar bandar sahaja, orang Melayu sahaja inilah "solution" yang terbaik sekali, apa yang disediakan oleh Suruhanjaya ini. Tetapi apa yang disediakan oleh Suruhanjaya ini memberi keuntungan kepada Parti PAS di luar bandar dan keuntungan kepada Parti DAP dalam bandar. Jadi, rugi Barisan Nasional. Tetapi apa hendak dibuat, kita kena terimalah sebab dia Suruhanjaya Pilihanraya yang bebas (*Ketawa*).

Saya nampak bukan sahaja keadilan daripada laporan ini tetapi seolah-olah Suruhanjaya ini ingin mengurangkan perasaan perkauman, ingin memujuk ataupun mengajak DAP supaya

timbanglah sama rasa orang-orang di kampung ini apa salahnya. Kalau timbang rasa mereka mungkin mereka akan undi DAP, adapun terlekat seorang di Perak. Apa salahnya tambah, kalau DAP mempunyai Wakil-wakil Rakyat yang terdiri 90% daripada orang Melayu dan 10% daripada orang Cina, mungkin dia akan dapat mendirikan Kerajaan dalam negara kita ini, tetapi dia hendak pilih. Jadi dia hendak salahkan Suruhanjaya. Apakah sebabnya dia hendak salahkan Suruhanjaya? Tanya diri dahulu, sama ada salah ataupun tidak, saya fikir DAP lebih salah daripada pihak lain.

Bagi pihak Barisan Nasional kita rasa juga bahawa laporan Suruhanjaya ini merugikan kita tetapi kita sanggup terima walaupun merugikan kita, kerana kita boleh sokong mana-mana pihak. Boleh dapat sokongan daripada mana-mana pihak dan kita ingin mengurangkan perasaan perkauman, cuma masalahnya ialah perkauman ini akan kekal, cuma ada satu sahaja jalan yang saya nampak untuk menghapuskan perkauman, jalannya ialah DAP ini "dissolve" dirinya (*Tepuk*).

Kalau ini berlaku kita boleh tanam radio active waste di mana-mana juga (*Ketawa*), kerana tidak jadi soal perkauman. Soal kesihatan saya lebih tahu daripada ahli daripada DAP, tetapi soal perkauman cuma DAP sahaja tahu, saya tidak faham.

Banyak benda yang kita boleh buat, dalam keadaan yang tenang, kita boleh fikir berkenaan dengan sesuatu dengan fikiran yang waras dan tidak ada kebengisan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Tidak ada yang bengis, semua orang ini jadi bengis kerana Ahli Yang Berhormatlah. Selalu sangat cucuk membakar hati orang tetapi kita bersyukur kerana ada MCA, ada GERAKAN . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat, ada Yang Berhormat yang bangun pula itu.

**Perdana Menteri:** Ada yang bangun pula (*Ketawa*).

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya ingin tahu dua perkara, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya adakah Yang Amat Berhormat memandangkan UMNO sebagai satu parti perkauman, kalau begitu adakah Yang Amat Berhormat sanggup membubarkan Parti UMNO?

Yang kedua, adakah kebengisan di dalam dan di luar MCA itu satu rekaan UMNO, ataupun rekaan Barisan Nasional?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, UMNO kita mengakui bahawa kita adalah parti orang-orang Melayu dan kita tidak kata macam DAP dia parti berbilang kaum tetapi cuma yang boleh masuk, yang boleh jadi pemimpin satu kaum sahaja. Sebaliknya UMNO pula walaupun parti orang-orang Melayu sanggup bekerjasama dengan orang Cina, orang India, semua bangsa.

Jadi, menunjukkan bahawa walaupun kita mengutamakan kepentingan kaum kita, maka kita tidak pula membelakangkan perasaan kaum-kaum yang lain tetapi DAP kalau bercakap tidak peduli orang lain dengar cuma nampak satu kaum sahaja. Kalau dia hendak beri orang lain sakit hatikah, hendak timbul perasaan bengiskah, tidak apa kerana dia itu tumpu kepada satu kaum. Sebab itu yang patut dibubar ialah Parti DAP (*Ketawa*).

Dan yang kedua tentang kebengisan dalam MCA, sebenarnya tidak ada kebengisan dalam MCA, itu adalah pandangan dan tafsiran DAP. DAP berharap ada kebengisan di dalam MCA supaya dengan itu DAP boleh dapat kemenangan tetapi saya berasa

dukacita kerana DAP akan berasa kecewa sepanjang masa kerana diannya tidak akan dapat kemenangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi alasan-alasan yang cukup, saya fikir untuk menolak segala hujah-hujah yang tidak bernalas walaupun yang telah dikemukakan oleh DAP dan dengan itu sekian sahajalah. Saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu:

Bahawa bahwasanya telah pun dibentangkan dalam Dewan ini di bawah Seksyen 9 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan laporan Suruhanjaya Pilihanraya yang bertarikh 1hb November, 1984 dan dikemukakan kepada Perdana Menteri pada 8hb November, 1984 di bawah Seksyen 8 Jadual tersebut yang mengandungi syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya berkenaan dengan persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dalam Negeri-negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan) dan bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri setiap Negeri dalam Negeri-negeri Tanah Melayu berserta dengan draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri-negeri Tanah Melayu) 1984 yang akan dibuat di bawah Seksyen 12 Jadual tersebut bagi menguatkusuaskan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut:

Dewan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen 10 Jadual tersebut, mengambil ketetapan bahawa draf Perintah Perlembagaan Persekutuan

(Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri-negeri Tanah Melayu) 1984 yang tersebut di atas tadi diluluskan.

hendaklah disetujukan.

Bagi maksud ini, Usul yang ada di hadapan Majlis ini hendaklah disokong dengan undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan Ahli Majlis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 10 Jadual Ketiga Belas dalam Perlembagaan Persekutuan. Adakah sesiapa yang hendak meminta diadakan belah bahagian?

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Pengurus, saya mohon diadakan belah bahagian mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 26 (4).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya meminta tidak kurang 15 orang Ahli berdiri untuk menyokong supaya diadakan belah bahagian.

*(Ahli-ahli bangun dan dikira)*

Lebih daripada 15 orang yang menyokong. Saya memerintahkan diadakan belah bahagian. Penghitung undi diminta mengambil tempat masing-masing. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama satu dua minit.

*Loceng dibunyikan.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila mengundi.

Dewan berbelah bahagi: Keputusannya ialah Yang Bersatu, 89 undi (*Tepuk*); Yang Tidak Bersatu; 8 undi; Yang Tiada Mengundi, tiada.

#### YANG BERSETUJU

1. Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad
2. Dato' Musa Hitam
3. Dato' Dr Neo Yee Pan
4. Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj
5. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah
6. Tan Sri Chong Hon Nyan
7. Dato' Paul Leong
8. Datuk Leo Moggie Iroke
9. Datin Paduka Rafidah Aziz
10. Dato' Dr Haji Sulaiman
11. Datuk Abdullah Badawi
12. Datuk Mak Hon Kam
13. Dato Seri Adib Adam
14. Datuk Chin Hon Ngian
15. Datuk Shahrir Abd. Samad
16. Tuan Anwar Ibrahim
17. Dato' Abu Hassan Omar
18. Datuk Mohamed Khalil Yaakob
19. Tuan Daim Zainuddin
20. Dato' K. Pathmanaban
21. Datuk Haji Zakaria Haji Abdul Rahman
22. Datuk William Lye Chee Hien
23. Datin Paduka Chow Poh Kheng
24. Puan Shariffah Dorah Mohammed
25. Tuan S. Subramaniam
26. Puan Hajjah Rahmah Othman
27. Datuk Sabbaruddin Chik
28. Puan Napsiah Omar
29. Tuan Oo Gin Sun
30. Tuan Zainal Abidin Zin
31. Tuan Mohammed Yahya Lampong

9689

6 DISEMBER 1984

9690

- |   |   |
|---|---|
| 32. Tuan Law Hieng Ding                               | 65. Tuan Azharul Abidin                 |
| 33. Tuan Au How Cheong                                | 66. Wan Mohd. Najib Wan<br>Mohamad      |
| 34. Tuan Mohd. Tajol Rosli Mohd.<br>Ghazali           | 67. Puan Wan Zainab                     |
| 35. Tuan Awang Jabar                                  | 68. Tuan Tan Koon Swan                  |
| 36. Tuan Mustaffa Mohammad                            | 69. Dato' Haji Saidin Haji Mat<br>Piah  |
| 37. Tuan Yeoh Poh San                                 | 70. Tuan Seow Hun Khim                  |
| 38. Tuan Mohd. Kassim Ahmad                           | 71. Tuan Ismail Said                    |
| 39. Tuan Abdul Ghafar Baba                            | 72. Dr Abdul Hamid Pawanteh             |
| 40. Datuk Michael Chen Wing Sum                       | 73. Dato' Haji Mohamed Haji Ali         |
| 41. Datuk Haji Mohd. Suhaimi<br>Dato' Haji Kamaruddin | 74. Tuan Ahmad Hambal Yeop<br>Majlis    |
| 42. Datuk Haji Abdul Manan<br>Othman                  | 75. Tuan Bahari Haron                   |
| 43. Datin Paduka Hajjah Aishah<br>Haji Abdul Ghani    | 76. Tuan Mutang Tagal                   |
| 44. Edmund Langgu Saga                                | 77. Tuan Mamat Ghazalee Abdul<br>Rahman |
| 45. Datuk Seri Haji Kamaruddin<br>Hj. Mohd. Isa       | 78. Tuan Tan Kok Hooi                   |
| 46. Dato' Lew Sip Hon                                 | 79. Datin Paduka Zaleha Ismail          |
| 47. Tuan Haji Dusuki Haji Ahmad                       | 80. Tuan Omar Abdullah                  |
| 48. Datuk Lee Boon Peng                               | 81. Tuan Mohamed Amin Haji<br>Daud      |
| 49. Dato' Jamaluddin Haji Suhaimi                     | 82. Tuan Ibahim Azmi Hassan             |
| 50. Tuan Ismail Arshad                                | 83. Tuan Ban Hon Keong                  |
| 51. Tuan Mohammad Idris<br>Mohammad Basri             | 84. Tuan Othman Abdul                   |
| 52. Tuan Wan Abu Bakar Wan<br>Mohamad                 | 85. Tuan Hassan Haji Mohamed            |
| 53. Tuan Mokhtaram Rabidin                            | 86. Tuan Haji Mohd. Zain<br>Abdullah    |
| 54. Datuk Edwin Tangkun                               | 87. Tuan Wan Ibrahim Wan<br>Abdullah    |
| 55. Tuan Mohamed Razlan Haji<br>Abdul Hamid           | 88. Dato' Haji Abu Bakar Umar           |
| 56. Tuan Haji Seroji Haji Haron                       | 89. Tuan V. Govindaraj                  |
| 57. Tuan Ng Cheng Kuai                                |   |
| 58. Dato' Dr Ling Liang Sik                           |   |
| 59. Tuan Abdul Raman Suliman                          |   |
| 60. Tuan Lim Liang Seng                               |   |
| 61. Tuan Khadri Sabran                                |   |
| 62. Dr Koh Tsu Koon                                   |   |
| 63. Tuan Yahya Haji Zakaria                           |   |
| 64. Tuan Shamsuri Md. Salleh                          |   |

#### YANG TIDAK BERSETUJU

1. Tuan Lim Kit Siang
2. Dr Chen Man Hin
3. Tuan Lee Lam Thye
4. Tuan Chan Kok Kit
5. Tuan Gooi Hock Seng

6. Tuan Sim Kwang Yang
7. Dr Tan Seng Giaw
8. Tuan Ling Sie Ming

**YANG TIDAK MENGUNDI**

Tiada

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa bahwasanya telah pun dibentangkan dalam Dewan ini di bawah Seksyen 9 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan laporan Suruhanjaya Pilihanraya yang bertarikh 1hb November, 1984 dan dikemukakan kepada Perdana Menteri pada 8hb November, 1984 di bawah Seksyen 8 Jadual tersebut yang mengandungi syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya berkenaan dengan persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dalam Negeri-negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan) dan Bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri setiap Negeri dalam Negeri-negeri Tanah Melayu berserta dengan draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri-negeri Tanah Melayu) 1984 yang akan dibuat di bawah Seksyen 12 Jadual tersebut bagi menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut:

Dewan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen 10 Jadual tersebut, mengambil ketetapan bahawa draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri-negeri Tanah Melayu) 1984 yang tersebut di atas tadi diluluskan.

**PERINTAH PERLEMBAGAAN  
PERSEKUTUAN  
(PERSEMPADANAN  
BAHAGIAN-BAHAGIAN  
PILIHANRAYA)  
(NEGERI SABAH) 1984**

**8.02 *mlm.***

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

Bahawa bahwasanya telah pun dibentangkan dalam Dewan ini di bawah Seksyen 9 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan Laporan Suruhanjaya Pilihanraya yang bertarikh 1hb November, 1984 dan dikemukakan kepada Perdana Menteri pada 8hb November, 1984 di bawah Seksyen 8 Jadual tersebut yang mengandungi syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya berkenaan dengan persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Sabah berserta dengan draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri Sabah) 1984 yang akan dibuat di bawah Seksyen 12 Jadual tersebut bagi menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut.

Dewan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen 10 Jadual tersebut, mengambil ketetapan bahawa draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri Sabah) 1984 yang tersebut di atas tadi diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, menurut Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihanraya adalah bertanggungjawab untuk menjalankan

ulangkaji dan persempadan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri pada lat tempoh tidak kurang 8 tahun. Sebagai menepati kehendak peruntukan tersebut Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan ulangkajinya bagi Negeri Sabah mulai daripada 26hb Julai, 1982. Ini adalah disebabkan bahawa ulangkaji yang terakhir yang dilakukan bagi Negeri Sabah ialah pada 26hb Julai, 1974.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat bahawa pada 19hb Mac, 1984, Dewan ini telah meluluskan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1984. Menerusi Akta ini, Perkara 46 Perlembagaan telah dipinda untuk menambah satu kerusi Parlimen iaitu kerusi Parlimen bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Ini adalah berikutan dengan penubuhan Pulau Labuan sebagai kawasan Wilayah Persekutuan.

Dengan adanya penambahan kerusi ini maka kelancaran proses ulangkaji Suruhanjaya telah sedikit sebanyak terganggu dan dengan demikian Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan bersabit dengan ulangkaji telah dipinda, khususnya mengenai hal yang berkaitan dengan tempoh yang diberikan kepada Suruhanjaya untuk menyelesaikan ulangkaji itu. Manakala peruntukan asal menyatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah menjalankan ulangkaji tidak awal daripada 8 tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun, peruntukan yang baru ini menyatakan bahawa Suruhanjaya hendaklah menyiapkan ulangkaji ini dalam tempoh tidak lebih daripada 2 tahun dari tarikh bermulanya ulangkajian itu dan mengikut peruntukan yang diberikan di dalam suatu fasal yang baru iaitu Fasal (9) tarikh bermulanya ulangkajian di bawah Fasal (2) hendaklah tarikh tersiaranya dalam warta akan notis mengenai syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya bersabit

dengan persempadan ini. Dengan adanya pindaan ini maka bermaknalah juga Suruhanjaya Pilihanraya telah dibolehkan untuk menyiapkan laporan ulangkaji sebelum 4hb Januari, 1986.

Walau bagaimanapun, oleh kerana Suruhanjaya Pilihanraya telah memulakan kerja-kerja mengulangkaji lebih awal maka laporan ulangkaji itu dapat dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lebih awal iaitu pada 8hb November yang lepas dan dibentangkan di Dewan ini pada hari ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat di dalam sidangnya pada 3hb Ogos, 1983, Dewan yang mulia ini telah meluluskan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983. Menerusi Akta ini, pindaan telah dibuat kepada Perkara 46 Perlembagaan yang melibatkan kerusi Parlimen bagi Negeri Sabah ditambah dari 16 kepada 20. Walau bagaimanapun, penambahan kerusi Parlimen ini tidak diikuti dengan penambahan kerusi Negeri kerana Kerajaan Negeri Sabah telah mengekalkan bilangan kerusi Negeri mengikut bilangan yang ada sekarang iaitu 48.

Sepertimana yang telah dinyatakan, Labuan telah dijadikan sebagai kawasan Wilayah Persekutuan dan juga satu bahagian Parlimen yang berasingan menerusi Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 yang berkuatkuasa mulai 16hb April, 1984. Sungguhpun Labuan tidak lagi menjadi sebahagian daripada Negeri Sabah, Akta pindaan yang sama telah tidak mengubah bilangan kerusi Parlimen atau kerusi Negeri bagi Negeri Sabah. Dengan keadaan yang demikian maka satu perubahan besar perlu dibuat untuk menyesuaikan bilangan kerusi dengan keadaan bahagian-bahagian pilihanraya baik Parlimen maupun bagi Negeri Sabah.

Sukacita saya memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah pun menyiapkan laporannya selaras dengan prosedur-prosedur yang ditentukan oleh Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Syor-syor kajian yang terkandung di dalam laporannya itu adalah juga dibuat dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Bahagian I Jadual yang sama. Laporan ulangkaji dan persempadanan ini telah diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8hb November, 1984 sebagaimana yang dikehendaki oleh Seksyen 8 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Laporan itu telah juga dibentangkan di dalam Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 200 Tahun 1984.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat lihat, Laporan Suruhanjaya Pilihanraya itu mengandungi 6 Bab iaitu Bab A hingga Bab F. Bab A mengandungi maklumat-maklumat mengenai bidangkuasa dan lat tempoh ulangkaji, penerangan-penerangan bersabit dengan unit ulangkaji, skop dan bidangkuasa, pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan, bilangan kerusi Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sabah dan juga penerangan mengenai pindaan sempadan-sempadan Parlimen dan Negeri yang telah dilakukan.

Perlu diterangkan di sini bahawa mengikut Fasal (6) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, Malaysia telah dibahagikan kepada 3 unit ulangkaji yang berasingan iaitu Negeri-negeri Tanah Melayu termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak. Oleh kerana Wilayah Persekutuan Labuan, bagi tujuan ulangkaji ini, adalah tergolong dalam unit ulangkaji Negeri-negeri Tanah

Melayu, maka laporan ini tidak mengandungi butir-butir persempadanan bahagian pilihanraya Parlimen Labuan. Ianya terkandung dalam Laporan ulangkaji Bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu.

Bab B memberi keterangan yang jelas mengenai ulangkaji dan persempadanan yang telah dijalankan termasuklah prinsip-prinsip persempadanan, keterangan mengenai daftar pemilih yang digunakan, purata bilangan pemilih, pembahagian daerah-daerah mengundi dan pemetaan serta keterangan mengenai nama-nama bahagian pilihanraya.

Perlu diterangkan di sini iaitu daftar pemilih yang digunakan sebagai asas sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 3 Bahagian I Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan, iaitu daftar pemilih disahkan pada 27hb Disember, 1982. Ini adalah kerana Suruhanjaya Pilihanraya telah memulakan tugas ulangkaji mulai bulan Julai 1982. Mengikut daftar pemilih bagi Negeri Sabah setelah Kepulauan Labuan diasingkan pada 16hb April, 1984, jumlah pemilih bagi Negeri Sabah ialah sebanyak 358,343. Berasaskan kepada 20 bahagian pilihanraya Parlimen dan 48 bahagian pilihanraya Negeri purata pemilih Parlimen ialah 17,917 dan purata pemilih Negeri ialah 7,465.

Satu perkara yang perlu dinyatakan di sini mengenai purata pemilih bagi Negeri Sabah ialah bahawa amat sukar bagi Suruhanjaya Pilihanraya untuk memperseimbangkan pemilih bagi tiap-tiap bahagian pilihanraya berpandukan kepada purata pemilih, oleh kerana terdapat kawasan-kawasan luar bandar yang keadaan topografi dan demografinya amat luar biasa, menyebabkan bilangan pemilih yang dicadangkan bagi bahagian-bahagian tertentu di luar bandar adalah lebih rendah daripada yang

sepatutnya. Ini adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan bagi Negeri Sabah oleh kerana konsentrasi penduduk adalah tertumpu kepada kawasan-kawasan tertentu sahaja.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihanraya dalam usahanya untuk meringankan beban wakil-wakil rakyat khususnya di kawasan-kawasan di mana kemudahan-kemudahan perhubungan dan pengangkutan sangat terhad atau langsung tidak wujud, telah cuba mengurangkan keluasan sesebuah kawasan pilihanraya tanpa banyak menjelaskan jumlah pemilih supaya tidak jauh lari daripada angka purata pemilih yang telah ditetapkan.

Bab C mengandungi maklumat mengenai syor-syor Suruhanjaya, notis yang telah dipamerkan, rayuan-rayuan dan bantahan-bantahan yang telah diterima dan pindaan-pindaan kepada syor-syor Suruhanjaya dan persempadanan semula yang telah dibuat akibat terkeluarnya Labuan dari Negeri Sabah. Sebanyak 33 rayuan telah diterima apabila syornya yang pertama dipamerkan mulai daripada 4hb Januari, 1984 hingga 4hb Februari, 1984. Sebanyak 19 siasatan tempatan telah dijalankan di Negeri Sabah di dalam bulan April dan Mei, 1984. Pindaan-pindaan dibuat selepas siasatan-siasatan dijalankan dan setelah Kepulauan Labuan dijadikan bahagian Parlimen yang tersendiri. Setelah notis dan syor-syor pindaan yang kedua dipamerkan daripada 30hb Julai 1984 hingga 30hb Ogos, 1984 sebanyak 3 rayuan telah diterima dan satu siasatan tempatan telah dijalankan pada 27hb September, 1984.

Bab D mengandungi perakuan-perakuan Suruhanjaya mengenai bahagian-bahagian Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sabah. Butir-butir lanjut mengenai segala perakuan suruhanjaya ini adalah terkandung di dalam Jadual I dan Jadual II kepada

Laporan itu dan peta yang menunjukkan semua bahagian pilihanrayanya Parlimen dan Negeri adalah sepertimana yang diberikan di dalam Jilid II iaitu Bab F. Peta yang disediakan adalah berdasarkan kepada peta asas yang paling kemaskini yang mengandungi rangkaian jalanraya, sungai-sungai dan sebagainya yang didapati sehingga petengahan tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, ulangkaji bahagian Pilihanraya bagi Negeri Sabah telah dibuat bukan semata-mata sebagai menepati kehendak Perlembagaan bahawa bahagian-bahagian pilihanraya itu harus diulangkaji pada lat tempoh 8 tahun sekali, tetapi ulangkaji seperti ini perlu dijalankan memandangkan kepada perkembangan-perkembangan yang berlaku di Negeri Sabah terutama didalam bidang ekonomi dan sosial dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan bertambahnya bilangan penduduk dan bilangan pengundi di negeri tersebut. Penambahan kawasan pilihanraya Parlimen bagi Negeri Sabah sebagaimana yang disyorkan dalam Laporan itu akan memberi peluang yang lebih kepada rakyat untuk mendapat perwakilan yang lebih sempurna dan berkesan. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyambut baik langkah yang telah diambil itu dan memberi sokongan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, draf Perintah persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya Negeri Sabah, 1984 ada dibentangkan bersama ini sebagai Kertas Status No. 201 Tahun 1984 dan sebelum saya mencadangkan supaya draf Perintah itu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, sukalah saya mengambil kesempatan untuk melahirkan rasa penghargaan Kerajaan kepada Pengerusi, Ahli-ahli dan Setiausaha serta Pegawai-pegawai Kanan dan seluruh kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya yang telah

bekerja dengan penuh dedikasi bagi menjayakan urusan ulangkaji bahagian-bahagian pilihanrayanya dan seterusnya menyediakan laporan bagi dibentangkan di Dewan ini dalam tempoh yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah, bahawa usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu yang berbunyi:

"Bahawa bahawasanya telah pun dibentangkan dalam Dewan ini di bawah Seksyen 9 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan Laporan Suruhanjaya Pilhanraya yang bertarikh 1hb November, 1984 dan dikemukakan kepada Perdana Menteri pada 8hb November, 1984 di bawah Seksyen 8 Jadual tersebut yang mengandungi syor-syor Suruhanjaya Pilhanraya berkenaan dengan persempadanan Bahagian-bahagian Pilhanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Sabah berserta Draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilhanraya) (Negeri Sabah) 1984 yang akan dibuat di bawah Seksyen 12 Jadual tersebut bagi menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut.

Dewan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya Seksyen 10 Jadual tersebut, mengambil ketetapan bahawa Draf Perintah Perlembagaan

Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilhanraya) (Negeri Sabah) 1984 yang tersebut di atas diluluskan." hendaklah disetujukan.

Bagi maksud ini usul yang ada di hadapan Majlis ini hendaklah disokong dengan undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan Ahli Majlis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 10 Jadual Ketiga dalam Perlembagaan Persekutuan. Adakah sesiapa Ahli Yang Berhormat yang hendak minta diadakan belah bahagian?

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon diadakan belah bahagian mengikut Peraturan Mesyuarat 46 (4).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon supaya lebih daripada 15 orang Ahli berdiri bagi menentukan supaya diadakan belah bahagian.

*(Ahli-ahli bangun dan dikira).*

Saya lihat lebih daripada 15 orang Ahli yang berdiri. Dengan demikian, saya memerintahkan diadakan belah bahagian.

Penghitung-penghitung undi diminta mengambil tempat masing-masing. Setiausaha, sila bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila mengundi.

Dewan berbelah bahagi: Keputusannya ialah Yang Bersetuju, 86; Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang Tidak Mengundi, 1.

#### **YANG BERSETUJU**

1. Dato' Dr Neo Yee Pan
2. Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj

- 3. Tan Sri Chong Hon Nyan
- 4. Dato' Paul Leong
- 5. Datuk Leo Moggie Iroke
- 6. Datin Paduka Rafidah Aziz
- 7. Dato' Dr Haji Sulaiman
- 8. Datuk Abdullah Badawi
- 9. Datuk Mak Hon Kam
- 10. Dato Seri Adib Adam
- 11. Datuk Chin Hon Ngian
- 12. Datuk Shahrir Abd. Samad
- 13. Tuan Anwar Ibrahim
- 14. Dato' Abu Hassan Omar
- 15. Datuk Mohamed Khalil Yaakob
- 16. Tuan Daim Zainuddin
- 17. Dato' K. Pathmanaban
- 18. Datuk Haji Zakaria Haji Abdul Rahman
- 19. Datuk William Lye Chee Hien
- 20. Datin Paduka Chow Poh Kheng
- 21. Puan Shariffah Dorah Mohammed
- 22. Tuan S. Subramaniam
- 23. Puan Hajjah Rahmah Othman
- 24. Datuk Sabbaruddin Chik
- 25. Puan Napsiah Omar
- 26. Tuan Oo Gin Sun
- 27. Tuan Zainal Abidin Zin
- 28. Tuan Mohammed Yahya Lampong
- 29. Tuan Law Hieng Ding
- 30. Tuan Au How Cheong
- 31. Tuan Mohd. Tajol Rosli Mohd. Ghazali
- 32. Tuan Awang Jabar
- 33. Tuan Mustaffa Mohammad
- 34. Tuan Yeoh Poh San
- 35. Tuan Mohd. Kassim Ahmad
- 36. Tuan Abdul Ghafar Baba
- 37. Datuk Michael Chen Wing Sum
- 38. Datuk Haji Mohd. Suhaimi Dato' Haji Kamaruddin
- 39. Datuk Haji Abdul Manan Othman
- 40. Datin Paduka Hajjah Aishah Haji Abdul Ghani
- 41. Tuan Edmund Langgu Saga
- 42. Datuk Seri Haji Kamaruddin Haji Mohd. Isa
- 43. Dato' Lew Sip Hon
- 44. Tuan Haji Dasuki Haji Ahmad
- 45. Datuk Lee Boon Peng
- 46. Dato' Jamaluddin Haji Suhaimi
- 47. Tuan Ismail Arshad
- 48. Tuan Mohammad Idris Mohammad Basri
- 49. Tuan Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed
- 50. Tuan Mokhtaram Rabidin
- 51. Datuk Edwin Tangkun
- 52. Tuan Mohamed Razlan Haji Abdul Hamid
- 53. Tuan Haji Seroji Haji Haron
- 54. Tuan Ng Cheng Kuai
- 55. Dato' Dr Ling Liang Sik
- 56. Tuan Abdul Raman Suliman
- 57. Tuan Lim Liang Seng
- 58. Tuan Khadri Sabran
- 59. Dr Koh Tsu Koon
- 60. Tuan Yahya bin Haji Zakaria
- 61. Tuan Shamsuri Md. Salleh
- 62. Tuan Azharul Abidin
- 63. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad
- 64. Puan Wan Zainab
- 65. Tuan Tan Koon Swan
- 66. Dato' Haji Saidin Haji Mat Piah
- 67. Tuan Seow Hun Khim
- 68. Tuan Ismail Said
- 69. Dr Abdul Hamid Pawanteh

70. Dato' Haji Mohamed Haji Ali
71. Tuan Ahmad Hambal Yeop Majlis
72. Tuan Bahari Haron
73. Tuan Mutang Tagal
74. Tuan Mamat Ghazalee Abdul Rahman
75. Tuan Tan Kok Hooi
76. Datin Paduka Zaleha Ismail
77. Tuan Omar Abdullah
78. Tuan Mohamed Amin Haji Daud
79. Tuan Ibrahim Azmi Hassan
80. Tuan Ban Hon Keong
81. Tuan Othman Abdul
82. Tuan Hassan Haji Mohamed
83. Tuan Hj. Mohd. Zain Abdullah
84. Tuan Wan Ibrahim Wan Abdullah
85. Dato' Hj. Abu Bakar Umar
86. Tuan V. Govindaraj

**YANG TIDAK BERSETUJU**

Tiada

**YANG TIDAK MENGUNDI**

1. Tuan Lee Lam Thye

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa bahawasanya telah pun dibentangkan dalam Dewan ini di bawah Seksyen 9 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan laporan Suruhanjaya

Pilihanraya yang bertarikh 1hb November, 1984 dan dikemukakan kepada Perdana Menteri pada 8hb November, 1984 di bawah Seksyen 8 Jadual tersebut yang mengandungi syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya berkenaan dengan persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Sabah berserta dengan draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri Sabah) 1984 yang akan dibuat di bawah Seksyen 12 Jadual tersebut bagi menguatkuaskan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut.

Dewan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen 10 Jadual tersebut, mengambil ketetapan bahawa draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri Sabah) 1984 yang tersebut di atas tadi diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menangguhkan mesyuarat, saya mengucapkan selamat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian balik ke kawasan masing-masing, ada yang ada pacat (*Ketawa*), ada yang tidak ada pacat, dalam air conditioned selalu, ada yang ada selut, ada yang berjalan atas jalan tar selalu, dan insya Allah, kita akan bertemu pula di dalam sessi yang akan datang.

Mesyuarat ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.55 malam.*